

Bil. 2

**Selasa
21 Mac 2023**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

- Mengalu-alukan Pelantikan Ahli-ahli Dewan Negara (Halaman 1)
- Mengangkat Sumpah di Luar Dewan (Halaman 3)
- Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (Halaman 3)
- Memperkenankan Akta-akta (Halaman 4)

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

(Halaman 4)

USUL:

- Usul Menjunjung Kasih Titah
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
[YB Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah] (Halaman 29)

AHLI HADIR

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim [Yang di-Pertua Dewan Negara]
2. " Dato' Sri Dr. Hj. Mohamad Ali Bin Hj. Mohamad [Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara]
3. " Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup]
4. " Puan Saraswathy A/P Kandasami, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi
5. " Tuan Aknan A/L Ehtook
6. " Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee
7. " Datuk Paul Igai
8. " Datuk John Ambrose
9. " Datuk Razali Bin Idris
10. " Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai
11. " Tuan Manolan Bin Mohamad
12. " Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol
13. " Dato' Sri Ti Lian Ker
14. " Tuan Ir. Md Nasir Bin Hashim
15. " Tuan Robert Lau Hui Yew
16. " Tuan Balasubramaniam A/L Nachiappan
17. " Puan Susan Chemeraai Anding
18. " Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan
19. " Tan Sri Haji Mohamad Fatmi Bin Haji Che Salleh
20. " Datuk Dr. Azhar Bin Ahmad
21. " Dato' Arman Azha Bin Abu Hanifah
22. " Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu
23. " Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian
24. " Datin Ros Suryati Binti Alang
25. " Datuk Seri Hajah Zurainah Binti Musa
26. " Datuk Wira Dr. Mohd Hatta Bin Md Ramli
27. " Tuan Abun Sui Anyit
28. " Datuk Ras Adiba Binti Mohd Radzi
29. " Prof. Datuk Seri Dr. Awang Bin Sariyan
30. " Tuan Mohd Hasbie Bin Muda
31. " Tan Sri Dato' Low Kian Chuan
32. " Dato' Sivaraj A/L Chandran

AHLI HADIR (samb/-)

33. Yang Berhormat Puan Noorita Binti Sual
34. “ Tuan Roderick Wong Siew Lead
35. “ Dato’ Haji Husain Bin Awang (Terengganu)
36. “ Tuan Haji Hussin Bin Ismail (Terengganu)
37. “ Tuan Haji Aziz Bin Ariffin (Perlis)
38. “ Tuan Seruandi Bin Saad (Perlis)
39. “ Dato’ Kesavadas A/L A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)
40. “ Dato’ Dr. Ahmad Azam Bin Hamzah (Negeri Sembilan)
41. “ Datuk Lim Pay Hen (Johor)
42. “ Tuan Sr. Haji Mohd Apandi Bin Mohamad (Kelantan)
43. “ Dr. Hajah Wan Martina Binti Wan Yusoff (Kelantan)
44. “ Tuan Haji Abdul Nasir Bin Haji Idris (Kedah)
45. “ Tuan Musoddak Bin Ahmad (Kedah)
46. “ Dato’ Ajis Bin Sitin (Pahang)
47. “ Dato’ Juhanis Binti Abd Aziz (Pahang)
48. “ Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan (Sabah)
49. “ Puan Noraini Binti Idris (Sabah)
50. “ Dato Dr. Nuing Jeluing (Sarawak)
51. “ Dato’ Ahmad Bin Dato’ Sri Haji Ibrahim (Sarawak)
52. “ Datuk Wira Koh Nai Kwong (Melaka)
53. “ Dr. Lingeshwaran A/L Dato’ Seri R. Arunasalam (Pulau Pinang)
54. “ Tuan Amir Bin Md Ghazali (Pulau Pinang)
55. “ Tuan Muhammad Zahid Bin Md Arip (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)
56. “ Tuan Isaiah A/L D. Jacob (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)
57. “ Datuk Mohd Hisamudin Bin Yahaya (Wilayah Persekutuan Putrajaya)

AHLI TIDAK HADIR

1. Yang Berhormat Dato’ Setia Dr. Haji Mohd Na’im Bin Haji Mokhtar [Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
2. “ Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail [Menteri Dalam Negeri]
3. “ Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri]

AHLI TIDAK HADIR (samb/-)

4. Yang Berhormat Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Bin Abd Kadir [Menteri Luar Negeri]
5. “ Dato' Shamsuddin Bin Haji Abd Ghaffar (Perak)
6. “ Dato' Sri Anifah Bin Aman @ Haniff Amman (Wilayah Persekutuan, Labuan)

**TIDAK HADIR
(DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

1. Yang Berhormat Dato' Haji Jefridin Bin Haji Atan (Johor)
2. “ Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa Bin Hj. Abdullah

HADIR BERSAMA

1. Yang Berhormat Puan Fadhlina Binti Sidek [Menteri Pendidikan] (Nibong Tebal)
2. “ Tuan Sim Chee Keong [Timbalan Menteri Kewangan] (Bukit Mertajam)
3. “ Tuan Liew Chin Tong [Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri] (Iskandar Puteri)
4. “ Dato' Mohammad Yusof Bin Apdal [Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi] (Lahad Datu)
5. “ Tuan Akmal Nasrullah Bin Mohd Nasir [Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan] (Johor Bahru)
6. “ Haji Adly Bin Zahari [Timbalan Menteri Pertahanan] (Alor Gajah)
7. “ Datuk Hajah Rubiah Binti Haji Wang [Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah] (Kota Samarahan)
8. “ Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)] (Bukit Gelugor)
9. “ Tuan Khairul Firdaus Bin Akbar Khan [Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya] (Batu Sapi)
10. “ Tuan Mustapha @ Mohd Yunus Bin Sakmud [Timbalan Menteri Sumber Manusia] (Sepanggar)
11. “ Tuan Lukanisman Bin Awang Sauni [Timbalan Menteri Kesihatan] (Sibuti)
12. “ Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Timbalan Menteri Dalam Negeri] (Lenggong)

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA
Selasa, 21 Mac 2023

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum*, salam sejahtera dan salam bahagia.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengalu-alukan kehadiran Ahli-ahli Dewan Negara yang baharu dilantik dan memulakan tugas pada hari ini. Saya berharap agar penglibatan para Senator dalam setiap sesi perbahasan Dewan yang mulia kali ini akan lebih terserlah.

Dimaklumkan bahawa, saya bersama Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah menerima taklimat daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkaitan undang-undang dan reformasi institusi berkaitan perkembangan terkini penggubalan Akta Perkhidmatan Parlimen dan pindaan terhadap Akta Majlis Parlimen, Keistimewaan dan Kuasa 1952 [*Akta 347*].

Sebagai Pengerusi Bersama, Jawatankuasa Kerja Bersama Yang di-Pertua Dewan Rakyat, kami telah pun melakukan yang terbaik agar lunas-lunas utama dan juga cadangan-cadangan penting dalam penggubalan tersebut terzahir hendaknya sebagai kejayaan.

Namun, apa yang kami teliti semasa taklimat itu diberi, ada beberapa aspek lagi yang pihak berkuasa bagi bahagian kerajaan terkini untuk melaksanakannya. Dewan ini dimaklumkan agar kerajaan benar-benar serius dalam soal menyegerakan pindaan kedua-dua akta tersebut, agar tempoh yang hampir dua tahun kebelakangan ini dapat kita penuhi dengan janji dan komitmen.

Ahli-ahli Yang Berhormat, baru-baru ini juga saya bersama tiga orang Ahli Dewan Negara berkesempatan mengadakan lawatan rasmi ke *House of Lords* Parlimen *United Kingdom*. Kami berkesempatan bertemu *the Lord McFall of Alcluith* iaitu *The Lord Speaker*. Dalam pertemuan tersebut, kami berkesempatan bertukar-tukar maklumat berkaitan fungsi dan peranan kedua-dua Dewan serta berbincang dalam meningkatkan usaha kerjasama erat antara kedua-dua pihak sebagai *The Upper Houses*.

Semasa lawatan itu juga, kami berkesempatan melakukan sesi perbincangan dan bertukar-tukar fikiran berkaitan dengan peranan dan amalan jawatankuasa kedua-dua Dewan. Saya berharap agar hasil perbincangan tersebut dapat dimanfaatkan dan disesuaikan dengan acuan serta amalan di Dewan Negara. Apa yang kita lihat sebagai kepentingan utama ialah agar setiap anggota Dewan Negara memainkan peranan untuk menjuarakan hal-hal berkaitan dengan kehidupan rakyat agar peranan penting kita sebagai wakil mereka di Dewan Negara ini terhasil.

Pada kesempatan ini juga, saya ingin memaklumkan bahawa Parlimen Malaysia sedang merangka Program Jangkauan Luar Parlimen bagi melibatkan orang ramai dalam Hari Terbuka Parlimen yang dijangka diadakan pada 6 Mei 2023 hingga 7 Mei 2023. Saya berharap Ahli-ahli Dewan Negara dapat melibatkan diri dalam semua program yang telah diatur termasuk cadangan mengadakan Parlimen Belia yang menyasarkan golongan muda.

Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti yang tersedia maklum, Mesyuarat Pertama pada penggal ini tertumpu pada perbahasan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah dizahirkan pada 13 Februari 2023 yang lalu, dan diikuti dengan perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2023 serta Urusan Mesyuarat yang lain.

Justeru, saya berharap agar para Senator dapat memanfaatkan ruang dan peluang yang ada melalui perbahasan yang bernas atas perkara-perkara yang berkaitan dalam persidangan kali ini demi kepentingan negara.

Semasa berbahas, kurangkan daripada terus membaca teks ucapan sepanjang masa. Satu permohonan dan satu peringatan yang sering kali disebutkan di Dewan ini. Ini untuk meningkatkan capaian kita, dan kaedah, serta gaya kita berbahas mencerminkan hendaknya kepakaran, dan kebolehan kita berinteraksi dalam menyampaikan ucapan.

Untuk makluman para Senator, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bersetuju agar Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet hadir di Dewan Negara untuk menjawab dengan sendiri Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan, sekurang-kurangnya sekali sepanjang persidangan ini. Adalah diharapkan dengan kehadiran Yang Berhormat Menteri Kabinet, akan dapat memberi serlahan yang lebih bermakna kepada kewujudan Dewan Negara, dan fungsi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah dipohon supaya beliau dapat meluangkan masa sedikit bagi satu sesi untuk Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara bersoal-jawab dengan beliau.

■1010

Jadual itu sedang diurus oleh pihak yang berwajib. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum buat pertama kalinya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengadakan pertemuan dengan Ahli-ahli Dewan Negara pada 14 Februari yang lalu. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Ahli-ahli Dewan Negara yang telah sempat berinteraksi dengan beliau.

Diharapkan juga apa-apa lunas dan nas yang telah dicapai dalam pertemuan itu di susur oleh pentadbiran kita. Pada majlis itu juga beberapa Ahli Dewan Negara telah membangkitkan beberapa isu termasuk permohonan peruntukan kepada Ahli Dewan Negara. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memaklumkan beliau sedia menimbangkan permohonan tersebut, dan ini harus kita susul dengan bersungguh-sungguh.

Turut dibangkitkan perkara yang terkait pengiktirafan yang tinggi terhadap Ahli Dewan Negara, sama ada di peringkat Kerajaan Persekutuan ataupun di peringkat kerajaan negeri masing-masing. Dalam perkara ini saya berharap Ahli-ahli Dewan Negara dapat dilibatkan untuk turut serta dalam majlis-majlis rasmi serta mesyuarat-mesyuarat sama, ada di Peringkat Persekutuan ataupun di negeri.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Senator Datuk Ras Adiba Mohd Radzi telah diumumkan sebagai penerima Anugerah Wanita Berani Antarabangsa... [Tepuk] Atau *International Women of Courage Award* bagi tahun 2023 pada 8 Mac yang lalu dalam satu malis yang disempurnakan oleh Wanita Pertama Amerika Syarikat, Jill Biden, dan Setiausaha Negara Amerika Syarikat Anthony J. Blinken di Rumah Putih Amerika Syarikat. Ini satu kebanggaan bagi Dewan ini dan tahniah itu adalah bagi pihak rakyat juga.

Tahniah diucapkan pada Yang Berhormat Senator Datuk Ras Adiba Mohd Radzi dan sesungguhnya Dewan ini amat berbangga dengan pencapaian tersebut.

Dengan kata-kata itu saya mulakan Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Majlis Parlimen Kelima Belas, Dewan Negara pada hari ini.

MENGANGKAT SUMPAAH DI LUAR DEWAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Majlis ini iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah semasa Majlis Mesyuarat dalam tangguhan serta mengikut Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh yang dinyatakan seperti berikut:

Pada 20 Mac 2023:

1. Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam;
2. Yang Berhormat Senator Tuan Amir bin Ghazali;
3. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail;
4. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris;
5. Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak bin Ahmad;
6. Yang Berhormat Senator Dato' Sri Anifah bin Aman @ Haniff Amman;
7. Yang Berhormat Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob;
8. Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad;
9. Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan;
10. Yang Berhormat Senator Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan;
11. Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli;
12. Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran;
13. Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda;
14. Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit;
15. Yang Berhormat Senator Puan Noorita binti Sual; dan
16. Yang Berhormat Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead.

TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada 13 Februari 2023 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan bertitah dalam kedua-dua Majlis Parlimen secara bersesama.

Saya telah menerima salinan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Diraja itu dibentangkan di atas meja Mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi

[Titah Diraja - DN-13022023, Bil. 1 di Portal Rasmi Parlimen]

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, suka saya memberitahu Majlis ini iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat penggal yang lalu seperti berikut:

- (i) Akta Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 2022

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

Tuan Yang di-Pertua: Dengan hormat dijemput Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang.

Dato' Haji Husain bin Awang: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Ahli-ahli Dewan Negara yang baharu dilantik, sama ada oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dan juga yang dipilih oleh Dewan Undangan Negeri masing-masing.

1. **Dato' Haji Husain bin Awang** minta Perdana Menteri menyatakan, apa langkah-langkah diambil kerajaan dalam menangani isu penipuan atas talian (*scammer*) yang semakin kritikal.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, juga kepada soalan yang dikemukakan.

Terlebih dahulu saya memohon izin sebelum menjawab soalan ini. Saya mohon agar sekiranya soalan ini dijawab bersama dengan enam soalan yang lain iaitu:

- (i) nombor 35 oleh Yang Berhormat Senator Dato Haji Jefridin bin Haji Atan, bertarikh 21 Mac 2023;
- (ii) nombor 41 Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan, bertarikh 21 Mac 2023;
- (iii) nombor 9 oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris, yang dijadualkan pada 28 Mac 2023;
- (iv) nombor 26 Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz bin Ariffin, yang bertarikh 3 April 2023;
- (v) nombor 8 oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker, pada 6 April 2023; dan
- (vi) nombor 55 oleh Yang Berhormat Senator Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian, pada 6 April 2023.

Tuan Yang di-Pertua, soalan-soalan berkenaan dengan *subject matter* yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Oleh yang demikian, saya pohon untuk semuanya dijawab sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan amat menyedari penipuan atas talian dan jenayah siber semakin berleluasa di negara ini. Kerajaan amat komited terhadap usaha untuk menangani penipuan dan jenayah atas talian ataupun *scam* dan telah mencadangkan peruntukan geran sebanyak RM10 juta pada Pusat Respons *Scam* Kebangsaan (NSRC) dalam Belanjawan 2023, antara lain untuk tujuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, hasil analisis-analisis yang telah dijalankan oleh agensi penguat kuasa berdasarkan kepada laporan-laporan mangsa *scam*, mendapati cabaran dan kesukaran yang dihadapi adalah seperti berikut.

Pertamanya, modus operandi *scam* yang semakin kompleks kebanyakan *scam* didalangi oleh sindiket yang didapati beroperasi di luar negara dengan membuat panggilan kepada mangsa-mangsa yang berada di negara ini.

Selain itu, penglibatan akaun-akaun bank milik *mule account* atau akaun keldai yang dikawal oleh sindiket bagi memindahkan wang-wang mangsa *scam*, dan seterusnya menukar hasil wang tersebut dalam bentuk mata wang kripto selain tunai telah menyukarkan pihak berkuasa untuk menjejaki sindiket dalam mengambil tindakan penguatkuasaan.

■1020

Tambahan lagi, kesukaran agensi penguatkuasaan untuk menguatkuasakan tindakan undang-undang apabila melibatkan keperluan pembuktian dari luar negara yang memerlukan kerjasama di peringkat antarabangsa.

Kedua, keperluan mewujudkan pusat pengumpulan maklumat setempat. Ketiadaan sistem khusus bagi pengumpulan maklumat secara berpusat menyebabkan pihak penguat kuasa tidak dapat maklumat menyeluruh dan menyebabkan tindakan penguatkuasaan tidak dilaksanakan secara efektif.

Ketiga, tindakan penguatkuasaan membanteras *scam* dibuat secara berasingan. Terdapat pelbagai jenis kesalahan yang melibatkan *scam* berdasarkan bidang kuasa agensi-agensi penguat kuasa. Antara cabaran yang dihadapi adalah apabila tindakan penguatkuasaan yang dibuat oleh agensi-agensi penguat kuasa secara berasingan ataupun secara *in silo*- tiada keseragaman dan perkongsian maklumat antara agensi-agensi penguat kuasa yang terhad telah menyukarkan tindakan penguatkuasaan bagi membanteras *scam* yang berkesan.

Menyedari akan cabaran-cabaran ini, pihak kerajaan telah mengambil tindakan dengan mempertingkatkan peranan dan keupayaan Pusat Respons *Scam* Kebangsaan, Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Polis Diraja Malaysia yang telah mula beroperasi pada 12 Oktober 2022 lepas.

NSRC merupakan sebuah pusat respons setempat yang boleh dihubungi melalui panggilan pantas 997 yang menggabungkan sumber dan kepakaran dari Bank Negara Malaysia, PDRM, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), serta *National Anti-Financial Online Centre* disokong oleh pihak institusi kewangan dan syarikat telekomunikasi.

Selain itu, pihak kerajaan telah dan akan melaksanakan langkah-langkah bagi memerangi *scam* seperti berikut:

- (i) mempertingkatkan usaha dan kerjasama dengan pihak berkuasa antarabangsa bagi memastikan tindakan lanjut boleh diambil atas penjenayah yang berada di luar negara;
- (ii) mempertingkatkan keupayaan NSRC berkaitan pengoperasian sumber tenaga kerja, sistem data berpusat, kemudahan infrastruktur pejabat, peralatan teknikal dan sistem analisa kewangan; dan
- (iii) kajian sedang dilakukan bagi menambah baik perkhidmatan ini dan membantu pengguna dalam mengenal pasti sama ada panggilan ataupun SMS yang diterima itu adalah sah atau tidak.

Memandangkan pengoperasian NSRC menggabungkan tenaga kerja dan kepakaran pelbagai agensi termasuk institusi perbankan dan syarikat telekomunikasi, suatu tindakan penguatkuasaan bersepadu yang berkesan boleh dilaksanakan.

Antara tindakan yang boleh diambil iaitu tindakan menjejak transaksi kewangan mencurigakan, menjejak talian telefon yang digunakan oleh *scammer*, menyekat pengaliran wang hasil dan membatalkan nombor telefon yang digunakan. Pihak kerajaan sedang secara serius meneliti beberapa peruntukkan undang-undang yang boleh digunakan atau yang boleh dipinda bagi tujuan membolehkan pengembalian wang penipuan kepada mangsa.

Antara peruntukkan undang-undang yang sedang diteliti iaitu Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 dan Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah.

Dalam masa yang sama, pihak SKMM telah berjaya mengambil tindakan dan menyekat sebanyak 1.8 bilion panggilan yang disyaki terlibat dalam perlakuan jenayah atas talian- *online scam*. Memandangkan kesalahan jenayah atas talian- *online scam*, kebanyakan membabitkan penggunaan sistem perbankan, pihak BNM dengan kerjasama institusi kewangan telah mempertingkatkan keselamatan sekuriti transaksi perbankan.

Antara tindakan tersebut adalah menguatkuasakan dasar "*Kill Switch*" kepada semua institusi perbankan bagi membolehkan pengguna sendiri mengambil tindakan segera membekukan akaun mereka termasuk kad ATM daripada digunakan sekiranya terdapat aktiviti yang mencurigakan.

Kelapan, pihak NSRC bersama agensi kerajaan dan swasta berkaitan termasuk badan bukan kerajaan ataupun NGO telah dan akan terus...

Tuan Yang di-Pertua: Baca semua kah Yang Berhormat?

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Ya. Akan habis dalam masa *less than a minute*.

Tuan Yang di-Pertua: Kita ada peraturan bahawa jawapan hendaklah *precise* dan Yang Berhormat Menteri kena menentukan- supaya memberi peluang.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Ini merupakan jawapan kepada tujuh soalan. Saya berharap diberi peluang sedikit. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sedikit lagi bolehlah.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Ya, boleh habis dalam masa singkat.

Statistik laporan berkaitan dengan jumlah kesalahan jenayah atas talian- *online scam* bagi tahun 2018 sehingga tahun 2022 adalah seperti di dalam lampiran. Pihak kerajaan menerusi agensi penguat kuasa dan disokong oleh pihak-pihak berkepentingan amat komited dan mengambil tindakan sewajarnya bagi memerangi kesalahan penipuan dalam talian. Ini termasuk usaha untuk mengesan dalang utama dan mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam perlakuan kesalahan ini.

Kerajaan amat berharap agar rakyat akan sentiasa peka dan berhati-hati sebelum mendedahkan maklumat perbankan mereka kepada pihak-pihak yang diragui identitinya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Haji Husain bin Awang: Terima kasih pada jawapan Menteri yang panjang, dan memenuhi kehendak soalan.

Cuma, soalan tambahannya iaitu memandangkan taktik dan juga strategi oleh pihak penipu atas talian ini semakin hari semakin canggih, adakah aset dan juga kelengkapan yang dimiliki oleh pihak berkuasa seperti polis dan juga agensi-agensi berkaitan sudah mencukupi untuk menyasat dan mengekang jenayah ini? Terima kasih.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya katakan tadi dalam jawapan saya, langkah-langkah yang telah pun diaturkan bagi menangani *scams* ini melibatkan jentera daripada agensi-agensi ini secara maksimum. Kami telah pun mengambil tindakan sewajarnya dalam kesemua keadaan dan mengambil kira kesemua keadaan untuk menangani masalah ini. Saya telah pun menyenaraikan langkah-langkah tersebut secara terperinci yang melibatkan usaha-usaha kami dan juga mekanisme-mekanisme oleh agensi-agensi ini.

Jadi, saya percaya agensi-agensi ini mempunyai aset yang mencukupi pada masa ini. Akan tetapi *of course* perlu kita melihat kepada keadaan dalam masa hadapan untuk menambah baik agensi-agensi tersebut. Terima kasih.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Soalan...

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Soalan saya, perkara ini sudah lima tahun, lebih lima tahun dan saban tahun semakin serius. Setakat ini, apakah kerajaan sudah ada satu mekanisme yang konkrit atau perisian yang sesuai supaya semakin tahun ia semakin berkurangan? Ada jaminan tidak dari kerajaan? Makna, saban tahun ia semakin menurun, menurun, menurun. Katakan kita beri tempoh lima tahun, dia turun kepada tahap 50 peratus. Sudah ada tidak mekanisme tersebut secara konkrit? *Rather than cure, its better preempt* daripada *cure*. Sekian, terima kasih.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Untuk memberi jaminan itu tidak dapat diberi. Jaminan tidak dapat diberi tetapi mengikut statistik, walaupun kes-kes meningkat sejak 2018, dari tahun lepas sehingga sekarang kes telah pun menurun. Jadi, itu merupakan satu tanda yang baik. Kami berharap bahawa dalam- itu menunjukkan bahawa langkah-langkah yang telah pun diambil itu adalah efektif.

Kami berharap langkah-langkah itu akan terus dilaksanakan dan kami melihat penurunan bilangan kes dalam masa lima tahun dari sekarang. Terima kasih.

Datuk Razali bin Idris: Satu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Maiden question*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua dan Menteri, dimaklumkan bahawa antara modus operandi kumpulan-kumpulan *scammer* ini mewujudkan 'akaun-akaun keldai'- *mule account*.

■1030

Untuk membuka akaun ini Tuan Yang di-Pertua, ia memerlukan kerjasama daripada pihak bank sebab yang buka akaun ini bank. Ada maklumat Tuan Yang di-Pertua, bahawa mudah sangat untuk membuka akaun ini, sampai ada yang menganggap ia sebahagian daripada permainan orang bank.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada perkara ini telah disiasat, adakah benar dan apakah langkah-langkah yang sepatutnya diambil oleh bank untuk memastikan *mule account* ini tidak boleh dibuka sewenang-wenangnya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, akhirnya. Sila.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Terima kasih. Sudah tentunya salah satu pihak yang penting dalam kesemua *scam* ataupun kes-kes *scam* ini iaitu pihak bank. Sama ada mereka bertindak secara aktif, itu ialah satu perkara yang selalunya diambil serius oleh pihak kerajaan, dan kami telah pun mengambil langkah untuk *engage* dengan pihak-pihak bank agar bekerjasama dengan mereka untuk mengelakkan berlakunya *scam* seperti ini pada masa depan.

Kerajaan memang bekerjasama dengan pihak bank buat masa ini bagi mendapat kesimpulan-kesimpulan yang akan lebih efektif pada masa depan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Untuk makluman, Ahli...

Datuk Razali bin Idris: Tujuh soalan, tujuh.

Tuan Yang di-Pertua: ...Jawatankuasa Khas Dewan ini telah pun diarah beberapa bulan yang lalu supaya mengambil tindakan khas berhubung dengan isu yang kita bangkitkan pada hari ini. Agar Jawatankuasa Pilihan Khas itu meneruskan kerja utamanya. Sila.

Datuk Razali bin Idris: Akhir, ya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Akhir.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang kalau kita lihat bukan setakat ratusan juta yang hilang tetapi *scammer* sudah menghala kepada pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi, dan semakin lama semakin berat, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi soalan tambahan saya, adakah kerajaan tidak bercadang untuk mengikut jejak langkah beberapa buah negara seperti yang baru-baru ini- Filipina, ia menjadikan satu pencegahan *scam* sebagai sebahagian daripada silibus pelajaran? Jadi, itu soalan saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat.

Sama ada *scam* ini akan dijadikan silibus seperti di negara Filipina itu saya tidak mempunyai maklumat itu pada masa ini. Akan tetapi, apa yang saya boleh katakan adalah bahawa, usaha-usaha untuk pendidikan ataupun untuk- *to educate potential vicitims*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, sedang dilakukan. Ini mungkin satu perkara yang kita boleh mengambil kira, menjadikan ia sebahagian daripada pelajaran, dan sebagainya pada masa depan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Dato' Ajis bin Sitin.

2. Dato' Ajis bin Sitin minta Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah menyatakan, apa usaha-usaha kerajaan untuk meningkatkan tahap ekonomi masyarakat Orang Asli selaras dengan aspirasi Malaysia Madani untuk menghapuskan kemiskinan tegar dalam tempoh terdekat.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah [Datuk Rubiah binti Haji Wang]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah amat komited dalam pembangunan dan kesejahteraan masyarakat Orang Asli.

Pada tahun 2023, JAKOA telah diperuntukkan sebanyak RM8 juta di bawah Program Pembangunan Ekonomi Orang Asli dan RM15 juta untuk Projek Tanam Semula Komersial, yang mana langkah-langkah ini diambil untuk memastikan program ekonomi bagi masyarakat Orang Asli.

Pertama, Program Pembangunan Ekonomi Masyarakat Orang Asli, JAKOA telah memperluas pelaksanaan projek-projek pertanian, penternakan dan perikanan melalui kerjasama rakan sinergi seperti MARDI, Jabatan Pertanian, Lembaga Koko Malaysia dan lain-lain yang berkenaan.

Program *Quick Win* juga diberi kepada beberapa buah negeri yang terlibat dengan tujuan bagi memberi pulangan pendapatan yang cepat dalam masa enam hingga lapan bulan dalam pelaksanaan tanaman kontan.

Kedua, sebagai tambahan, prasarana pertanian dan juga jentera pertanian kecil juga diberikan selaras dengan kehendak masyarakat Orang Asli yang terlibat, yang berminat dalam bidang pertanian, perladangan dalam usaha meningkatkan pendapatan mereka. Seramai 817 orang penerima di bawah bantuan ini akan diberikan oleh pihak JAKOA.

Ketiga, bagi membantu petani supaya terus konsisten meningkatkan pendapatan, bantuan input pertanian seperti baja, racun, anak pokok dan lain-lain akan disalurkan untuk tujuan meningkatkan produktiviti selain mengurangkan kos penyelenggaraan tanaman dengan penerima seramai 1,143 orang pada tahun ini.

Selain daripada itu, bagi pembangunan tanah dengan tanaman getah, kelapa sawit dan koko secara komersial akan terus dilaksanakan dengan penumpuan terhadap kawasan petempatan yang mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi. Pada tahun ini, terdapat 18 projek ladang akan dibangunkan untuk projek tanam semula dengan kerjasama agensi RISDA dan FELCRA. Ia melibatkan penerima seramai 2,196 orang peserta dengan keluasan tanah 4,411.58 hektar.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kementerian juga telah melaksanakan Program Peningkatan Pendapatan (PPP) di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat yang bertujuan meningkatkan pendapatan golongan miskin tegar, miskin dan berpendapatan rendah B40 di luar bandar melalui penglibatan mereka dalam projek-projek ekonomi yang berupaya meningkatkan taraf hidup mereka. Salah satu skop bantuan yang disediakan ialah projek ekonomi berasaskan perniagaan secara kecil-kecilan.

Di bawah projek ini, usahawan-usahawan Orang Asli yang menepati kriteria layak menerima bantuan semaksimum RM10,000. Pada tahun 2022, seramai 12 orang usahawan Orang Asli menerima bantuan di bawah program ini dengan melibatkan peruntukan RM51,541. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Soalan tambahan.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: *[Bangun]*

Dato' Ajis bin Sitin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, silakan.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Bagi dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Bagi dahulu... *[Ketawa]*

Dato' Ajis bin Sitin: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan. Cuma saya ingin tahu, satu inisiatif yang berimpak sangat besar telah dilancarkan pada tahun 2000, di mana pihak kerajaan telah menanam ladang-ladang sawit di kawasan tanah Orang Asli. Program ini sangat berjaya sehingga sekarang banyak Orang Asli telah bergantung harap kepada projek tersebut.

Cumanya, akhir-akhir ini program tersebut tidak berapa menjadi di mana pengurusannya telah agak kurang baik. Jadi soalan tambahan saya ialah, setujukah kerajaan- membenarkan ladang-ladang tersebut diusahakan oleh orang kampung sendiri bagi memastikan mereka terlibat sendiri untuk menaikkan ekonomi mereka dan mungkin mendapat pulangan atau pendapatan yang lebih baik? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Hajah Rubiah binti Haji Wang: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan tadi. Untuk makluman Yang Berhormat, seperti yang saya maklumkan tadi, tanaman ekonomi secara komersial juga dilaksanakan untuk masyarakat Orang Asli, di mana RISDA dan FELCRA sebagai agensi pelaksana meneruskan program-program ini di kawasan-kawasan Orang Asli.

Untuk makluman Yang Berhormat, tanaman berskala besar ini kita fokuskan kepada kawasan-kawasan yang telah dipersetujui oleh kerajaan negeri. Manakala kawasan-kawasan yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat tadi merupakan kawasan-kawasan persendirian yang mana status tanahnya perlu mendapat perkenan dahulu daripada kerajaan negeri.

■1040

Pihak kementerian, khususnya JAKOA, tidak ada masalah dalam usaha kita memastikan pembangunan ladang-ladang persendirian terutamanya di kawasan tanah-tanah yang dimiliki terus pihak masyarakat Orang Asli. Cuma, baru-baru ini terdapat isu berkaitan dengan masyarakat Orang Asli yang melibatkan kawasan tanah simpanan. Itu sahaja. Namun begitu, pihak JAKOA mengambil inisiatif untuk mempermudah permohonan-permohonan ini melalui libat urus dengan beberapa buah agensi lagi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada seorang lagi nak tanya.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Wanita tadi. Dipersilakan.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tadi. Cuma, saya ingin membangkitkan satu isu. Contohnya kepada Orang-orang Asli terutamanya di kawasan pedalaman Gua Musang, saya bagi contoh secara spesifik di Kuala Koh di mana penduduk-penduduk di sini masih hidup secara nomad. Jadi, soalan saya adalah...

Tuan Yang di-Pertua: Secara apa Yang Berhormat..., nomad?

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Nomad, nomad. Jadi, soalan saya adalah, bagaimana usaha kerajaan untuk memastikan bahawa anak-anak muda di sini terutamanya, mendapat pendidikan secara informal dalam bidang pertanian yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi? Kebanyakan mereka tidak tahu bagaimana. Jadi, bagaimanakah persediaan daripada kementerian atau daripada JAKOA sendiri untuk memberi pendidikan terutamanya di dalam untuk meningkatkan ekonomi dalam bidang pertanian di kawasan tersebut? Terima kasih.

Datuk Rubiah binti Haji Wang: Terima kasih atas soalan tambahan tadi. Untuk makluman Yang Berhormat, pembangunan kawasan Orang Asli, khasnya di Gua Musang, memang kita sedari masih lagi ketinggalan memandangkan kawasan ini masih lagi dalam proses pembangunan, khasnya dari sudut pembangunan infrastruktur. Ada sesetengah kawasan itu memang sukar untuk dihubungi.

Namun begitu, di bawah pentadbiran agensi KKDW iaitu KESEDAR dan JAKOA, kita mengambil kira juga tentang pembangunan ekonomi masyarakat Orang Asli di kawasan ini melalui program-program libat urus bersama dengan Orang Asli dan juga JAKOA. Kita mengenal pasti keperluan ekonomi yang diperlukan oleh masyarakat Orang Asli di kawasan berkenaan.

Untuk para belia, sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat, di bawah JAKOA, kita ada satu program khas yang disebut- yang ini lebih kepada perhimpunan tahunan, yang disebut K-BOARDS anak-anak belia masyarakat Orang Asli secara tahunan. Melalui program ini, kita mengumpulkan belia di seluruh negara, khasnya di enam buah negeri, di satu buah tempat program ini kita memberi kesedaran tentang program-program ekonomi khasnya *job matching*, pendidikan TVET bersama-sama dengan agensi-agensinya dan juga kesedaran berkaitan dengan pendidikan. Bukan sahaja dari sudut pendidikan ekonomi, malah dari sudut pendidikan.

Melalui program inilah kita telah berjaya memastikan peningkatan peluang-peluang ekonomi masyarakat Orang Asli khususnya para belia. Setakat ini, setiap tahun kita melahirkan lebih 300 orang belia dalam program-program ekonomi di bawah JAKOA. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang nomad tadi tidak payah jawab ya?

Datuk Rubiah binti Haji Wang: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, tidak apa. Saya cungkil sedikit sahaja. Ada satu lagi. Silakan.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila disebut soalan miskin tegar ini, Tuan Yang di-Pertua, dia miskin- tegar bukan sahaja miskin, tetapi miskin tegar.

Kita tahu tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut Tanam Semula Komersial (TSK), iaitu tanah Orang Asli yang diusahakan oleh FELCRA dan juga RISDA.

Jadi, soalan saya, di Kementerian Ekonomi, Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada dipanggil “inisiatif pendapatan rakyat.” Adakah kementerian bekerjasama dengan Kementerian Ekonomi untuk memajukan tanah-tanah Orang Asli ini yang lebih 20,000 hektar ini yang kurang memberi manfaat kepada masyarakat Orang Asli dan juga mungkin boleh mengurangkan miskin tegar tadi? Itu soalan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Rubiah binti Haji Wang: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat, kita memang sedang dalam usaha membuat libat urus dengan kementerian-kementerian lain dalam usaha kita memastikan program-program ekonomi- Kementerian KKDW ini tidak bekerja sendiri. Kita hendak dalam satu pembangunan yang lebih bersepadu. Jadi, masa ini, kita mengetahui di bawah Kementerian Ekonomi memang ada satu peruntukkan yang melibatkan pembangunan ekonomi khususnya pembangunan ekonomi ladang dan juga peningkatan ekonomi untuk miskin dan juga miskin tegar.

Namun begitu, untuk makluman Yang Berhormat, kita sekarang tengah mengumpul cadangan-cadangan permohonan yang boleh kita angkat dan boleh kita bantu. Kita akan padankan dengan agensi-agensi di bawah KKDW dan juga di luar KKDW dalam usaha kita membangunkan kawasan-kawasan yang masih terbiar khususnya yang tidak mempunyai pulangan ekonomi yang baik. Kita masih lagi dalam proses membuat cadangan-cadangan yang baik untuk membantu masyarakat-masyarakat Orang Asli.

Cuma, kekangan kita, Yang Berhormat, apabila melibatkan masyarakat Orang Asli ialah status tanah. Kita perlu memperincikan dahulu dengan kerajaan negeri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

3. Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, hala tuju pengajian TVET selaras dengan kenyataan YAB Perdana Menteri untuk menyatukan pendidikan dan pengajian TVET di bawah satu buah agensi kerajaan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Malaysia Madani.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon keizinan Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab soalan bersekali soalan nombor 3 daripada Yang Berhormat Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan; dan soalan nombor 16 daripada Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook, bertarikh 4 April 2023.

Untuk makluman Dewan yang mulia, langkah penyelarasan dan penstrukturan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional...

Tuan Yang di-Pertua: Biasa kita apabila permohonan itu dibuat, mesti dijawab dahulu. Sebab alasannya- sama kandungannya, tujuannya. Jadi apabila dijawab “boleh”, baharulah terus.

Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud: Okey, sorry.

Tuan Yang di-Pertua: ...Bukan disebut sahaja, kemudian terus dijawab.

Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud: Minta maaf. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Sebab, sudah lama tidak bersidang.

Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud: Lama dan baharu. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, soalnya lebih kurang sama dan mohon dijawab bersekali.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Dewan yang mulia, langkah penyelarasan dan penstrukturan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) negara khususnya berkaitan meletakkan tadbir urus TVET di bawah satu kementerian perlu dilakukan secara cermat dengan mengambil kira pandangan semua pemegang taruh terlibat serta memerlukan persetujuan secara kolektif. Apa jua cadangan penstrukturan melalui langkah rasionalisasi, konsolidasi atau sentralisasi yang komprehensif akan dipertimbang dan dikaji keberkesannya sebelum ia dilaksanakan.

Sebagai usaha menyelaras pelaksanaan program TVET, kerajaan telah menubuhkan Majlis TVET Negara sebagai satu usaha untuk menambah baik penyelarasan ekosistem TVET negara. M-TVET berperanan sebagai badan tertinggi dalam membuat keputusan berkaitan hala tuju TVET negara di mana keanggotaannya merentasi semua kementerian penyedia TVET dan pelbagai pemegang taruh yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 7 Disember 2022, Kementerian Sumber Manusia diamanahkan sebagai sekretariat Majlis TVET Negara. Kementerian ini akan memanfaatkan pelbagai hasil kajian terdahulu yang telah mengenal pasti isu dan cadangan penambahbaikan, seterusnya merancang gerak kerja komprehensif dengan sokongan dan kerjasama kukuh semua pemegang taruh TVET kerajaan dan juga swasta secara berterusan.

■1050

Agenda memperkasakan pelaksanaan TVET ini meliputi aspek tadbir urus, kualiti, industri pembiayaan dan penjenamaan.

Bagi memperkukuhkan lagi impak transformasi projek TVET, kementerian kini giat meneroka peluang kerjasama melibatkan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat swasta.

Kementerian Sumber Manusia menyasarkan 50 memorandum kerjasama seperti yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan RUU Perbekalan 2023 pada 24 Februari 2023. Setakat 16 Mac 2023, KSM telah berjaya menandatangani 10 memorandum kerjasama.

Menerusi memorandum kerjasama ini, pihak industri akan terlibat secara langsung dalam pelaksanaan program TVET merangkumi skop pembangunan kurikulum dan bahan latihan, sumbangan dan perkongsian peralatan serta kemudahan khidmat kepakaran dan pembiayaan program latihan. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Soalan tambahan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan, sila.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Apakah pelan tindakan khusus Kementerian Sumber Manusia untuk mendorong lebih ramai pelajar menceburi bidang TVET? Umpamanya menyediakan geran bagi golongan B40 dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud: Terima kasih atas soalan tambahan Yang Berhormat Senator. Memang sekarang ini dalam Majlis TVET Negara kita sedang merancang agar semua penyedia latihan TVET ini akan melibatkan industri, dengan izin, *industry driven*.

Dalam kerjasama tersebut, pelbagai inisiatif dibuat maknanya yang pihak industri akan menyediakan pembangunan kokurikulum dan bahan latihan, sumbangan, perkongsian, pengajar dan juga program pembiayaan latihan, terutama kepada golongan B40.

Pada masa yang sama juga kita ada unit khusus yang akan membantu membiayai yang dipanggil Tabung Pembangunan Kemahiran. Ini juga akan membantu mana-mana pelajar yang memerlukan pembiayaan dan kita akan cuba bantu melalui tabung ini. Saya harap soalan dapat dijawab.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai tadi ada bangun.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya memang setuju dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mengatakan mesti adakan satu ekosistem yang baik untuk TVET.

Akan tetapi suatu faktor halangan yang terbesar TVET ini adalah segolongan rakyat menganggap TVET itu pilihan yang kedua atau yang terakhir yang terutamanya untuk budak-budak atau murid-murid yang kurang cemerlang daripada segi akademik.

Oleh itu saya mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri cerahkan, selain daripada menyatukan sistem itu, apakah usaha-usaha untuk membetulkan atau mengubahkan persepsi negatif tersebut? Terima kasih.

Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud: Terima kasih atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat Senator.

Ini sebenarnya menjadi tugas yang amat berat di Kementerian Sumber Manusia sendiri dan juga Majlis TVET Negara. Namun kita sedang merangka satu usaha baru untuk membuat penjenamaan kepada TVET.

Untuk makluman semua, ini yang kadang-kadang ibu bapa terutamanya tidak maklum bahawa kalau kita merujuk kepada Laporan Kajian Pengesanan Graduan 2021, maklumat kadar kebolehpasaran graduan TVET adalah seperti berikut:

- (i) tahun 2018 – 88.9 peratus;
- (ii) tahun 2019 – 93.4 peratus;
- (iii) tahun 2020 – 87 peratus; dan
- (iv) tahun 2021 – 88 peratus.

Kita mahu maklumkan kepada semua terutama ibu bapa bahawa mana-mana pelajar yang lahir daripada penyediaan latihan TVET ini memang 80 peratus sehingga 90 peratus ke atas mendapat peluang pekerjaan berbanding dengan kalau daripada keluaran universiti.

Kita bukan menidakkan universiti tetapi kita mahu beri maklumat kepada masyarakat bahawa kebolehpasaran graduan TVET ini amat tinggi.

Jadi kita amat menggalakkan supaya semua ibu bapa terutama lepasan SPM pada tahun ini dapat memilih laluan TVET ini sebagai laluan kerjaya mereka pada masa hadapan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh.

4. Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta Menteri Kewangan menyatakan, apa perkembangan terkini berhubung mekanisme pengagihan subsidi supaya lebih bersasar dan efisien agar dapat mengelak daripada berlakunya ketirisan.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Sim Chee Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, bangga saya dapat jawab soalan semula dalam Dewan yang mulia ini di bawah pimpinan Tuan Yang di-Pertua, seorang yang dikenali sebagai yang memartabatkan Bahasa Melayu...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, boleh la tambah sedikit masa... [Ketawa]

Tuan Sim Chee Keong: [Ketawa] Itu memang motifnya.

Tuan Yang di-Pertua kerajaan komited dalam melaksanakan pemberian subsidi secara bersasar bagi mengurangkan ketirisan.

Langkah pertama yang diambil adalah melalui pemberian subsidi bil elektrik secara bersasar pada separuh tahun 2023 apabila sebahagian pelepasan kos-kos tidak seimbang ataupun, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *imbalance cost pass-through* (ICPT) dilepaskan kepada pengguna-pengguna yang menggunakan bekalan elektrik bervoltan sederhana dan tinggi terutamanya daripada kalangan industri termasuk perbadanan multinasional.

Melalui mekanisme ini, pengguna-pengguna bervoltan sederhana dan tinggi daripada kalangan industri termasuk perbadanan multi nasional ini akan dikenakan surcaj pada kadar 20 sen per kilowatt, dan hanya beri kesan kepada satu peratus daripada keseluruhan pengguna elektrik.

Pelaksanaan pemberian subsidi bil elektrik secara bersasar ini memberi penjimatan sebanyak RM4.1 bilion kepada kerajaan dengan kos keseluruhan sebanyak RM10.8 bilion berbanding jumlah asal sebanyak RM14.9 bilion.

Kerajaan juga sedang mengkaji pelaksanaan pemberian subsidi diesel secara bersasar berasas kepada model yang bersesuaian dan kebolehlaksanaan. Pelaksanaan pemberian subsidi secara bersasar ini akan dibuat secara berperingkat tertakluk kepada ketersediaan serta mengekalkan fokus kerajaan dalam memastikan kos sara hidup rakyat tidak terjejas.

Pelaksanaan pemberian subsidi diesel secara bersasar yang sedang dipertimbangkan dijangka tidak akan meningkatkan kos kepada industri sedia ada. Namun kerajaan tetap menitik berat aspek pelaksanaan dan komunikasi yang berkesan kepada pihak industri agar tidak berlaku kejutan kepada ekonomi. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Penyoal yang pertama tadi, Yang Berhormat Tan Sri.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Soalan tambahan.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Tuan Yang di-Pertua, antara matlamat subsidi bersasar ini ialah untuk mengelakkan ketirisan dan juga mendapat penjimatan duit kerajaan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri berkongsi dengan kita berapa banyak penjimatan yang telah kita dapat dengan pelaksanaan subsidi bersasar ini? Terima kasih.

Tuan Sim Chee Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi atas soalan tadi. Sebenarnya saya telah pun menjawab tadi melalui pelaksanaan subsidi bersasar dalam sektor bil elektrik.

Pada tahun ini kita berjaya melaksanakan penjimatan sebanyak RM4.1 bilion iaitu dengan kos keseluruhan RM10.8 bilion berbanding dengan yang asalnya RM14.9 bilion. Jadi ini merupakan tahap pertama pelaksanaan subsidi bersasar iaitu dalam sektor bil elektrik.

Untuk makluman Dewan juga, pelaksanaan ini akan hanya melibatkan satu peratus iaitu peratus ataupun pengguna bekalan elektrik paling tinggi di kalangan pengguna elektrik. Kebanyakan daripada pengguna ini merupakan pengguna syarikat perbadanan multinasional (MNC). Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad tadi hendak tanya apa?

Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad: Hendak tanya soalan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Okey, tadi sektor bil elektrik, sekarang kalau sektor minyak, gas dan juga sektor minyak masak antara segmen yang paling besar subsidi yang dikeluarkan oleh kerajaan.

Apakah sekarang kerajaan sudah mengenal pasti mekanisme bagaimana hendak mengesan mereka yang layak untuk menerima subsidi bersasar tersebut? Sama ada minyak masak dan juga minyak kenderaan...

Tuan Yang di-Pertua: Tersasar.

Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad: ...Saya ada cadangan dia kalau belum ada. Terima kasih.

■1100

Tuan Sim Chee Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mohd Apani. Seperti yang saya maklumkan dalam jawapan saya yang pertama itu, sebenarnya peringkat pertama ialah subsidi bersasar untuk bil elektrik. Peringkat seterusnya ialah subsidi bersasar untuk diesel yang kini sedang dalam penelitian oleh sebuah *taskforce* ataupun pasukan kerja khas di bawah kementerian.

Kita ambil maklum bahawa pelaksanaan subsidi bersasar ini sepatutnya dilakukan dengan cermat sebab bukan sahaja- pelaksanaan subsidi bersasar mungkin akan menyebabkan kadar inflasi yang mendadak apabila subsidi ditarik balik. Akan tetapi, ia juga akan mengakibatkan kesusahan di kalangan rakyat yang bergantung kepada subsidi contohnya minyak dan petrol.

Jadi, peringkat kedua yang akan dikaji ialah atau peringkat kedua pelaksanaan dalam rancangan ialah peringkat subsidi bersasar bagi penggunaan diesel. Seterusnya, akan diteliti pada masa yang akan datang. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tiada lagi. Tahniah atas kelancaran berbahasa.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah.

5. Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta Menteri Pendidikan menyatakan, 72 peratus daripada pelajar lepasan SPM tidak mahu menyambung pengajian lebih tinggi kerana lebih cenderung kepada ekonomi *gig*. Apa langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan pekerja berkemahiran dan berpengetahuan di masa akan datang.

Menteri Pendidikan [Puan Fadhlina binti Sidek]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih datang ke sarang lama... [Tepuk]

Puan Fadhlina binti Sidek: Saya sahut teguran dan juga saranan Tuan Yang di-Pertua pada sesi-sesi yang lepas sebelum ini Tuan Yang di-Pertua. Saya juga merasa sangat bahagia dan gembira seperti siri pulang ke gagang, Tuan Yang di-Pertua.

Saya juga ingin rakamkan ucapan tahniah kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang baharu dilantik. Mudah-mudahan dengan pelantikan ini akan memberikan iltizam untuk Ahli-ahli Yang Berhormat terus menyumbangkan khidmat kebaktian untuk negara.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa komited melaksanakan pengesanan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia bertujuan untuk mengumpul status murid selepas tamat persekolahan Tingkatan 5.

Bagi tujuan tersebut, KPM telah menggunakan Sistem e-Profil Kerjaya Murid dan berdasarkan sistem ini, sehingga 2 Februari 2023 seramai 50.3 peratus murid sedang menyambung pengajian di pelbagai institusi dan 30.8 peratus yang bekerja bagi lepasan SPM tahun 2021.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, selain daripada itu Pentaksiran Psikometrik yang dilaksanakan oleh KPM melalui Pentaksiran Berasaskan Sekolah dapat membantu guru mengenal pasti kecenderungan, kebolehan, potensi dan personaliti, bakat dan juga membimbing murid tentang kecenderungan mereka ini untuk memilih kerjaya dan kemahiran yang dominan dalam diri mereka dalam menentukan hala tuju kerjaya mereka selepas tamat persekolahan.

Yang Berhormat, KPM juga turut mengambil langkah untuk memberi pendedahan kepada murid berhubung laluan kerjaya serta pendidikan selepas tamat Tingkatan 5. Seperti sesi bimbingan yang berfokus untuk memberikan maklumat yang terkini dan bersesuaian dengan kebolehan dan potensi mereka.

Kedua, menggalakkan mereka menyertai bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik serta bidang pendidikan dan latihan teknikal vokasional. Saya menyambut saranan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi dan saya ingin nyatakan bahawa di peringkat KPM kita mempunyai kebolehpasaran sebanyak 98 peratus Yang Berhormat, dalam tempoh tiga tahun terkini bagi lulusan TVET di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia.

Yang Berhormat, kami juga mengadakan pelbagai ceramah motivasi, Bengkel Kemahiran Belajar, Kursus Pemantapan Jati Diri, pameran dan Karnival Pendidikan Kerjaya dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi.

Kita juga mempunyai perkongsian-perkongsian hala tuju kerjaya menerusi alumni sekolah. Mengadakan Hari Kerjaya di sekolah dan mengadakan jaringan dan jalinan dengan agensi kerajaan seperti Kementerian Sumber Manusia dan agensi-agensi bukan kerajaan seperti Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp) yang membantu mencari peluang pekerjaan. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Penyoal.

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Saya rasa, dalam industri *gig* juga ada peningkatan. Kalau sekarang ini saya rasa tumpuan banyak kepada *Foodpanda*, *Grab* dan *transport*, dan sebagainya.

Akan tetapi, saya rasa dalam masa-masa akan datang ia akan berkembang kepada tahap yang lebih tinggi seperti akaun, *engineering* dan *architecture*. Jadi, bagaimana usaha kerajaan untuk mempromosikan bahawa walaupun mereka berminat dalam ekonomi *gig* tetapi mereka perlu mendapat pendidikan tinggi terlebih dahulu untuk naik taraf diri mereka di masa-masa akan datang. Terima kasih.

Puan Fadhina binti Sidek: Terima kasih Yang Berhormat, soalan itu cukup signifikan.

Yang Berhormat, saya fikir dalam memastikan perkara tersebut berjalan dengan baik. Pertama, beberapa pendekatan kami buat termasuklah, pertama kali ialah untuk mengatasi keciciran di peringkat awal lagi. Jadi, intervensi itu telah berlaku di peringkat KPM untuk memastikan keciciran itu tidak berlaku. Mereka ini akan kekal dalam sistem persekolahan kebangsaan, kemudian sentiasa diberikan pendedahan tentang peluang pendidikan selepas tamat Tingkatan 5.

Dalam masa yang sama, kami juga mengambil perhatian tentang saranan-saranan sebentar tadi yang program-program ini akan dilaksanakan bukan sahaja di peringkat Tingkatan 5 tetapi juga lebih awal lagi Yang Berhormat.

Saya bagi contoh program keusahawanan misalnya telah diperkenalkan dengan lebih awal dan program ini sebenarnya Yang Berhormat akan menentukan beberapa perkara, memberikan perhatian kepada beberapa perkara.

Contohnya, mengenalkan mereka kepada ilmu-ilmu keusahawanan, keselamatan, pendedahan kepada media sosial dan juga pengurusan-pengurusan yang terkait rapat dengan keusahawanan ini.

Industri atau ekonomi *gig* ini, saya pastikan akan juga memberikan juga satu peluang yang baik dan pihak kami sentiasa dari semasa ke semasa memastikan KPM sentiasa berada dalam *track*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Landasan yang sama untuk menyediakan mereka daripada awal.

Tunjangnya adalah di KPM Yang Berhormat. Tunjang keilmuan itu kami jaga. Maknanya usahawannya, pendedahan dan sudut keilmuan itu kita jaga. Selepas itu kita akan lepaskan mereka kepada industri dan ketika itulah nilai-nilai yang dibina daripada KPM itu kita akan pastikan mereka juga bawa bersama. Jadi soal ilmu, nilai-nilai murni itu kita jaga di peringkat KPM. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Okey, 70 peratus mengikut data yang tidak meneruskan...

Puan Fadhlina binti Sidek: Jumlah 72 peratus...

Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad: Jumlah 77 peratus. Okey, 72 peratus, dalam tulisan ini 72 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat Menteri, sekarang adakah kerajaan atau kementerian sudah mengenal pasti bahawa 72 peratus itu bila mereka terlibat dengan ekonomi *gig*, adakah mereka hanya sekadar menjadi pekerja sokongan ataupun pekerja pembina, seperti mana Bill Gates, Steve Jobs, Ellison Oracle dan banyak lagi, ada dalam 20 teratas orang terkaya dalam dunia. Mereka ini lebih kepada sekadar pekerja sokongan ataupun pembina kepada ekonomi *gig*..., ada kajian tidak? Terima kasih.

Puan Fadhlina binti Sidek: Terima kasih, Ahli-ahli Yang Berhormat. Rakan saya ini masih tidak berubah, begitulah dia dengan soalan-soalannya.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya jelaskan beberapa perkara. Pertamanya, daripada persoalan asal itu adalah berkaitan 72 peratus pelajar lepasan SPM yang tidak mahu menyambung pengajian lebih tinggi. Ada sambungan itu kerana pada anggapannya ada kecenderungan kepada ekonomi *gig*.

Seperti yang saya telah jawab tadi Yang Berhormat bahawa dalam data KPM, saya perlu pertahankan data KPM terlebih dahulu, bahawa kita ada sistem KPM profil ini yang menjaga setiap anak murid kita ini. Jadi, seperti mana yang saya sebut tadi 50 peratus sedang menyambung pengajian manakala 30 peratus lagi kita sedang melihat mereka sudah pun bekerja selepas SPM.

Jadi, dalam konteks mengenal pasti mereka di mana ini, kita ada data itu Yang Berhormat. Maknanya yang belajar dan menyambung pengajian dan juga yang bekerja. Walau bagaimanapun, saranan Yang Berhormat tadi saya akan ambil kira untuk melihat sejauh mana selepas ini dan juga kajian-kajian kebolehpasaran mereka ini berdasarkan segmen-segmen yang akan kita rentas kementerian yang saya fikir Kementerian Sumber Manusia ada, Kementerian Pengajian Tinggi juga ada untuk sama-sama kita pastikan bahawa mereka ini sentiasa mendapat tempat dalam pengajian mahupun dalam bidang kerjaya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Soalan tambahan.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Okey, nilai dan ilmu setakat Darjah 6 sahaja diwajibkan kerana sekolah menengah tidak diwajibkan pada masa ini. Bilakah agaknya kementerian akan mewajibkan pelajaran sekolah menengah untuk memastikan bahawa budak-budak Darjah 6 ini tidak akan tercicir?

Sekolah Tamil umpamanya, 13,000 orang murid daripada 80,000 orang murid Darjah 6 tidak meneruskan pelajaran mereka ke sekolah menengah. Sekian, terima kasih.

■1110

Puan Fadhlina binti Sidek: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya nyatakan juga rasa penghormatan saya kerana keprihatinan Yang Berhormat tentang isu-isu ini.

Ingin saya maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa benar setakat ini berdasarkan Akta Pendidikan Negara dan Dasar Pendidikan Wajib hanya setakat darjah enam sahaja. Akan tetapi komitmen Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Berhormat telah pun kita panjangkan dan kita sebar luaskan antara lain misalnya kita juga telah mengadakan Program Sekolah Model Khas Komprehensif iaitu K9 dan K11.

K9 ini akan memastikan anak-anak kita tidak tercicir daripada Darjah 1 sehingga Tingkatan 3. K11 akan memastikan anak-anak kita ini akan terus berada di sekolah daripada Darjah 1 sehingga Tingkatan 5. K11 baharu semalam- satu di Kuala Lipis, dan satu lagi di Long Bedian di Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, KPM dalam konteks hari ini sudah pun menyediakan draf untuk memastikan peringkat sekolah menengah juga wajib. Jadi draf ini sudah pun berada- telah pun kita sediakan, dan serahkan ke Pejabat Peguam Negara untuk memastikan anak-anak kita tidak ada yang tercicir baik di peringkat sekolah rendah mahupun di peringkat sekolah menengah. Ini komitmen kita untuk memastikan tiada siapa yang tercicir, dengan izin, *no one*, ataupun *no child is left behind* dalam bidang pendidikan khususnya sekolah rendah dan juga sekolah menengah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tanya soalan satu lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Didapati semenjak meninggalkan ruang ini, dia punya penekanan itu terus macam dulu juga. Sila, ada satu lagi soalan.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Ya terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ringkas sahaja soalan saya.

Seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri sahabat saya yang kembali ke Dewan Negara ini, saya hanya ada satu soalan. Bagaimana pihak kementerian merancang ataupun melaksanakan program-program untuk golongan yang sudah terlibat, yang sedang terlibat dengan ekonomi *gig* ini untuk meningkatkan kemahiran ataupun ilmu bagi meningkatkan taraf hidup mereka yang lebih tinggi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Puan Fadhlina binti Sidek: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat.

Seperti yang saya tekankan tadi Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kita ada profil kerjaya anak-anak murid kita ini, satu. Kedua, saya ambil perhatian tentang soalan Yang Berhormat tentang ekonomi *gig* itu yang saya fikir dari semasa ke semasa kita akan kongsi di dalam Dewan yang mulia ini.

Akan tetapi untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, daripada segi memantau mereka ini maknanya daripada segi di peringkat Sistem e-Profil Kerjaya Murid (SePKM) itu memang akan saya boleh kongsi. Akan tetapi saya akan ambil saranan tersebut tentang *gig* ini, ekonomi ini untuk saya barangkali dalam sesi yang akan datang Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas soalan yang dijawab.

Tuan Abun Sui Anyit: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab sudah banyak soalan diajukan kepada beliau, kita beralih kepada soalan Datuk Wira Koh Nai Kwong.

6. Datuk Wira Koh Nai Kwong minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup menyatakan, tindakan atau langkah-langkah kerajaan untuk menangani masalah inflasi dan kenaikan kos sara hidup bagi meringankan beban rakyat selain merujuk kepada konsep makro ekonomi secara teori. Apa pertimbangan dan usaha kerajaan untuk menjamin kelangsungan hidup rakyat dari setiap lapisan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri, sila.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup [Puan Hajah Fuziah binti Salleh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tadi.

Berkenaan dengan harga barangan yang memberi kesan kepada kos sara hidup rakyat di semua lapisan merupakan isu sepanjang zaman yang dipengaruhi oleh banyak faktor. Ada di antaranya boleh dikawal tetapi kebanyakannya di luar kawalan. Ia termasuk cuaca, penawaran dan permintaan, *supply and demand*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kos pembuatan dan pengeluaran- *cost of doing business*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kos pengangkutan, kos input seperti bahan mentah terutama yang diimport dan juga suasana politik dunia dan nilai tukaran asing. Jadi ada banyak faktor yang menentukan kos sara hidup ini.

Ia bukan persoalan makanan dan minuman sahaja. Akan tetapi merangkumi pelbagai dimensi yang mesti ditangani secara bersepadu. Ia meliputi makanan dan minuman, perumahan, tempat tinggal, pengangkutan, utiliti, kesihatan dan pendidikan. Menangani inflasi dan kos sara hidup tidak boleh bersifat sendiri- *silos*. Ia memerlukan kerjasama semua pihak seperti yang digariskan oleh DOSM iaitu ia harus melibatkan pengeluar dan peniaga melibatkan komuniti pengguna dan juga melibatkan kerajaan.

Jadi kerajaan melalui KPND telah memperkasakan Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara (NACCOL) untuk menggembelng sumber dan kepakaran di bawah kementerian terbabit dalam membangunkan polisi dan dasar yang mampan, untuk merancang inisiatif dan program serta memantau pelaksanaan. Yang Berhormat, pendekatan kerajaan meliputi aspek bantuan terus seperti program subsidi, kawalan harga, barang kawalan, program mengurangkan kos, penguatkuasaan dan program meningkatkan pendapatan rakyat.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita ada inisiatif seperti inisiatif Payung Rahmah yang kita ketahui yang melibatkan Jualan Rahmah, Menu Rahmah. Kita juga ada subsidi sekarang ini masih lagi subsidi pukal tetapi sedang dibengkelkan dan dibincangkan berkenaan untuk menjadi subsidi bersasar. Subsidi yang kita kawal ialah minyak masak *polybag* yang kemasan plastik itu satu kilogram, telur ayam Gred A, B dan C, ayam bulat standard, diesel/LPG dan RON95. Ini diberi subsidi, manakala ada juga barang yang kita kawal harganya...

Tuan Yang di-Pertua: Ayam bulat itu macam mana?

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Ayam bulat ini ayam belum potong Tuan Yang di-Pertua. Ayam yang tidak dipotong. Ini sebab kadang-kadang dia caj harga untuk memotong. Tuan Yang di-Pertua itu antara inisiatif kita.

Sementara itu kita juga ada skim harga murah musim perayaan Tuan Yang di-Pertua untuk mengawal harga barangan sewaktu musim perayaan, dan pada masa yang sama ada Bantuan Tunai Rahmah. Ini untuk membantu rakyat dalam mengawal dan mengurangkan kos sara hidup.

Pada masa yang sama kita laksanakan penguatkuasaan kita untuk memastikan bahawa tiada peniaga yang mengambil kesempatan dan tiada peniaga yang mencatut harga dan memastikan bahawa kita mengurangkan ketirisan juga. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terus Datuk Wira Koh Nai Kwong ada kedua, soalnya?

Datuk Wira Koh Nai Kwong: Ada. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas ucapan tadi.

Soalan tambahan saya, mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan kesan kepada harga barang dan juga kerajaan bercadang untuk melaksanakan subsidi bersasar kepada petrol dan diesel. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Subsidi diesel dan petrol.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Subsidi diesel dan petrol di bawah Kementerian Kewangan Yang Berhormat Senator. Manakala subsidi minyak masak *polybag* dan subsidi telur, subsidi ayam tadi di bawah kawalan kementerian KPND.

Jadi, pelaksanaan itu kami berhubung rapat dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Akan tetapi diesel dan RON95 itu dikawal, kami penguat kuasanya. Maksudnya daripada segi akta pengawalan itu kami kuat kuasa. Akan tetapi daripada segi subsidi dan sebagainya itu di bawah urusan MOF. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya- dalam menangani masalah kos sara hidup ini, saya masih melihat bahawa kerajaan perlu membenarkan pencaruman untuk mengeluarkan simpanan dalam KWSP seperti mana yang telah diberikan semasa berlakunya pandemik COVID-19. Justeru, adakah kerajaan akan mempertimbangkan semula perkara ini untuk dibenarkan? Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak masuk cerita telur dalam soalan tadi ya. Baik silakan.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan.

Sebenarnya persoalan KWSP ini sudah pun dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menegaskan bahawa ia merupakan tanggungjawab kerajaan untuk memastikan bahawa simpanan hari tua itu, iaitu KWSP itu, seboleh-bolehnya dapat membantu rakyat apabila mereka bersara kelak.

Jadi sebab itu kerajaan yang dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melaksanakan cara-cara lain seperti pinjaman yang dengan bank yang menggunakan kolateral duit KWSP sendiri. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga menjelaskan bahawa negara-negara lain yang membenarkan pengeluaran KWSP sewaktu pandemik COVID-19 juga sudah tidak lagi membenarkan pengeluaran wang KWSP pada hari ini.

Jadi itu saya menyampaikan apa yang telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam soalan-soalan sebelum ini di Dewan Rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1120

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai, sila.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Memang saya setuju Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan inflasi itu tidak boleh diselesaikan dengan persendirian. Akan tetapi, / hendak minta kementerian, bagaimana hendak menguruskan ketidakstabilan harga yang melampau seperti contohnya, kita merujuk daging khinzir- daging babi, sudah meningkat 10 kali sejak tahun 2022.

Memang bagi pengguna, mesti beli barang yang mahal. Bagi penjual, keuntungannya kurang. Adakah Kementerian mempertimbangkan untuk menambahkan subsidi sementara atau memperkenalkan kawalan harga siling untuk daging itu? Terima kasih.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Tuan Yang di-Pertua, khusus berkenaan dengan harga daging khinzir. Kita ingin memaklumkan bahawa di dalam negara kita, kita mengamalkan pasaran ekonomi bebas, di mana kita tidak boleh kawal semua harga barang dan harga barang itu ada banyak faktornya terutamanya kos pengeluaran, kos import, kos harga- nilai wang kita yang rendah, contohnya. Itu semua menambah kepada kos satu-satu barang. Jadi, harga daging khinzir ini tidak termasuk dalam harga kawalan dan juga tidak termasuk dalam subsidi makanan melainkan sewaktu musim perayaan.

Jadi, waktu musim perayaan Tahun Baharu Cina, memang daging khinzir ini merupakan barang yang kita kawal harganya, dan kita tetapkan harga siling untuk daging khinzir sewaktu musim perayaan. Akan tetapi, di luar waktu itu ia tidak termasuk dalam barang makanan yang kita beri subsidi. Tidak sama macam minyak masak, telur Gred A, B dan C dan ayam bulat tadi Tuan Yang di-Pertua, sebab itu kegunaan semua manakala daging khinzir ini hanya sewaktu musim perayaan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Okey. Hendak sebut daging “khinzir” atau daging “babi”?

Tuan Abun Sui Anyit: *[Bangun]*

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Boleh dua-dua.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh? Oleh sebab “khinzir” itu perkataan *Saudi Arabia*, yang kita “babi”.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Ya, boleh. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kalau...

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi, Kementerian hendak pilih yang mana?

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Kita dalam kita punya kenyataan-kenyataan, kita guna dua-dua- *in bracket*.

Tuan Yang di-Pertua: Dua-dua.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah itu. Ada lagi?

Tuan Abun Sui Anyit: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tempoh hari tentang telur ini banyak orang bising tapi apabila soal, tidak ada tentang telur. Terserah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Silakan.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya Abun, saya hendak tanya sekarang tentang telur, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tentang telur.

Tuan Abun Sui Anyit: Ya. Telur ini adalah terutamanya yang barangan ada harga siling. Saya dari Miri, saya cari hampir ke semua *supermarket* ataupun kedai-kedai. Saya tidak dapat jumpa telur Gred A yang ada ‘harga siling’. Jadi, saya tertanya-tanya, adakah telur ‘harga siling’ ini wujud di Sarawak? Bagaimana usaha kerajaan untuk menyediakan telur ‘harga siling’ ini? Ini adalah kerana ini yang mampu dibeli oleh rakyat marhaen.

Kedua, soalan saya Tuan Yang di-Pertua, bagi barang bersubsidi seperti tong gas dan minyak diesel, banyak kompelin dari pedalaman terutamanya di kawasan Belaga. Tidak sampai keseluruhan yang sepatutnya sampai di tempat yang dituju. Jadi, apakah kaedah kerajaan untuk mengawal keadaan ini supaya ia tidak berterusan?

Tuan Yang di-Pertua: Demikian daripada Yang Berhormat Senator Abun.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Terima kasih Yang Berhormat Senator, dan tahniah atas lantikan sebagai Senator, angkat sumpah semalam.

Tuan Yang di-Pertua: Baharu saja kena lantik, dia keluar dengan telur... [Ketawa]

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Tuan Yang di-Pertua, harga telur Gred A, B dan C memang ada harga siling dan ada subsidi. Untuk Gred A, sepanan itu RM13.50. Maksudnya, 45 sen satu biji. Gred B, 43 sen. Gred C, 41 sen. Setiap biji itu kita subsidi 10 sen, Tuan Yang di-Pertua. Itu Gred A, B dan C. Akan tetapi di Miri, Sabah, Sarawak, Labuan ini ia ada isu logistik, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, harga di Miri ialah harga yang dipersetujui dengan pengeluar di Sabah, Sarawak. Jadi, sebab itu ada perbezaan sedikit di kawasan-kawasan luar bandar Sabah, Sarawak dan Labuan terutamanya. Memang harga siling itu lebih daripada harga siling yang saya sebut tadi. Ini ikut kepada keperluan. Mungkin ini antara- bagaimana kita hendak selesaikan masalah ini adalah apabila kita lebih terjamin, dapat menjamin keterjaminan bekalan tersebut. Mungkin di sana boleh diusahakan di bawah inisiatif pendapatan rakyat itu untuk membela ayam penelur di sana supaya kos itu tidak mahal, Tuan Yang di-Pertua.

Berkenaan dengan tong gas dan minyak diesel, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kawasan pedalaman ini ada 820 buah kawasan pedalaman yang kita kenal pasti, yang di mana untuk tahun 2023 kita telah memperuntukkan RM500 juta untuk menyeragamkan harga. Tahun 2023 ini kita menambahkan lagi 25 buah kawasan dalaman yang kita kenal pasti untuk memastikan ada berlaku penyeragaman harga.

Kemudian kita tambah lagi RM40 juta. Nanti Ahli-ahli Yang Berhormat akan bahas butiran ini, perkara ini dalam perbahasan nanti. RM40 juta itu untuk *port-to-port* pula sebab kita tahu kosnya....

Tuan Yang di-Pertua: Apa itu, *port-to-port*?

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: *Port-to-port*. Maksudnya, dari Port Klang...

Tuan Yang di-Pertua: Pelabuhan.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Pelabuhan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Pelabuhan ke pelabuhan. RM40 juta kita tambah untuk kos pengangkutannya sahaja. Kemudian untuk masuk ke pedalaman, LPG ini kita tahu ia begitu sukar untuk kita bawa masuk, kita tambah RM500 juta lagi subsidi untuk menyeragamkan harga.

Namun, kita tahu Tuan Yang di-Pertua bahawa untuk sampai kepada 820 buah kawasan di pedalaman itu, bukan sahaja Sabah, Sarawak dan Labuan tapi juga seperti Ulu Tembeling di Pahang dan sebagainya dan Pulau Tioman contohnya. Jadi, kita belum 100 *percent sufficient*, Tuan Yang di-Pertua. Belum dapat memenuhi kehendak keseluruhan rakyat yang memerlukan tong gas masak, dan sebagainya.

Jadi, dengan jangka masa panjang kita tahu bahawa jalan penyelesaian ialah infrastruktur yang lebih baik. Contohnya, siapkan Jalan Pan-Borneo contohnya, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kos itu akan berkurangan sebab kalau di Sarawak, Yang Berhormat Senator juga tahu kena naik bot, kena turun bukit naik bukit, jauh perjalanannya. Jadi, kos itu begitu tinggi dengan subsidi itu pun kita tidak dapat hendak- kita hanya dalam 50 peratus saja *sufficient*. Lagi 50 peratus keperluan itu tidak dapat dipenuhi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, satu soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, saya jemput Yang Berhormat Robert Lau Hui Yew.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Tuan Yang di-Pertua, satu soalan tambahan.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Robert Lau Hui Yew.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor tujuh.

7. **Tuan Robert Lau Hui Yew** minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan, apa rancangan kerajaan untuk memajukan Sungai Rajang dan Lembangan Rajang, terutamanya di Bahagian Sibu sebagai destinasi pelancongan alam semula jadi dan ekologi yang utama di Asia Tenggara.

Tuan Yang di-Pertua: Nombor 7. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.

Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menerusi Pelan Eko Pelancongan Kebangsaan (NEP) 2.0 telah mengenal pasti kluster ekopelancongan Sibu, Kapit, Tuluh, Baleh, Pelagus sebagai salah satu daripada 60 kluster ekopelancongan di Malaysia yang berpotensi dibangunkan bagi merangsang ekonomi setempat.

Antara tarikan utama di sekitar kluster ini adalah seperti Sungai Rajang yang mempunyai pemandangan-panorama sungai yang indah. Sungai Rajang Atas pula terkenal dengan banyak khazanah dan rumah panjang kaum Iban serta Orang Ulu di sepanjang tebingnya yang menjadi daya tarikan kepada para pelancong.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) sehingga *Rolling Plan* 3, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP3) (RMKe-12), Kerajaan Persekutuan melalui MOTAC telah meluluskan sebanyak RM53,800,250 bagi melaksanakan 41 projek kepada negeri Sarawak.

Walau bagaimanapun, daripada jumlah tersebut tiada projek pelancongan dan kebudayaan yang diperuntukkan di kawasan Sungai Rajang dan lembangan Rajang. Sehubungan dengan itu, MOTAC mengalu-alukan cadangan oleh Ahli Yang Berhormat dan bersedia untuk mempertimbangkan sebarang permohonan baharu selaras dengan hala tuju dan keutamaan Kerajaan Negeri Sarawak melalui Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan (MTCP) bagi membantu menaik taraf infrastruktur kemudahan pelancongan di Sungai Rajang dan lembangan Rajang khususnya dan negeri Sarawak amnya demi menyokong industri pelancongan tempatan sekali gus menjana ekonomi setempat.

■1130

Walau bagaimanapun, MOTAC menerusi *Tourism Malaysia* giat merancang dan melaksanakan promosi segmen ekopelancongan di seluruh negara yang turut melibatkan Daerah Sibu dan kawasan-kawasan di sekelilingnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Soalan tambahan.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Atau Yang Berhormat Senator Tuan Robert nak tanya, kedua? Sila.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan. Salah satu pemboleh utama, dengan izin, *enabler* untuk pelancongan ialah 'sambungan' udara atau, dengan izin, *air connectivity*. Adakah terdapat rancangan untuk meningkatkan *air connectivity* antara Bandar Sibu dengan negara-negara luar negeri? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Hubungan bandar.

Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan: Untuk makluman Yang Berhormat, soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat adalah berkaitan dengan Sungai Rajang dan Lembangan Rajang.

Akan tetapi, saya boleh mengulas sedikit, Tuan Yang di-Pertua.

Connectivity ini adalah satu isu yang memang amat penting kerana ia akan memainkan peranan di setiap kawasan pelancongan itu supaya tarikan pelancong itu mudah ke kawasan-kawasan tertentu. Setiap cadangan ataupun setiap pandangan yang mahu dilakukan, ia sentiasa menjadi keutamaan daripada pihak kementerian untuk kita lihat dari sudut kebolehpasarannya.

Saya sedia maklum dengan pertanyaan Yang Berhormat. Mengenai maklumat ataupun maklumat lanjut, kita akan berikannya secara bertulis. Terima kasih.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Terima kasih...

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Soalan tambahan...

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan, sila.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Yang mana, Tuan Yang di-Pertua?

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Bila...

Tuan Yang di-Pertua: Siapakah dulu yang berdiri tadi?

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Orang yang dulu...

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Saya bukan orang Sarawak tetapi ada maklumat sedikit mengenai urusan ekonomi dan juga *tourism* di kawasan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator tadi iaitu Lembangan Rajang dan sungai-sungai yang di sekitarnya.

Salah satu bentuk industri yang boleh menarik pelancongan di sana daripada hasil pokok-pokok nipah, Tuan Yang di-Pertua, yang banyak berada di kawasan lembangan tersebut. Gula apung merupakan antara produk yang sangat penting, yang sangat masyhur...

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya?

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: ...Di kawasan lembangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya?

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Soalannya, apakah tindakan kerajaan bagi memastikan industri ini berkembang bukan sebagai untuk usahawan tempatan tetapi untuk menarik pelancong-pelancong ke kawasan yang berkenaan dan memajukan kawasan tersebut? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan: Terima kasih Yang Berhormat.

Seperti yang saya maklumkan sebentar tadi, ia perlu satu kerjasama yang erat antara pihak kementerian dan juga kerajaan negeri itu sendiri. Setiap perkara yang dilihat boleh dieksploitasi untuk kebaikan pelancongan, perlu ada perancangan dan perbincangan yang terbaik antara kedua-dua pihak supaya setiap matlamat yang mahu dilakukan dapat dicapai. *Insyaa-Allah*, kita akan mendapatkan maklumat yang lebih mendalam berkenaan dengan pandangan yang telah dilontarkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Tadi ada soalan yang- silakan ya.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Soalan tambahan saya. Kementerian ini banyak bercakap pasal produk dan sebagainya. Saya nak tanya satu soalan.

Sebenarnya, bila Kerajaan Malaysia ini, kerajaan yang ada sekarang ini nak mulakan balik kempen *Malaysia Welcome the World* di luar negara secara agresif untuk tarik balik pelancong-pelancong asing dari luar negara balik ke Malaysia, saya nak tahu, bilakah? Sebab kempen ini tak ada lagi ini, untuk maklumat Dewan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Hisamudin soal itu bagaimana. Rasanya boleh?

Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan: Yang Berhormat, terima kasih atas soalan. Akan tetapi, persoalan yang ditanya sebentar tadi memang keluar daripada topik. Saya tak nak membuang masa Dewan yang mulia ini. Saya akan simpan jawapannya ke sesi seterusnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri berhak menjawab sebegitu. Baik.

8. Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian minta Menteri Pertahanan menyatakan, apa perancangan kerajaan untuk mencerakinkan pelan memperkasakan dan menaik taraf aset-aset keselamatan khususnya di perairan Sabah dan Sarawak.

Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Haji Adly bin Zahari]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih Ahli Yang Berhormat yang bertanya tentang aset dan kesiapsiagaan pertahanan kita terutamanya di Sabah dan juga Sarawak.

Kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan langkah-langkah yang sewajarnya terutamanya bagi memastikan tahap keupayaan dan kesiapsiagaan pertahanan negara itu sentiasa berada pada tahap yang terbaik.

Kedua, kita sentiasa berusaha untuk memastikan perancangan pembelian peralatan ketenteraan yang bersesuaian bagi memastikan kedaulatan negara kita perlu kekal terpelihara pada sebilang masa meskipun negara dan dunia berdepan dengan krisis ekonomi dan juga endemik COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sentiasa berusaha untuk memperkukuhkan pertahanan negara di mana setiap rancangan perolehan aset pertahanan sedia ada adalah berpandukan kepada Pelan Pembangunan Keupayaan Dimensi Keempat Angkatan Tentera Malaysia.

Pelan ini yang telah dibangunkan merupakan pelan pembangunan keupayaan jangka panjang ATM untuk tempoh 10 tahun bagi membentuk keupayaan angkatan masa hadapan ATM sebagaimana yang dinyatakan dalam Kertas Putih Pertahanan iaitu seperti mana yang selalu kita lihat, kita membicarakan tentang Kertas Putih Pertahanan.

So, dalam Kertas Putih Pertahanan itu dalam Perkara 4 yang merujuk kepada strategi itu, memang kita mengkhususkan tentang aspek-aspek berhubung dengan bagaimana kita menyediakan angkatan pertahanan kita pada masa hadapan. Keupayaan angkatan masa hadapan ini merupakan hala tuju pembangunan ATM agar sentiasa berupaya dalam memberikan maksud pertahanan ketenteraan mengikut senario pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tahu bahawa kerjasama antara agensi keselamatan akan terus kita mempertingkatkan antara ATM dan juga agensi-agensi keselamatan yang lain seperti PDRM dan juga APMM. Sebagai contoh, ATM membantu APMM membanteras pencerobohan bot nelayan asing dalam perairan zon maritim Malaysia yang dilaksanakan sepanjang tahun. Kementerian Pertahanan juga telah mengambil langkah untuk memperbaharui dan meningkatkan peralatan keselamatan kita di perairan Sabah dan juga Sarawak, termasuk peralatan komunikasi, Navigasi dan pemantauan maritim dan udara kita.

Selain itu, bagi meningkatkan tahap kompetensi angkatan, ATM telah merancang latihan bersama, sama ada latihan berbentuk dua hala mahupun pelbagai hala, khusus di perairan Sabah dan Sarawak.

Berkaitan aset ATM, keutamaan dan kepentingan pembangunan perolehan aset-aset kegunaan ATM telah dikenal pasti agar ia dapat diteruskan mengikut bajet yang telah kita peruntukkan pada tahun ini. Itu sahaja jawapan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tuan Jaziri.

Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh atau tak saya dapatkan penjelasan status terkini *RMN Naval Base Bintulu*? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh dengar? Boleh.

Tuan Haji Adly bin Zahari: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih untuk pertanyaan yang diberikan. Kalau kita lihat kita punya *base* di Bintulu- sebenarnya di Bintulu ini ada dua *base* yang kita usahakan. Pertama, tentera udara. Kedua, tentera laut itu sendiri.

Kalau kita lihat, memang dalam Bajet 2023 ini, memang itu sebahagian daripada proses kita. Kalau kita lihat, antara yang kita berikan keutamaan ini iaitu proses tanah kita sebenarnya di Bintulu itu. Tahun ini memang diperuntukkan RM45 juta untuk kita selesaikan isu-isu tanah itu dan selepas daripada itu, kita boleh terus untuk lakukan perkara-perkara yang melibatkan pembangunan.

Dalam masa yang sama, kita tahu bahawa pelan perancangan kita melalui Kementerian Pertahanan dan juga kerajaan negeri itu dan saya fikir bahawa itu adalah salah satu daripada pelan pertahanan kita untuk Sarawak khususnya. Akan tetapi, bagi kita, antara Sabah dan Sarawak itu, pertahanan di wilayah timur itu memang menjadi keutamaan kita. Itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ada persoalan lagi tentang keselamatan di Sabah dan Sarawak...? Tiada.

9. Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta Menteri Kesihatan menyatakan, dengan keadaan semasa di mana negara menuju ke arah peratusan warga tua yang lebih tinggi menjelang 2030:

- (a) bagaimanakah kementerian memastikan penawaran perubatan geriatrik yang memuaskan dan akan seiring dengan permintaannya; dan
- (b) juga nyatakan jumlah terkini pakar perunding geriatrik yang berkhidmat dalam sektor awam dan swasta serta bagaimanakah kementerian akan memastikan penawaran kepakaran dalam bidang ini mencukupi pada masa akan datang.

Timbalan Menteri Kesihatan [Tuan Lukanisman bin Awang Sauni]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sehingga kini, terdapat sebanyak 16 buah hospital KKM di seluruh negara yang menyediakan perkhidmatan geriatrik dengan Pakar Geriatrik Residen dan Unit Geriatrik kecuali di negeri Perlis, Terengganu dan Pahang.

■1140

KKM mengambil maklum mengenai negeri-negeri yang masih tidak mempunyai pakar geriatrik residen ini dan sedang merancang untuk memperkembangkan lagi perkhidmatan geriatrik di seluruh negeri ini. Oleh yang demikian, buat masa ini bagi hospital-hospital tanpa pakar geriatrik residen di seluruh negara, liputan perkhidmatan geriatrik diperluaskan oleh KKM melalui kaedah seperti berikut.

Pertama, *outreach program*, dengan izin, iaitu perkhidmatan lawatan pakar geriatrik ke hospital-hospital pakar tanpa pakar geriatrik.

Kedua, inisiatif hospital kluster di mana hospital yang mempunyai pakar geriatrik di *lead hospital*, dengan izin, akan turut memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan geriatrik pada *non-lead hospital* tanpa pakar di bawah kluster yang sama.

Berkenaan soalan kedua iaitu mengenai jumlah pakar perubatan geriatrik di hospital kerajaan dan swasta, sehingga kini terdapat seramai 33 orang pakar perubatan geriatrik di hospital KKM.

Sebagai makluman tambahan, hanya dua daripada 33 orang pakar ini mempunyai jawatan JUSA. Seramai 13 orang pakar di hospital universiti, dan 14 orang pakar di hospital swasta yang memberikan perkhidmatan geriatrik.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua serta Ahli Dewan, bilangan pakar yang mengikuti latihan sub kepakaran dalam bidang geriatrik bergantung kepada minat pakar perubatan tersebut dan juga bilangan slot latihan sub kepakaran yang ditawarkan setiap tahun. Secara purata, seramai 8 orang pakar perubatan yang mengikuti latihan sub kepakaran dalam bidang geriatrik setiap tahun.

Justeru, bagi menarik minat lebih ramai pakar perubatan geriatrik di Malaysia di dalam draf pelan tindakan perkhidmatan warga emas 2023 hingga 2030, beberapa inisiatif turut digariskan, antaranya menambah usaha promosi bagi pengajian sub kepakaran geriatrik, menambah bilangan biasiswa yang ditawarkan untuk latihan sub kepakaran geriatrik dan menjadikan perubatan geriatrik sebagai bidang berpotensi untuk peluang kenaikan pangkat di KKM. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Dr. Dominic ya.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Penjelasan dan jawapan telah diberikan. Memang kita faham ada usaha daripada Kementerian Kesihatan mengenai perubatan geriatrik, akan tetapi, soalan tambahan saya adakah kajian dengan universiti tempatan, antarabangsa atau institusi penyelidikan mengenai mengenal pasti jurang yang kita mesti isikan sekarang untuk perubatan geriatrik di negara kita bagi kebajikan warga emas kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan juga Yang Berhormat Senator.

Untuk makluman Dewan, sememangnya kita sedang mengalami masalah kekurangan pakar geriatrik. Memandangkan salah satu puncanya adalah kebolehpasaran pakar-pakar geriatrik di Malaysia. Berkenaan tentang *exposure*, dengan izin, ataupun *awareness*, dengan izin, kepada masyarakat berkenaan tentang kepentingan perubatan kepada warga emas dan juga kerajaan sedang di dalam menyiapkan draf Pelan Tindakan Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas Kementerian Kesihatan bagi tahun 2023 hingga 2030 di mana di dalam draf pelan tindakan tersebut telah menggariskan secara terperinci keperluan-keperluan untuk mengisi keperluan pakar-pakar geriatrik di Malaysia.

Untuk makluman tambahan, sepatutnya satu orang Pakar Geriatrik akan merawat bagi 10,000 populasi, ataupun satu Pakar Geriatrik akan merawat 20 orang pesakit. Akan tetapi, ketika ini kita hanya mempunyai 33 orang pakar dan juga hanya mencapai 0.18 orang pakar bagi 10,000 populasi. Itu merupakan satu angka yang sangat kritikal.

Usaha-usaha kerajaan adalah seperti yang saya maklumkan, kita akan cuba untuk meningkatkan lagi biasiswa untuk sub kepakaran bagi doktor-doktor ataupun pegawai-pegawai perubatan yang berminat berkenaan tentang perawatan warga emas di premis-premis ataupun *facilities* KKM pada masa yang akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sr. Haji Mohd Apendi bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Tentang pakar geriatrik.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Bukan Tuan Yang di-Pertua, dia tak jawab soalan saya... [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Nanti, bermakna ada telahan mengatakan tak jawab soalan. Sila timbulkan aspek mana yang tidak dijawab.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Ya memang soalan saya ialah, adakah kajian mengenalpastikan jurang- *the gaps*, bukan mengenai Pakar Perundingan Geriatrik. So soalan- adakah kajian diadakan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri ia menuju pada kajian, jadi kajilah sikit.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni: Kalau menurut nota yang saya ditaklimatkan, sememangnya memang terdapat kajian-kajian berkenaan jurang mendapatkan rawatan geriatrik di Malaysia. Banyak sesi libat urus telah dijalankan sejak tahun 2018 sehingga tahun 2022 dan juga pelan tindakan ini kita akan bentangkan selewat-lewatnya pada bulan Jun yang akan datang.

Juga di dalam pelan tindakan di sinilah kita akan secara teliti menyenaraikan, adakah bentuk kajian, dan dapatan daripada KKM berkenaan tentang isu berkaitan dengan geriatrik ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya lah, ada lah. Sila Sr.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Ringkas ya. Kita sudah menghabiskan masa.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: *Insyallah*. Okey sekarang ini bilangan orang tua semakin ramai, YB Menteri sudah menjawab satu angka yang sangat mendukacitakan. Di tengah-tengah kekangan kewangan kerajaan, apakah insentif-insentif kerajaan rasa dapat menarik minat doktor-doktor untuk meneruskan kepakaran dalam bidang geriatrik? Tambahan pula sekarang ini kekecohan penempatan HO dan MO dan sebagainya. Apakah insentif-insentif kerajaan rasa dapat dilakukan? Sekian.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni: Yang Berhormat, di dalam pelan tindakan tersebut, kita mencadangkan untuk menambahkan lebih ruang dan juga dana bagi meningkatkan biasiswa bagi sub kepakaran geriatrik ini. Selain daripada itu, terdapat satu tawaran *parallel pathway*, dengan izin, ataupun satu ruang untuk seseorang doktor kesihatan awam untuk menjadi pakar dalam bidang geriatrik ini bermula daripada pegawai perubatan HO tersebut dan juga tempoh *parallel pathway* ini, dengan izin, akan memendekkan masa mendapatkan kepakaran bagi bidang tersebut.

Walaupun demikian, kita juga ingin mengambil perhatian bagi pengusaha swasta berkenaan tentang penjagaan masyarakat warga emas ini untuk menawarkan jawatan pakar geriatrik di pusat-pusat penjagaan warga emas yang ketika ini tidak diperlukan.

Maka, jika ada pasaran terhadap kepakaran ini, maka saya lihat pegawai-pegawai perubatan akan memupuk minat untuk mencipta sub kepakaran ini bagi kerjaya mereka pada masa akan datang. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik apa tadi itu..., *carrier pathway* ya?

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni: *Carrier parallel pathway*.

Tuan Yang di-Pertua: Laluan...

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni: Laluan kerjaya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya bagus.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi tentang bidang tersebut?

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Ada, ada.

Tuan Yang di-Pertua: Penting ya. Sila.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Terima kasih. Soalan saya berapa ramai Pakar Geriatrik meletak jawatan dalam perkhidmatan awam di dalam 10 tahun atau 5 tahun, dan sebab kenapa dia orang meletak jawatan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang letak jawatan, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti apa yang saya sebut pada mulanya, minta untuk menyambung kepada sub kepakaran geriatrik ini memang amat-amatlah berkurangan. Kalau kita lihat sehingga tahun 2023, hanya 33 orang pakar dan juga bagi pakar perunding kita hanya ada 2 orang pakar berstatus JUSA di KKM. Saya tidak melihat peletakan jawatan merupakan satu isu yang besar memandangkan sekiranya mereka meletak jawatan di KKM, keperluan kepakaran geriatrik ini amat-amat berkurangan di pasaran swasta di luar sana.

Maka, kebanyakan mereka mengambil pilihan untuk kekal dan juga bilangan tersebut masih kecil dan juga hanya terdapat beberapa buah *facilities* di seluruh Malaysia. Pahang, Terengganu dan juga Perlis masih lagi tidak mempunyai kepakaran geriatrik ini. Untuk di Sarawak, kita hanya ada mempunyai tiga iaitu di Hospital Sibu seorang, dan juga di Hospital Sarawak, dua orang pakar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1150

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Oleh sebab kita kekangan masa, sudah sampai.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Sedikit lagi.

[Masa Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan tamat]

Tuan Yang di-Pertua: Diminta supaya Setiausaha mengemukakan. Saya mengingatkan supaya para Menteri memberikan jawapan bertulis kepada semua soalan yang tidak sempat dijawab.

Setiausaha harus menentukan mana-mana kementerian yang tidak menjawab atau menghantar surat jawapan bertulis.

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah mencadangkan Usul Menjunjung Kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Had masa telah diberi oleh pentadbiran, sila patuhi.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

11.51 pg.

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara dalam persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara, mengucapkan berbanyak-banyak bersyukur dan Menjunjung Kasih Keatas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Kedua, Parlimen yang Kelima Belas.”

Ampun Tuanku...

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada rakan-rakan daripada Pakatan Harapan, Barisan Nasional, GPS, GRS, yang berjiwa besar kerana telah berjaya membentuk Kerajaan Perpaduan sebagai menurut Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, yang telah mendapat keabsahan di Dewan Rakyat.

Saya mohon berilah peluang dan ruang kepada kerajaan ini di bawah pimpinan Dato' Seri Anwar bin Ibrahim sebagai Perdana Menteri untuk memacu Malaysia ke arah yang lebih gemilang dan cemerlang.

Kepada Ahli Parlimen yang telah terpilih dalam PRU15, ingatlah bahawa dengan kemenangan yang diperoleh adalah amanah yang perlu dipikul. Berikanlah contoh teladan yang baik kepada sebilang bangsa dengan saling bergandingan dalam melahirkan buah fikiran yang bermanfaat, demi kemaslahatan dan kepentingan rakyat dan bukan untuk kepentingan sempit kelompok tertentu sahaja.

Saya percaya, hanya dengan mandat yang kukuh sesebuah kerajaan itu dapat dilaksanakan sebagai dasar dan polisinya untuk meningkatkan taraf kehidupan rakyat dan kemapanan ekonomi negaranya. Saya yakin seluruh yang ada maklum bahawa kestabilan politik amat penting dalam kita ingin membina sebuah negara Malaysia yang tercinta. Muafakat dan kerjasama daripada semua pihak amat perlu dan tentunya tanpa diganggu dengan perbalahan politik atau lebih teruk lagi sabotaj atau khianat yang didorong oleh kepentingan politik peribadi.

Untuk kali ini, dahulukanlah pemulihan negara dan kesejahteraan rakyat, jagalah kerajaan ini dengan baik dan jangan ada usaha untuk meruntuhkannya lagi. Justeru, saya mohon kerjasama, kesemua faktor ini harus diambil serius dan harus diberikan keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan kaum merupakan antara faktor terpenting dalam mengekalkan keharmonian masyarakat berbilang kaum dan agama di negara kita. Sedarlah, sekiranya berlakunya perpecahan atau pertelingkahan antara satu sama yang lain, negara yang aman dan harmoni ini akan menjadi mundur dan akan menyebabkan ketidakstabilan ekonomi yang boleh menjejaskan pembangunan negara.

Saya mohon hindarilah daripada memainkan isu perkauman yang boleh mengganggu keharmonian kaum, berhentilah daripada sikap gemar menghasut untuk menimbulkan rasa saling benci-membenci antara kaum. Tindakan kurang bijak ini sebenarnya lebih mencetuskan perbalahan dan menggalakkan sikap berpuak-puak.

Pada hemat saya, kepelbagaian agama di Malaysia juga perlu diberikan perhatian utama. Ia demi mengekalkan keutuhan perpaduan antara kaum dengan mengamalkan semangat perkongsian, saling menghormati dan menanam sikap toleransi sesama rakyat Malaysia. Dengan itu, masyarakat akan lebih terbuka untuk mengenali dan memahami kepelbagaian agama di negara ini demi menguatkan lagi kesefahaman antara kaum dan agama.

Keharmonian dan kesatuan ini juga, merupakan keunikan yang bukan sahaja akan memperteguh lagi perpaduan antara kaum, malah menjadi penanda aras bagi Malaysia dalam mencapai matlamat sebagai negara amanah, harmonis serta memastikan pembangunan ekonomi negara yang stabil, konsisten dan mampan sambil meyakinkan pelabur-pelabur asing untuk melabur di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Perdana Menteri kerana berani memperkenalkan nilai-nilai murni yang menyeluruh dalam pentadbiran negara melalui konsep "Negara Madani". Pada hemat saya, inilah kali pertama seseorang pemimpin yang memperkenalkan nilai-nilai murni secara komprehensif dalam pentadbiran negara agar negara akan maju dan lebih mampan dan makmur berteraskan kepada roh daya cipta, nilai hormat keyakinan serta ihsan dan *rahmah*.

Madani merupakan pembentukan sistem gaya Malaysia yang menggabung jalin antara amalan yang sedia ada dengan kaedah baharu yang direka untuk menangani isu-isu baru dan ketidakpastian. Enam teras Madani iaitu:

- (i) Kemapanan;
- (ii) Kesejahteraan;
- (iii) Daya Cipta;
- (iv) Hormat;
- (v) Yakin; dan
- (vi) Ihsan.

Kerangka dasar dan falsafah yang berkait rapat dan bersepadu dengan setiap satu menguatkan yang lain. Teras ini pula meletakkan keterangkuman dan kesaksamaan sebagai tiang serinya. Madani diilhamkan berdasarkan konsep kesediaan menerima perubahan dengan mengambil kira saranan segenap lapisan masyarakat dengan hasrat pemulihan melalui reformasi menyeluruh demi Malaysia yang lebih maju dan makmur.

Madani mendukung kesejahteraan sosial yang merupakan matlamat yang ingin dicapai oleh semua individu, keluarga dan juga masyarakat. Ia merupakan elemen utama dalam menentukan tahap pembangunan sesebuah komuniti. Kesejahteraan sosial sesuatu komuniti ditentukan oleh tiga aspek iaitu pengurusan masalah sosial, pemenuhan keperluan hidup dan peluang mobiliti sosial dalam masyarakat.

Saya melihat ketiga-tiga elemen kesejahteraan sosial ini akan menyediakan masyarakat dengan keadaan persekitaran yang lebih selamat, kepuasan menyeluruh terhadap keperluan asas dan memaksimumkan peningkatan kehidupan dalam masyarakat. Dengan itu, ahli komuniti bebas untuk membangunkan potensi diri, terlibat secara aktif dalam aktiviti yang dilaksanakan dan memberikan sumbangan kepada komuniti secara keseluruhannya.

Saya yakin, pemahaman yang betul terhadap ketiga-tiga elemen kesejahteraan sosial ini tentunya akan membantu golongan pembuat dasar dan golongan pelaksana program dalam usaha mereka mempertingkatkan kualiti hidup individu, keluarga dan juga komuniti. Kedudukan atau keadaan komuniti digambarkan pula oleh tahap dan taraf hidup individu, keluarga dan juga komuniti berkenaan.

Tahap merujuk kepada keadaan yang dirasai dinikmati atau dideritai oleh sesebuah komuniti. Manakala, taraf pula, merujuk kepada apa yang ingin dicapai oleh komuniti berkenaan. Tahap dan taraf hidup individu, keluarga dan komuniti boleh dinilai berdasarkan kepada indikator kesejahteraan sosial. Lazimnya, pengamalan pendekatan kesejahteraan dan sosial bertujuan untuk membasmi dan mengawal masalah sosial yang berlaku dalam sesebuah masyarakat. Selain itu, pendekatan kesejahteraan sosial juga dipraktikkan sebagai usaha mengembangkan keupayaan diri individu itu dalam meningkatkan tahap kualiti hidup mereka.

■1200

Walau bagaimanapun, saya berharap ada usaha-usaha lain yang dipraktikkan melalui pendekatan kesejahteraan sosial ini yang perlu disokong oleh perkhidmatan-perkhidmatan yang lain agar kualiti hidup ahli komuniti lebih efektif. Penekanan saya kenapa tahap kesejahteraan sosial perlu dititikberatkan dalam komuniti moden hari ini tidak lain adalah kerana kebanyakan mereka telah didedahkan dengan hak dan peluang untuk merealisasikan potensi kehidupan sosial mereka.

Saya berpendapat apabila keadaan kesejahteraan sosial baik ia akan dapat memastikan tahap perkembangan dan kemajuan masyarakat yang ingin dan juga dicapai akan dapat direalisasikan.

Secara umumnya saya menyimpulkan kesejahteraan sosial mengandungi dua pengertian iaitu yang pertama, kesejahteraan sosial dilihat sebagai satu sistem kegiatan yang teratur dalam pelbagai perkhidmatan sosial yang bertujuan untuk membantu individu dan kelompok mencapai kualiti hidup yang lebih memuaskan. Kedua, kesejahteraan sosial dilihat sebagai satu keadaan yang sejahtera mencakupi aspek-aspek fizikal, mental dan sosial. Berdasarkan kepada kedua-dua pengertian tersebut saya definisikan kesejahteraan sosial sebagai usaha untuk merubah atau meningkatkan keadaan yang sejahtera, baik, daripada segi fizikal, mental dan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, Madani juga mengetengahkan isu teras iaitu hormat, yang bererti suatu tindakan memberi perhatian khusus dan penghargaan yang tinggi. Oleh yang demikian, istilah rasa hormat itu merujuk kepada cara berperilaku dan berperasaan. Perasaan itu boleh dizahirkan dalam bentuk perbuatan, dalam bentuk lisan dan juga tulisan. Perasaan saling hormat-menghormati amat penting untuk memastikan masyarakat hidup dalam keadaan aman dan damai. Tidak mustahil juga hilang rasa hormat dalam diri kita. Masyarakat kita akan dipandang rendah dan ia boleh mengheret ke arah huru-hara akibat pergaduhan yang tidak berkesudahan. Ini menunjukkan betapa pentingnya amalan hormat-menghormati dalam kehidupan seharian kita.

Saya yakin seluruh umat manusia perlu berpegang kepada nilai-nilai kebersamaan sejagat. Maka itu amat perlu memupuk perasaan dan sikap hormat-menghormati sesama kita. Menghormati kepelbagaian yang ada, menghormati kelainan yang wujud sesama kita daripada segi keupayaan dan kemampuan, kelainan dan perbezaan kefahaman dan pegangan hidup, kelainan daripada segi agam bangsa dan budaya serta perbezaan pandangan.

Saya juga melihat banyak lagi perbezaan lain seharusnya kita hormati mencakupi apa juga perbezaan dan kelainan yang ada. Dalam Islam saling hormat-menghormati merupakan satu sifat mahmudah atau sifat terpuji. Sifat saling hormat-menghormati ini harus ada pada seseorang Muslim yang mengaku beriman kepada Allah SWT.

Sikap hormat-menghormati ini adalah antara ciri-ciri menampilkan seseorang yang berakhlak mulia. Antara contoh sifat saling hormat-menghormati ialah saling bekerjasama, saling menghargai antara satu sama lain dan menghargai budi serta jasa orang lain.

Selain itu, dalam pergaulan seharian kita juga dituntut untuk berakhlak mulia seperti baik dalam pertuturan kata, perilaku bahkan ia menjadi syarat kesempurnaan iman seseorang mukmin. Sifat ini seharusnya ada kepada seorang Muslim kerana antara ciri-ciri penampilan seseorang yang berakhlak mulia. Antara contoh sifat saling hormat ialah memberi layanan mesra dan sopan saling bekerjasama, saling menghargai, antara satu sama lain dan menghargai budi serta jasa orang lain. Nilai atau rasa hormat boleh diterjemahkan dalam aktiviti harian serta bekerjasama tanpa mengira kaum, harta, usia, dan pangkat.

Saya juga melihat hubungan baik antara pihak atasan dan orang bawahan adalah penting bagi memastikan keharmonian terjalin. Pihak atasan perlu mengambil kita hal ehwal orang bawahan, mendengar suara orang bawahan, dan tidak mementingkan diri sendiri dalam membuat keputusan. Nilai hormat-menghormati merupakan aspek penting dalam kehidupan bermasyarakat.

Namun, apa yang dikesalkan mutakhir ini saya melihat sifat dan nilai saling hormat-menghormati ini telah mula terhakis sedikit demi sedikit daripada jiwa masyarakat apabila perasaan saling hormat-menghormati ini dilihat semakin pudar dan hambar.

Tuan Yang di-Pertua, tadbir urus yang baik dapat memberi pelbagai manfaat kepada negara dan rakyat. Tadbir urus yang baik sangat dituntut dalam Islam dengan mempraktikkan amalan sedemikian ini akan dapat meningkatkan keyakinan pihak yang berkepentingan terhadap keupayaan sesuatu pihak seperti kerajaan, institusi pertubuhan dan sebagainya dalam melaksanakan apa yang diamanahkan kepada mereka.

Selain itu, pada hemat saya pendekatan tersebut juga bertujuan untuk mengekalkan akauntabiliti dalam menguruskan sesuatu perkara yang diamanahkan. Terdapat empat ciri tadbir urus yang baik iaitu integriti, bertanggungjawab, amanah dan telus.

Umum mengetahui kedudukan Malaysia pada Indeks Persepsi Rasuah (CPI) dunia pada tahun 2021 jatuh ke tahap kedudukan 62 berbanding tangga 57 pada tahun 2020. CPI inilah yang menjadi kayu ukur keseriusan kerajaan sekarang dalam tekad untuk membanteras rasuah. Perkara ini tentunya amat membimbangkan. Percaya atau tidak gejala rasuah semakin menebal dalam kalangan masyarakat dan ia seolah-olah menjadi amalan biasa. Entah dari mana agaknya dan bila gejala ini mula bertapak. Tanpa diduga ia semakin membarah dalam negara kita.

Melihat kepada realiti yg berlaku pada hari ini, saya ingin mengingatkan merupakan menjadi suatu perkara yang amat penting bagi pihak yang mengurus dana awam untuk mewujudkan garis panduan tadbir urus dalam organisasi masing-masing. Ia perlu merangkumi aspek tugas dan tanggungjawab semua pihak yang terlibat dalam menguruskan dana awam. Konsep integriti bertanggungjawab amanah dan telus berserta mekanisme untuk merealisasikan semua itu hendaklah dinyatakan dengan jelas. Harapan saya semoga rasuah dan ketirisan berleluasa sebelum ini dapat dibendung oleh pentadbiran sekarang dan sudah tentu kebocoran kewangan negara dapat diselamatkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Tuanku Agong juga Baginda menitikberatkan kepada perlindungan sosial. Sebelum mengakhiri perbahasan saya ini saya ingin menyentuh sedikit mengenai perlindungan sosial di Malaysia. Pada amnya perlindungan sosial merangkumi dasar, program dan langkah-langkah yang bertujuan memastikan taraf hidup minimum untuk para penduduk dan melindungi masyarakat daripada kejutan atau peristiwa malang seperti penyakit serius, kecerdasan, dan pemberhentian kerja. Objektif perlindungan sosial merangkumi aspek mengurangkan kemiskinan dan kerentanan, membina modal insan, memperkasakan wanita, meningkatkan pendapatan mampan dan tindak balas terhadap perubahan atau kejutan seperti pandemik COVID-19 dan gangguan ekonomi.

Terdapat dua kategori objektif dalam perlindungan sosial iaitu bersifat jangka pendek dan jangka panjang. Pada program jangka pendek ia akan membentuk inisiatif segera iaitu secara *one-off*, dengan izin, bagi tujuan membantu segera kepada rakyat bagi mengatasi gangguan kecemasan seperti gangguan ekonomi dan kesihatan. Manakala matlamat jangka panjang merangkumi peningkatan peluang untuk pertumbuhan inklusif, pembangunan modal insan, dan kestabilan sosial.

Kita juga meraikan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) yang diperkenalkan di bawah Akta Keselamatan Sosial Siru Rumah 2022. Sebagaimana yang kita maklum, skim ini bertujuan untuk menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada golongan suri rumah daripada bencana domestik dan keilatan semasa menguruskan rumah tangga. SKSSR ini juga melindungi suri rumah yang ditimpa penyakit atau keuzuran. Saya melihat skim ini sangat baik dan pelaksanaannya nanti sudah tentu akan membela kebajikan golongan suri rumah. Justeru itu, saya berpendapat penambahbaikan berterusan ke atas perlindungan keselamatan sosial negara akan dapat meningkatkan perlindungan keselamatan sosial rakyat secara menyeluruh dengan memastikan tiada kumpulan rakyat yang tersisih.

■1210

Oleh yang demikian, saya mohon skim perlindungan sosial wajib dijadikan agenda utama dalam setiap strategi pembangunan nasional agar negara dapat mencapai pertumbuhan yang inklusif dan pembangunan yang mampan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah atas cadangan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh untuk menyokong dan berucap. Silakan.

12.11 pg.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat tengah hari. Saya tulis "selamat pagi" tetapi sudah tengah hari, Tuan Yang di-Pertua. Selamat tengah hari, salam sejahtera dan salam Malaysia MADANI.

Tuan Yang di-Pertua serta semua Ahli-ahli Dewan Negara yang saya hormati. Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memilih saya untuk menyokong Usul Titah Diraja ini. Sesungguhnya, ia merupakan satu penghormatan yang amat tinggi bagi diri saya.

Pertamanya, saya ingin menjunjung kasih mengucapkan sekalung tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong kerana telah menyampaikan titah semasa Pembukaan Penggal Kedua Parlimen Kelima Belas tempoh hari pada 13 Februari 2023. Titah Tuanku ini sangat komprehensif dan menyentuh kesemua aspek kepentingan negara dan rakyat. Saya secara peribadinya amat kagum dengan kepintaran dan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang telah dengan jayanya dapat menangani krisis kepimpinan negara yang berlaku beberapa kali dalam masa yang singkat dalam tempoh pemerintahan Tuanku.

Bermula dengan terbubarnya kerajaan selepas 22 bulan memerintah akibat peletakan jawatan Perdana Menteri ketujuh, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad. Maka, ia menjadi tanggungjawab Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk melantik seorang Perdana Menteri baharu yang pada hemat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku seorang Ahli Dewan Rakyat yang mempunyai sokongan majoriti.

Akhirnya, dengan penuh berhemah melibatkan perundingan dengan semua pihak yang berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah berkenan untuk melantik Yang Berhormat Tan Sri Mahiaddin Yassin sebagai Perdana Menteri kelapan. Malangnya, kerajaan ini hanya mampu bertahan selama 17 bulan. Ia terubur apabila Perdana Menteri kelapan meletak jawatan.

Sekali lagi, krisis kepimpinan ini memerlukan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Yang di-Pertuan Agong untuk menanganinya. Sebagaimana sebelum ini, apabila selesai perundingan dan perbincangan dengan pihak-pihak berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku berkenan untuk melantik Yang Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob sebagai Perdana Menteri kesembilan.

Kerajaan ini juga hanya bertahan selama 14 bulan kerana terpaksa memberi laluan kepada Pilihanraya Umum Ke-15. Keputusan Pilihanraya Umum Ke-15 tidak konklusif kerana tidak ada satu- parti atau gabungan yang mempunyai majoriti mudah untuk menubuhkan kerajaan. Sekali lagi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia terpaksa mengadakan pelbagai rundingan dan perbincangan untuk menangani krisis Parlimen tergantung ini.

Akhirnya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah mengilhamkan dan menitahkan untuk menubuhkan sebuah kerajaan perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah dicapai oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku bukan satu perkara yang mudah dan ia bukan calang-calang untuk menyelesaikannya. Bagi saya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku ini ialah Raja yang hebat. *His Majesty* ialah *a true King indeed*, dengan izin.

Sebelum saya meneruskan ucapan saya ini, saya ingin menzahirkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Anwar Ibrahim, Ahli Parlimen Tambun yang telah dilantik sebagai Perdana Menteri Ke-10. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah menjunjung Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk menubuhkan kerajaan perpaduan di dalam negara kita yang penuh dengan kemajmukan.

Titah ini bukan mudah untuk dicapai. Ia satu *paramount tasking*, dengan izin. Terbukti kehebatan Perdana Menteri Ke-10 ini apabila berjaya menubuhkan kerajaan perpaduan dengan dianggotai oleh empat gabungan parti-parti, dan empat- parti lain yang menjadi jumlah parti dalam ikatan gabungan perpaduan ini sebanyak 20 buah parti kesemuanya.

Kehebatan ini terbukti apabila beliau telah mendapat keabsahan melalui Usul Undi Percaya di dalam Dewan Rakyat yang mulia pada 19 Disember 2022 dengan mendapat sokongan seramai 148 Ahli Dewan Rakyat. Angka 148 ini merupakan majoriti 2/3. Sama-samalah kita doakan agar kerajaan perpaduan ini akan menjadi stabil dan bertahan sehingga PRU-16 demi rakyat dan demi Malaysia. Tahniah, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang menyarankan antara lainnya untuk menumpukan kepada penjana ekonomi negara. Sesungguhnya, ekonomi negara kita telah terkesan dengan teruknya apabila berlakunya pandemik COVID-19.

Oleh itu, saya berpendapat kesemua cabang kerajaan dan pihak swasta perlu bekerja dengan penuh efisien dan juga berintegriti mematuhi tadbir urus yang telah ditetapkan. Negara kita dan kerajaan kita ini mengamalkan sistem atau konsep, dengan izin, *separation of powers*. Juga dikenali sebagai *liberal democracy* atau *constitutional democracy*.

Kita mempunyai tiga cabang kerajaan iaitu perundangan atau legislatif, eksekutif dan kehakiman. Bagi memajukan negara ini dan menjanakan ekonomi negara, dengan meletakkan kepentingan rakyat dan negara diutamakan, kesemua cabang kerajaan ini perlu bekerja dan bertugas dengan penuh dedikasi, integriti dan ketelusan dan adil.

Pertama, legislatif yakni Ahli Dewan Negara seperti kita. Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri. Sebagai pembuat undang-undang, perlu teliti setiap akta dan undang-undang yang hendak diluluskan agar ia tidak memberi impak atau implikasi yang negatif kepada rakyat dan negara.

Kedua, eksekutif. Eksekutif merupakan *frontliner*, dengan izin, dalam melaksanakan tugas mendepani masalah dan kehendak rakyat. Maka, sudah tentu kumpulan eksekutif ini perlu lebih peka dan sensitif kerana setiap keputusan dan tindakan mereka akan memberi kesan kepada rakyat dan negara. Sebagai contoh, secara spesifiknya telah sampai ke pengetahuan saya ada satu buah syarikat pelabur asing yang mempunyai masalah dan ingin menyelesaikannya dengan kerajaan. Setelah memohon untuk bertemu dengan jabatan berkenaan, tetapi sehingga kini masih tidak mendapat temu janji.

■1220

Permohonan untuk bertemu Menteri juga sehingga kini masih gagal. Di sebaliknya, syarikat yang sama yang mempunyai kilang di Indonesia. Apabila mereka melahirkan sesuatu isu untuk diselesaikan, Presiden Indonesia sendiri telah membuat lawatan ke kilang tersebut.

Dalam kes seperti ini, mereka bukan memerlukan Perdana Menteri untuk menyelesaikan masalah mereka tetapi memadai dengan menteri atau pegawai sahaja. Bayangkan, jika isu mereka ini tidak diselesaikan dan mereka membuat keputusan untuk memindah operasi mereka ke negara lain, sudah tentu implikasi negatif terhadap negara kita iaitu pekerja yang ramai akan kehilangan pekerjaan. Kita sudah perit merasa terkesan apabila pandemik COVID-19, pelabur-pelabur dalam negara kita telah lari melabur ke negara lain.

Maka, saya berpandangan jika pelabur seperti ini sudah ada di negara kita ini, perlulah kita jaga agar tidak kehilangan. Ini bermakna setiap tindakan atau perilaku pegawai kita, walaupun kecil ataupun besar, ia akan memberi kesan, implikasi dan impak kepada rakyat dan negara ini. Maka, jika Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk kita menjana ekonomi, memaju negara, kita perlu tingkatkan tahap kerja yang efisien. Lebih teruk lagi, perkara seperti ini jika diketahui oleh pelabur-pelabur lain yang berminat untuk melabur di negara kita, sudah tentunya dengan sendirinya akan hilang minat dan membatalkan rancangan untuk datang melabur di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, cabang ketiga ialah kehakiman ataupun *judiciary*. Cabang ini adalah amat penting kerana cabang ini akan memberi nama dan imej yang baik jika ia berlaku adil dan menjalankan tugas dengan sempurna. Di sebaliknya, jika ia ada pencemaran, berlaku ketidakadilan, dengan sendirinya nama dan imej negara kita akan menjadi buruk dan negatif.

Maka adalah amat penting untuk bidang kehakiman ini menjalankan dan melunaskan tugas dengan penuh dedikasi dan keadilan tanpa dicemari kepentingan peribadi, kepentingan diri mahupun kepentingan politik atau kepentingan yang lain-lain. Jika kehakiman ini berlaku pencemaran ketidakadilan, ia akan memberi satu impak kepada pelabur-pelabur asing yang ingin ke datang negara kita di mana dia tidak yakin dengan sistem kehakiman kita. Sudah tentu bidang kehakiman ataupun cabang kehakiman ini juga adalah amat penting untuk dilunaskan tugas dengan penuh dedikasi dan berintegriti.

Tuan Yang di-Pertua, mutakhir ini, dunia telah menyaksikan swasta juga tidak kurang hebatnya. Maka, di samping tiga cabang kerajaan ini untuk memajukan negara, menjanakan ekonomi, saya berpandangan perlu juga melibatkan pihak swasta yang cekap, berintegriti dan mementingkan rakyat. Setiap tindakan atau keputusan yang dibuat oleh swasta, terutamanya syarikat-syarikat yang besar, ia ada impak dan implikasi kepada rakyat sekali gus menjejaskan penjana ekonomi negara.

Sebagai contoh, saya dapat tahu ada sebuah bank yang besar dan bank ini telah menawarkan pelbagai jenis akaun untuk dibuka oleh pelanggan mereka. Contohnya, akaun semasa, akaun simpanan, akaun simpanan tetap, akaun pelaburan dan lain-lain. Ada satu kes seorang pelanggan ingin membuka akaun pelaburan tetapi ia tidak diluluskan tanpa sebab. Apabila ditanya, tidak ada jawapan yang diberi.

Maka, sudah tentu pelanggan ini tidak boleh membuat pelaburan di situ dan tidak boleh menyelesaikan apa masalah mereka atau masalah beliau kerana tidak diberitahu apa sebab tidak diluluskan. Bank tersebut juga tidak mendapat wang pelaburan daripada pelanggan ini. Sepatutnya pihak bank bolehlah berbincang dengan pelanggan ini menyelesaikan apa sahaja isu yang menyebabkan pelaburannya tidak diluluskan supaya beliau layak untuk melabur.

Kes seperti ini, kalau satu, tidak apa-apa. Akan tetapi, jika ramai yang berlaku yang tidak boleh melabur, sudah tentu secara agregatnya jumlah wang pelaburan yang tidak diterima oleh bank itu akan meningkat begitu banyak sekali. Duit dari bank selalunya dilabur atau *reinvest* dalam pelbagai perkara bidang lain tetapi jika berkurangan sumber masuk untuk pelaburan, ia sekali gus menjejaskan penjana ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, inisiatif Malaysia Madani yang merangkumi aspek-aspek kemapanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan, ihsan dan rahmah merupakan konsep dan prinsip yang boleh melahirkan masyarakat yang majmuk.

Ini lebih harmoni, lebih berpadu dan lebih produktif. Maka adalah diharapkan agar prinsip-prinsip tersebut dapat diterjemahkan dan dilaksanakan dengan baik bagi mencipta lonjakan saujana untuk negara kita tercinta, Malaysia.

Perkara seterusnya yang saya ingin menyebut di sini adalah berkenaan bencana alam. Akhir-akhir ini, kita telah menyaksikan malang tidak berbau. Bencana banjir, tanah runtuh dan lain-lain boleh berlaku bila-bila masa sepanjang tahun.

Kalau dahulu, kita hanya menjangkakan banjir hanya boleh berlaku di hujung tahun tetapi sekarang ini, ia tidak begitu. Dua, tiga minggu lepas, banjir yang begitu teruk telah melanda Johor dan beberapa buah negeri lain dan ia berlaku dalam bulan Februari dan Mac, bukan akhir tahun. Mujurlah negara kita ini telah menubuhkan sebuah agensi khusus untuk mengurus dan menangani bencana yang akan berlaku iaitu NADMA. Agensi NADMA merupakan agensi khusus untuk menangani bencana. Ia telah ditubuhkan melebihi 10 tahun yang lalu.

Saya menyarankan NADMA perlu proaktif dengan merancang terlebih awal, bersiap sedia perkara-perkara yang perlu untuk menangani bencana alam terutamanya bencana banjir yang kerap berlaku. Antara perkara yang saya boleh fikirkan yang boleh disiap sedia lebih awal seperti bot penyelamat, pembekalan makanan kering yang boleh distok, jaket keselamatan dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kos sara hidup adalah juga merupakan antara cabaran yang perlu ditangani oleh kerajaan. Kos sara hidup ini meliputi pelbagai perkara, antaranya kos makanan, tempat tinggal, pengangkutan, keperluan sekolah dan sebagainya.

Di samping kerajaan memberikan subsidi yang bersasar kepada golongan B40 dan lain-lain golongan yang memerlukan, kerajaan juga perlu memastikan kelangsungan pengeluaran makanan yang lebih baik supaya aspek keterjaminan makanan negara berada di tahap yang memuaskan. Rumah mampu milik di semua peringkat juga perlu diperbanyakkan agar kos tempat tinggal itu dapat diturunkan. Maka, Program Perumahan Rakyat perlu disegerakan dan dipergiatkan.

Tuan Yang di-Pertua, modal insan merupakan antara faktor yang penting bagi kemajuan dan penjana ekonomi negara kita. Dalam hal ini, peluang pendidikan dan latihan perlu diperbanyakkan, dipermudahkan dan diperluaskan dalam pelbagai bidang, terutamanya dalam bidang pendigitalan dan pengkomputeran. Modal insan yang berpendidikan dan berkemahiran merupakan masa depan untuk kemajuan negara kita. Pendidikan dan latihan ini juga perlu bersasar pada golongan muda, kerana orang muda itu aset negara.

■1230

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata sebagai rumusannya setiap perkara, setiap tindakan yang kita lakukan, setiap keputusan yang kita buat oleh pihak-pihak yang berwajib akan memberi kesan, impak dan implikasi kepada rakyat, kemajuan dan pembangunan negara serta penjana ekonomi. Maka adalah amat peting untuk kita meningkatkan tahap kerja kita dengan penuh efisien dan mengikut tadbir urus yang telah ditetapkan. Sekian. Saya mohon menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja ini. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh atas ucapan, menyokong Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Usul berbunyi,

“Bahawasanya sesuatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan pada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih ke atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku semasa membuka Penggal Kedua, Majlis Parlimen Yang Kelima Belas." [13 Februari 2023]

Dikemukakan kepada Majlis sekarang, dan terbuka untuk dibahaskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai 11 Ahli Yang Berhormat yang hendak berbahas. Oleh yang demikian saya membenarkan tempoh masa 20 minit seorang untuk berbahas.

Dijemput Yang Berhormat Senator Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi. Silakan.

12.32 tgh.

Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Saya menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah yang menzahirkan keprihatinan Baginda terhadap kesejahteraan dan kebajikan rakyat serta pembangunan negara.

Ingin juga saya mengucapkan terima kasih atas kecaknaan yang diberikan oleh Kerajaan Perpaduan terhadap pemulihan negara melalui pengenalan konsep Malaysia Madani. Oleh itu saya di sini ingin bertanya kepada pihak kerajaan terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, apakah fokus jangka pendek dan panjang yang akan diberikan perhatian terhadap pemerkasaan dan penghapupayaan komuniti OKU di Malaysia melalui konsep keterangkuman yang ditekankan dalam Malaysia Madani?

Ucapan saya pada hari ini akan dibahagikan kepada beberapa Teras Utama yang mengambil kira keperluan segera kepada pembangunan OKU. Teras pertama, membela hak asasi OKU. Sudah berpuluh-puluh kali saya sentuh mengenai pindaan Akta OKU 2008 yang kurang taring dalam membela dan mempertahankan hak kami sebagai OKU di negara ini.

Saya ingin ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang telah menubuhkan pasukan projek khas bagi semakan Akta OKU 2008. Oleh itu, saya ingin bertanya, apakah komitmen kementerian dalam mengemukakan pembentangan pindaan Akta OKU 2008 kepada Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara? Serta nyatakan elemen-elemen pindaan yang akan diberikan perhatian khusus.

Antara perkara yang perlu disegerakan dalam pindaan Akta OKU 2008 adalah:

- (i) memperkukuh dan mengemas kini takrifan kekurangupayaan untuk membenarkan kemasukan kumpulan seperti berikut, penghidap dimensia dan kekurangupayaan berkaitan penuaan lain, penyakit jarang jumpa, kekurangupayaan psikososial, kepelbagaian saraf dan ketidakupayaan sementara;
- (ii) sertakan takrif diskriminasi dan gangguan;
- (iii) memperkenalkan penalti yang tinggi kerana yang tidak mematuhi peruntukan akta;

- (iv) memperkenalkan mekanisme untuk penguatkuasaan hak OKU termasuk dan tidak terhad kepada sistem tribunal dengan kehadiran kuasa negeri untuk menangani rungutan dan pelanggaran hak OKU; dan
- (v) memasukkan semua klausa penyingkiran termasuk dan tidak terhad kepada seksyen 41, dan 42, Akta OKU 2008 yang menghalang dan melindungi penjawat awam daripada disaman.

Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian KPWKM berhasrat memperkenalkan satu akta khusus bagi pembasmian diskriminasi terhadap OKU seperti yang dilakukan di beberapa buah negara maju. Contoh Akta Diskriminasi OKU 1995 *United Kingdom* (UK) dan Akta Anti Diskriminasi Amerika Syarikat 1990.

Sehingga saat ini komuniti OKU masih mengalami dan menjadi mangsa diskriminasi yang keterlaluan dalam pelbagai sektor. Saya mohon kerajaan menyatakan jumlah kes diskriminasi yang telah direkodkan bagi tahun 2008-2022. Apakah usaha pantas kementerian dalam menangani hal ini?

Seterusnya, mengenai penganggotaan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM), saya ingin mencadangkan agar kerajaan melantik seorang Pesuruhjaya OKU dilantik menganggotai Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) sebagai usaha reformasi tata kelola bagi menangani masalah diskriminasi pelanggaran hak dan sosial membabitkan OKU. Perkara ini mesti diberikan penekanan segera di mana ia boleh dilakukan seperti pelantikan Pesuruhjaya Kanak-kanak baru-baru ini.

Saya juga pohon agar kerajaan dapat bersama-sama menyambut baik usaha Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam meraikan Hari Sifar Diskriminasi atau, dengan izin, *Zero Discrimination Day* yang disambut setiap tahun pada 1 Mac. Sambutan ini perlu dijadikan satu inisiatif utama oleh semua entiti kerajaan yang merangkumi kementerian, agensi, GLC dan sebagainya sebagai usaha pembasmian diskriminasi terhadap OKU mahupun bagi yang lain-lain.

Saya ingin menceritakan sedikit peribadi mengenai diri saya, Tuan Yang di-Pertua. Ketika saya menjadi OKU pada tahun 2002, saya tidak diberikan peluang untuk bekerja selama enam tahun bersama majikan yang pernah saya bekerja dahulu. Saya tidak berapa faham kenapa. Mungkin pada mereka saya tidak sesuai untuk bekerja kerana saya menjadi seorang OKU. Selama enam tahun saya tidak bertugas dan semua tempat yang saya pergi, saya cuba untuk mendapatkan pekerjaan, mereka tidak mahu mengambil saya. Enam tahun itulah saya hidup dengan makan nasi dengan garam dan minum air paip. Jadi, saya tidak mahu perkara ini berlaku kepada sahabat-sahabat saya yang lain. Cukup-cukuplah, ini sudah tahun 2023.

Teras kedua, penjagaan kesihatan tunjang kesejahteraan OKU. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebelum ini pernah mewujudkan Pelan Tindakan Penjagaan Kesihatan OKU 2011-2020. Apakah dapatan dan hasil pencapaian menerusi Pelan Tindakan tersebut? Adakah kementerian berhasrat dalam memperkenalkan satu Pelan Tindakan Penjagaan Kesihatan OKU yang lebih komprehensif?

Saya ingin pohon kementerian menyatakan, jumlah klinik dan hospital kerajaan yang menawarkan rehabilitasi kepada OKU serta berapakah jumlah yang diperuntukkan oleh kementerian bagi hal ini? Saya turut mohon kementerian maklumkan mengenai usaha menambah baik kemudahan dan fasiliti rehabilitasi kepada komuniti OKU.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat di Malaysia tidak terkecuali daripada menerima impak kesihatan mental akibat pandemik COVID-19. Kini isu kesihatan mental telah menjadi satu pandemik senyap ataupun, dengan izin, *silent pandemic*. Baru-baru ini Menteri Kesihatan turut memaklumkan bahawa penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah yang tertinggi mengalami kemurungan. Apakah jangkaan kadar peratus kes kemurungan bagi tahun ini dan adakah kementerian akan melaksanakan kajian mobiliti kebangsaan 2023? Saya kira ini satu tugas Yang Berhormat Senator kita yang baharu masuk untuk meneliti selepas ini.

Seperti yang sedia maklum, kerajaan telah mewujudkan Pusat Mentari yang memberikan fokus dalam memudahkan akses kepada rawatan awal integrasi komuniti, membina daya tahan dan menyokong rehabilitasi daripada penyakit mental.

Oleh itu saya ingin bertanya, berapakah jumlah Pusta Mentari yang masih aktif di dalam negara ini? Adakah Kementerian berhasrat menubuhkan Pusat Mentari sekurang-kurangnya satu di setiap daerah menerusi RMK-12. Mentari pertama untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, ditubuhkan pada 2011 di Putrajaya. Berapakah jumlah yang telah menerima manfaat menerusi Pusat Mentari sejak ditubuhkan sehingga kini serta jumlah yang telah dibelanjakan kerajaan bagi mengatasi masalah kesihatan mental melalui Pusat Mentari?

■1240

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pohon kerajaan nyatakan berapakah jumlah kes yang direkodkan bagi cubaan membunuh diri bagi tahun 2020 sehingga 2022? Saya juga ingin bertanya mengenai hasil kajian cadangan untuk mengeluarkan cubaan bunuh diri daripada senarai jenayah yang telah dilakukan oleh KKM sebelum ini, tiada berita.

Jadi, apa pendirian semasa kerajaan berkenaan nyah jenayah dengan izinnya, *decriminalization* atau cubaan bunuh diri melalui pemansuhan seksyen 309 Kanun Keseksaan. Tuan Yang di-Pertua, terdapat kira-kira 7,000 jenis penyakit jarang jumpa di seluruh dunia dan daripada jumlah itu 500 jenis termaktub dalam senarai penyakit jarang jumpa, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Penyakit jarang jumpa ini kalau kita tidak kenal mereka kita tidak tahu. Mereka ada bersama kita mungkin di dalam Dewan ini juga. Kebanyakan penyakit itu memang jarang sekali ditemui seperti penyakit jarang jumpa. Selain tiada ubat mahupun penawar untuk merawatnya. Saya kenal seorang anak yang memerlukan RM3 juta setahun untuk hidup. Sehingga kini tidak ada satu undang-undang khusus untuk membela dan melindungi komuniti penyakit jarang jumpa di Malaysia, Tuan Yang di-Pertua.

Tindakan ini seolah-olah kita ini mengabaikan dan menafikan hak mereka sebagai warga negara Malaysia dalam menikmati segalanya seperti orang yang bukan OKU. Akta penyakit jarang jumpa mesti segera dibangunkan demi melindungi hak dan nyawa bayi, kanak-kanak serta individu dengan penyakit jarang jumpa.

Akta penyakit jarang jumpa Amerika Syarikat bolehlah kita jadikan panduan bagi undang-undang ini. Kemudian, adakah tindakan Kementerian bagi memastikan pesakit jarang jumpa di kawasan luar bandar dan pedalaman tidak terkecuali dalam mendapatkan segala perkhidmatan bukan farmakologi. Mohon nyatakan jumlah pakar genetik dan kaunselor genetik tersedia di negara serta hospital- hospital yang menyediakan perkhidmatan perubatan pada penyakit jarang jumpa.

Suatu perkara lagi Tuan Yang di-Pertua, *acid folic* sangat diperlukan oleh ibu hamil kerana ia membantu mengelak kekurangupayaan yang serius pada otak dan saraf tunjang bayi yang dikenali sebagai kekurangupayaan tiup saraf, dengan izinnya, *neural tube defects*. Oleh itu, saya ingin mengetahui apakah tindakan yang sedang dan akan diambil bagi memastikan kesemua ibu yang hamil tidak terlepas daripada mengambil jumlah *acid folic* yang diperlukan serta mohon nyatakan jumlah individu yang sedang mengalami NTDs.

Tuan Yang di-Pertua, teras ketiga. Kemudahan infra dan reka bentuk sejagat. Sebenarnya yang membuat seseorang itu OKU Tuan Yang di-Pertua, bukannya kami, yang membuat kami OKU merupakan persekitaran kami dan persepsi masyarakat.

Realiti pada hari ini komuniti OKU berdepan bebanan keterbatasan ketika ingin bergerak ke mana-mana di sebabkan bangunan dan tempat awam masih tidak mesra OKU. Kemudahan ada tetapi kita dapati sehingga kini ia masih tidak mengikut standard atau piawaian seperti yang ditetapkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Kerajaan Persekutuan mahupun kerajaan-kerajaan negeri masih gagal dalam memastikan kemudahan dan akses yang berkonsepkan reka bentuk sejagat atau, dengan izin, *universal design*.

Adakah kerajaan berhasrat dalam meminda Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133] dari Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 yang sudah lama tidak dipinda bagi mengikut keperluan semasa OKU berkaitan penyediaan kemudahan asas?

Apa mekanisme tindakan yang diambil oleh Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan terhadap premis-premis yang tidak mematuhi tahap garis panduan reka bentuk sejagat serta penyediaan kemudahan yang tidak mesra OKU. Selari dengan hal ini, apa status semasa bagi pelaksanaan Pelan Induk Aksesibiliti Orang Kelainan Upaya, diwujudkan bagi meningkatkan *accessibility* komuniti OKU.

Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Malaysia ini sekiranya kita mengikut peratusan daripada WHO, 15 peratus populasi sesebuah negara itu OKU. Jadi, di negara kita lebih kurang 4.9 juta. Namun yang mendaftar adalah tidak lebih daripada 620,000 orang. Ramai lagi yang masih tidak mendaftar. Jabatan Landskap Negara Tuan Yang di-Pertua, pernah mengeluarkan garis panduan reka bentuk sejagat bagi kemudahan taman-taman rekreasi.

Apakah status pelaksanaan garis panduan ini serta apakah tindakan yang diambil terhadap individu yang melanggar garis panduan ini? Ketidaksediaan dan kurang kemudahan mesra OKU di masjid, di rumah ibadat selain Islam telah menjadi satu halangan kepada kami untuk menunaikan tanggungjawab terhadap agama.

Mohon nyatakan, berapakah jumlah masjid dan rumah ibadat selain Islam yang masih tidak mempunyai kemudahan mesra OKU dan adakah kerajaan berhasrat memasukkan syarat penyediaan mesra OKU di rumah ibadat sebagai elemen wajib dalam audit?

Seterusnya, ini yang saya suka. Saya boleh bergaduh mengenai perkara ini. Seterusnya mengenai soal *parking* OKU, tempat meletak kereta. Adakah kementerian bercadang untuk menetapkan kuota *parking* OKU bagi sesuatu premis melalui penguatkuasaan? Saya mohon agar kementerian dapat bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam mengenakan hukuman dan denda maksimum kepada individu-individu yang menyalahgunakan *parking* OKU. Ini adalah sebahagian hak OKU. Hak kami yang mesti dipertahankan oleh kerajaan bagi kesejahteraan OKU.

Di Dewan yang mulia ini saya tekankan dan beri amaran bagi semua di luar sana, jangan sesekali ingin merampas hak kami sebagai OKU. Tolonglah, jangan salah gunakan kemudahan OKU demi kepentingan diri sendiri... [Tepuk] Berhenti jadi *selfish*, dengan izin. Nasihat saya, jangan mahu cepat menjadi OKU. Tunggulah sebentar.

Akhir sekali, berkenaan laluan penjalan kaki OKU di Lembah Klang yang sering kali disalah guna bagi *parking* motor atau gerai makanan. Kami ini, sahabat-sahabat saya yang buta jalan menggunakan dalam *white cane*... [Disampuk] Menggunakan tongkat putih. Terima kasih.

Tongkat putih, menggunakan *tactile* berjalan-jalan, tiba-tiba di depan dia ada tong, lepas itu di depan dia, ada motor. Jadi, bagaimanakah pula dengan kami menggunakan kerusi roda? Kami tidak boleh melalui laluan itu kerana orang berniaga di situ atau mereka sesuka hati meletak barang di situ. Manakah empati kita? Manakah rasa hormat kita antara kalangan kita warga Malaysia?

Jadi, apakah tindakan yang diambil oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam hal ini serta adakah bercadang untuk mengenakan denda yang maksima bagi sesiapa yang menyalah guna kemudahan ini? Bagi saya mudah sahaja Tuan Yang di-Pertua. Kita saman macam dekat Australia. Mereka saman RM1,000, RM2,000, RM5,000 saman, bagus. Saya berharap agar DBKL dapat menyediakan *tactile paving* dan *tactile tiles* dengan izin, di semua tempat tumpuan seperti pusat bandar, pusat beli belah, taman rekreasi, bangunan-bangunan kerajaan serta lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, maaf saya bercakap laju, saya sedikit marah kerana saya bercakap selalu tetapi benda ini tidak berubah, tidak berubah, tidak berubah. Saya begitu berharap agar Kerajaan Perpaduan ini akan terus mengangkat martabat dan teruskan agenda pemerikasaan komuniti OKU sebagai fokus utama menerusi kerangka Malaysia Madani. Saya mohon menyokong, Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum*... [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi atas perbahasan yang diberikan dengan penuh bersemangat.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah. Dipersilakan.

12.48 tgh.

Dato' Arman Azha Abu Hanifah: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara yang saya hormati.

Pertama, saya ingin merakamkan selamat datang kepada Ahli Dewan Negara yang baharu diberikan amanah dan tanggungjawab pada hari ini. Saya ingin memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana memberikan saya kesihatan yang baik untuk terus menggalas amanah sebagai Ahli Dewan Negara.

Seterusnya, ingin berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk menyampaikan Usul Junjung Kasih dan bahas Titah Diraja bagi Penggal Kedua, Parlimen Kelima Belas, pada hari yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik pendekatan Malaysia Madani yang diterajui oleh Kerajaan Perpaduan, hampir empat bulan yang mengambil alih tampak pemerintahan negara.

Syabas buat Yang Berhormat Perdana Menteri Ke-10. Semangat muhibah dan saling menghormati antara kaum merupakan asas dalam kestabilan negara. Oleh itu keutuhan, keharmonian menerusi gagasan perpaduan yang berlandaskan kepada prinsip-prinsip Perlembagaan Persekutuan hendaklah dijadikan agenda utama demi Malaysia yang tercinta.

Susulan daripada kestabilan dan menghormati kepelbagaian agama serta kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi yang termaktub dalam Perkara 3, Perlembagaan Persekutuan. Pembatalan penganjuran Projek Artikel 11- Jom Ziarah yang menjadi isu hangat baru-baru ini dijadikan tauladan yang baik kepada semua pihak.

Justeru, sebarang penganjuran aktiviti atau program pada masa hadapan atas dasar perpaduan dan keharmonian haruslah dilaksanakan dengan berhati-hati, menjaga sensitiviti umat Islam dan masyarakat. Pada masa yang sama saya ingin mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri KBS kerana akur dengan arahan MAIS dalam mengendalikan isu ini dengan cara yang berhemah dan penuh integriti.

■1250

Tuan Yang di-Pertua, memetik kata-kata Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang menegaskan bahawa Malaysia tidak akan mengalami kegawatan ekonomi pada tahun ini seperti yang diramalkan yang akan berlaku di kebanyakan negara, justeru itu program pembangunan sosioekonomi seperti agenda pemerksaan ekonomi, pendigitalan dan penerimaan teknologi usahawan serta pembangunan modal insan amat perlu bagi merencanakan pertumbuhan ekonomi.

Namun demikian, Malaysia tidak terlepas daripada menghadapi inflasi serta peningkatan kos sara hidup. Bagi mendepani masalah ini, usaha Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara yang telah ditubuhkan amat dinantikan oleh rakyat.

Saya menyambut baik dengan semangat ihsan inisiatif *Rahmah* dengan memperkenalkan menu serendah RM5 mampu membawa perubahan dan memberi jaringan perlindungan sosial seterusnya membendung isu kos sara hidup. Adalah diharapkan kapasiti Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara di perkasa dan meningkatkan pendekatan secara menyeluruh kekuatan negara melibatkan pengeluar, peniaga, pengguna dan semua agensi kerajaan.

Sejajar dengan inisiatif-inisiatif yang diambil oleh rakyat umumnya ekosistem perdagangan dalam negeri akan turut di perkasa khasnya buat penternak, petani, pengeluar makanan sebagai langkah meringankan beban mereka susulan peningkatan kos pengeluaran yang berterusan agar kelangsungan pengeluaran makanan negara berada pada tahap optimum dan aspek keterjaminan makanan kekal pada tahap terbaik.

Kita tahu hari ini negara kita menghadapi masalah dengan kos sara hidup yang tinggi, masalah telur, masalah ayam dan sebagainya. Perkara ini harus ditangani dengan baik oleh kerajaan untuk meringankan beban rakyat dalam negara kita.

Peralihan dan peningkatan kecanggihan teknologi digital merupakan pemangkin dalam kemajuan sebuah negara. Aspek kesalinghubungan digital adalah asas terpenting dalam pembangunan sebuah masyarakat dalam ekosistem digital.

Infrastruktur pembangunan teknologi digital harus dipertingkatkan kerana sektor seperti ekonomi, pendidikan, pelancongan, sains dan teknologi serta lain-lain, amat bergantung kepada platform pendigitalan dalam memacu pembangunan seiring dengan perubahan teknologi di peringkat global. Antara kejayaan yang dikecap melalui platform digital iaitu sektor ekonomi digital di mana pada tahun 2021 telah menyumbangkan sebanyak 23.2 peratus kepada KDNK, dan e-Dagang merupakan elemen yang paling pesat berkembang dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda telah mengingatkan kita agar Malaysia tidak sekali menghadapi ketinggalan dalam pembentukan kerjasama menghadapi persaingan global dalam hubungan negara luar. Malaysia perlu terus mengamalkan pendekatan pragmatik dan prinsip. Saya amat bersetuju dan sokong diberikan oleh Seri Paduka Baginda supaya mengambil pendekatan dasar luar negara yang berlandaskan kepada keamanan, kestabilan, kemakmuran dan kepentingan rakyat untuk menjadikan teras utama dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memajukan ekonomi negara aspek keselamatan dan ketenteraman awam perlu dititikberatkan. Antara cabaran hari ini keselamatan awam sentiasa bersifat dinamik memerlukan kesiapsiagaan negara menghadapi seperti penilaian serta perolehan peralatan dan kelengkapan baharu. Kelemahan kaedah lama yang merugikan kita serta melemahkan pertahanan negara perlu segera diatasi. Kita harus mengambil iktibar daripada kejadian-kejadian lepas di mana sistem pertahanan kita dapat dicerobohi dan dibolosi oleh penjenayah siber.

Saya turut berharap isu berkaitan pendatang asing tanpa izin, dan pelarian termasuk pemohon suaka politik segera ditangani dengan tegas oleh Kerajaan Perpaduan. Penempatan PATI dibangunkan dengan sewenang-wenangnya memperlihatkan kelemahan penguatkuasaan tempatan dan kelemahan pertahanan di sempadan negara kita. Tindakan tegas perlu diadakan terhadap mereka yang kian mengklon daerah tempatan, monopoli segelintir ekonomi kita. Rungutan dan aduan masyarakat yang terganggu dengan kehadiran mereka harus diberikan keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 perlu diteliti dan dikemas kini bagi menjamin keselamatan data peribadi agar ia seiring dengan perubahan teknologi dan perubahan perundangan privasi global. Rakyat dan pengguna perlu diberikan kesedaran bagaimana kepentingan mengenai data peribadi agar tidak terhindar daripada aktiviti penipuan siber seperti *scammers* yang berlaku pada masa hari ini.

Saya turut serta ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada pasukan pihak berkuasa yang berjaya menumpaskan sindiket Op Tropicana. Ini menunjukkan dan membuktikan bahawa kita mempunyai pasukan pihak berkuasa yang cekap daripada kepakaran dalam melumpuhkan percubaan penipuan didalangi oleh individu mahupun organisasi yang terdiri daripada pelbagai lapisan dan latar belakang yang lain. Oleh itu, Malaysia perlu mengukuhkan lagi kerjasama diplomasi pertahanan negara-negara serantau dan global bagi kepentingan dan tahap keselamatan nasional kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menghadapi cabaran mendatang aspek keselamatan fizikal melalui pengurusan risiko bencana perlu diberikan pendekatan dan kelangsungan rakyat. Pendekatan lebih sistematik, strategi hendaklah dilaksanakan bagi menangani sepenuhnya musibah bencana alam terutama banjir yang berlaku setiap tahun. Masalah banjir ini Tuan Yang di-Pertua, dilihat tidak selesai. Kita telah merdeka lebih berpuluh-puluh tahun tetapi masalah banjir ini masih lagi menjadi masalah utama dalam negara kita.

Dalam enam bulan kebelakangan ini negara kita telah mengalami musibah banjir yang sangat dahsyat. Insiden tanah runtuh di Batang Kali, wajar dijadikan iktibar agar peristiwa ini tidak berulang lagi. Justeru itu, perlu ada mekanisme pengurusan bencana mesti kukuh dan berkesan bagi menyelesaikan gerak kerja sempurna. Pihak berwajib harus sentiasa bersiap-siaga kerana musibah yang melanda tidak selalu datang dengan amaran.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri usul perbahasan saya, ingin saya menyeru sekalian Dewan untuk bersama-sama berganding bahu menggembelng tenaga serta kebijaksanaan kita sebagai Ahli Dewan memberi khidmat dengan ikhlas kepada rakyat yang menaruh kepercayaan kepada kita. Dalam masa hadapan mereka negara di bawah kepimpinan Kerajaan Perpaduan seharusnya marilah kita ketepikan perbezaan fahaman politik, politik yang sempit yang merugikan, memburukkan imej, yang membawa yang tidak baik kepada negara kita.

Ahli-ahli Dewan dihormati sekalian, saya berharap sebagai Ahli Dewan Negara kita tunjukkan contoh yang baik. Rakyat sekarang menilai terhadap kita. Bila kita berbahas kita berbahas tentang kepentingan rakyat kita, kepentingan masa hadapan kita. Jangan kita menunjukkan sifat yang kurang baik kerana tanggungjawab kita sebagai pemimpin adalah untuk terus membina negara kita ke arah negara yang lebih maju.

Saya berharap usul dan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda diterima dengan lapang dada dan mengambil serius oleh Ahli-ahli Dewan yang berhormat sekalian bagi memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Se kian. *Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah atas perbahasan tadi. Ahli-ahli Yang Berhormat jam hampir pukul satu. Jadi saya mengambil ketetapan untuk kita tangguhkan mesyuarat kita pada hari ini dan kita bertemu kembali pada jam 2.30 petang. Terima kasih.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 12.58 tengah hari]

■1430

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum sesi bersurai untuk makan tengah hari sebentar tadi, Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah telah selesai menyampaikan ucapan beliau.

Giliran kepada Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook sekarang.

2.33 ptg.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bagi menyambung perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya ingin membangkitkan beberapa perkara untuk perhatian pihak kerajaan dan juga kementerian.

Pertama sekali, saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Ke-10 kerana telah berjaya mengharungi arus-arus dan lintang-lintang dalam memerintah negara untuk tempoh sehingga kini.

Dalam masa yang sama, saya ingin membangkitkan tentang perkara-perkara yang perlu diberi perhatian oleh kerajaan dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, khususnya. Ini adalah kerana tiga, empat perkara ini adalah sangat kritikal bagi kita sekarang ini. Pertama sekali, daripada segi rasuah. Semua orang tahu. Kedua, daripada segi *extremism*, dengan izin...

Tuan Yang di-Pertua: Pelampau.

Tuan Aklan a/l Ehtook: Pelampau. Pihak pelampau.

Pelampau ini ada macam-macam; pelampau agama, pelampau bangsa, pelampau kewangan pun ada, terutama yang kapitalis. Okey, satu lagi adalah daripada segi cara kita berpolitik. Saya rasa saya ada juga teguran-teguran yang saya kemukakan untuk kita pertimbangkan. Kemudian dasar-dasar yang sedia ada. Mungkin perlu kita tengok balik.

Pertama sekali daripada segi rasuah. Ini adalah kerana selain daripada kita banteras melalui tindakan mahkamah, isu ini ialah isu sejagat yang dari dulu-dulu tidak akan habis selagi ada manusia. Dalam usaha kita membanteras itu, cubalah kita cegah juga kerana benda ini ia berlaku daripada kecil kemudian membesar. Contohnya, orang mencuri sepuluh sen. Rasa selamat sepuluh sen, pergi kepada seringgit. Selepas seringgit mungkin RM200 dan sebagainya. Jadi, kita gunakanlah nilai-nilai dalam agama masing-masing yang ada ini untuk mendidik semua pihak. Daripada sekecil-kecil pelajar murid sekolah sehinggalah sedewasa mereka yang telah pencen yang bergiat dalam pelbagai bidang.

Kita tidak mahu benda ini berlarutan sehingga isu rasuah ini sampai ke peringkat sektor pendidikan. Kalau kita ingat ada pada tahun 2017 dahulu, ada satu- video saya rasa di Rusia di mana pelajar jurusan perubatan membayar pensyarah untuk meluluskan peperiksaannya.

Pengakhirannya, pensyarah itu membawa isterinya ke hospital dan didapati pelajar yang merasuah dia untuk meluluskan dia itu, menjadi doktor yang merawat. Bayangkan wajah dia. "*Budak ini dia bayar aku, aku luluskan dia, padahal markah tidak seberapa. Dia jadi doktor kepada isteri aku.*" Kita tidak mahu itu terjadi. Benda ini akan jadi di mana-mana. Bukan sahaja perubatan, dalam sektor kejuruteraan juga.

Bayangkan kalau *engineer* kita tidak- lulus kerana dibayar atau membayar, bayangkan bangunan-bangunan kita yang dibina menggunakan ilmu yang tidak cukup itu.

Saya harap benda ini tidak berlaku. Pihak kerajaan perlu selain daripada membanteras, tolonglah mencegah dengan menanam nilai-nilai yang murni pada semua peringkat.

Satu lagi ialah kita tidak mahu juga jadi cerita yang sinonim dengan Malaysia di mana setiap kali Perdana Menteri baharu, kerja Perdana Menteri baharu ialah untuk menangkap Perdana Menteri yang lama. Kalau kita biarkan macam ini, inilah lambang yang kita berikan kepada dunia bahawa ini Malaysia. Kerja Perdana Menteri yang baharu, kerja pertama tangkap Perdana Menteri yang sebelumnya. Saya pun susahlah kalau kita biarkan macam ini.

Satu lagi ialah berkaitan dengan cara kita berpolitik juga, iaitu politik yang tidak jauh. Kita menggunakan bangsa dan agama sebagai modal untuk kita berpolitik. Saya rasa kita perlu fikir. Saya tahu bahawa ramai yang bermanfaat daripada model ini. Akan tetapi, adakah ini terbaik untuk negara kita? Negara kita ada pelbagai bangsa, pelbagai agama. Sekiranya kita menggunakan elemen ini, ia akan lagi teruk memecahbelahkan antara kita.

Jadi, seidealnya- ini impian saya. Idealnya yang agama dan bangsa itu tidak dijadikan sebahagian daripada permainan politik kita. Saya rasa lebih mudah, lebih senang. Semua orang boleh bercakap.

Ini apabila kita berhujah tentang politik, selepas itu ada elemen agama masuk. Saya yang agama berlainan dengan kawan saya sebelah itu tidak boleh gunakan agama dia sebagai hujah politik. Padahal dia gunakan agama dia. Kata orang apabila berlawan bola itu, padang tidak sama rata. Tidak bagus untuk negara kita dalam jangka panjang. Kalau ada ruang di mana kita boleh perbetulkan, eloklah pihak kerajaan perbetulkan keadaan ini. Saya rasa ini impian yang agak sukar. Akan tetapi, tidak salah untuk kita bermimpi dahulu sebelum kita membuat sesuatu. Mulakan dengan mimpi.

Seterusnya, tentang dasar yang sedia ada. Saya harap kerajaan bolehlah, dengan bahasa Inggerisnya, dengan izin, *relook and rethink* kerana dasar bumiputera kita ini sudah 60 tahun. Saya pun bumiputera tetapi grednya lain sedikit... [Ketawa] Akan tetapi, kita tengok benda itu sudah ada sekian lama. Akan tetapi kemajuannya, hasilnya kita belanja berjuta-juta, beratus juta kita ada pelbagai program, kita ada pelbagai agensi yang terlibat.

Akan tetapi, ke manakah kita hendak pergi? Adakah kita berpuas hati dengan hasilnya? Ataupun sebahagian daripada kita sahaja yang mendapat manfaat, yang lain itu tukang menari ikut gendang yang dipukul oleh orang lain. Harap kerajaan dapat melihat perkara ini supaya tidak timbullah masalah di belakang hari nanti.

Tentang banteras rasuah tadi, saya ingin cadangkan juga. Saya ingin menyokong cadangan daripada Jawatankuasa Pilihan Khas tentang rasuah yang mencadangkan supaya ada 'mahkamah khas'.

■1440

Saya rasa sangat-sangat perlulah. Jadikanlah ini suatu keutamaan bagi negara kita untuk membanteras rasuah ini dengan ada 'mahkamah khas'. Kalau tidak ada duit untuk buat bangunan, tidak apa. Kita buat di garaj pun tidak apa ataupun di kontena pun tidak apa. Kita cat merah, jadikan ini 'mahkamah khas rasuah' supaya tunjukkan keseriusan kita dalam mencegah rasuah.

Jadi, saya harap benda ini dapat diambil perhatian di pihak kerajaan. Saya tidak pastilah sama ada kerajaan menjawab tidak persoalan saya ini tapi inilah ruang untuk kita menyatakan apa yang ada di minda kita supaya sampai kepada pihak kerajaan dan tindakan sewajarnya diambil. Ataupun menjadi ingatan kepada kita. Mereka yang mendengar apa yang saya cakap ini, jadikanlah sesuatu untuk dipertimbangkan dalam kehidupan harian selepas ini.

Seterusnya, saya nak membangkitkan isu mengenai Kementerian Dalam Negeri. Isu ini, saya rasa Tuan Yang di-Pertua pun sudah cemuih dengar isu saya ini, tapi selagi tidak selesai, selagi saya masih ada di sini, saya akan sebut.

Pertama sekali tentang isu Siam inilah. Saya orang Siam. Kami ada masalah dengan Jabatan Pendaftaran Negara. Ada yang didaftarkan sebagai Thai, ada yang didaftarkan sebagai Siam dalam maklumat keturunannya. Jadi, ada agensi-agensi yang mengiktiraf Siam sebagai Bumiputera. Jadi, mereka yang masih tertulis "Thai" itu tidak dapatlah apa yang sepatutnya mereka dapat. Jadi, ini saya dah bercakap dengan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang kelima dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Ke-5, sebab saya daripada- sudah yang kelima, ini PMX ini. Jadi, belum selesai.

Apa pun, saya hendak berterima kasih kepada JPN kerana mengadakan Program Menyemai Kasih Rakyat (MEKAR) kerana mereka turun padang bawa bas sebiji, dua biji, mereka adakan kaunter untuk menyelesaikan masalah *on the ground*. Jadi, orang kampung tidak perlulah datang ke ibu kota ataupun datang Putrajaya untuk mendapatkan perkhidmatan. Terima kasih juga kepada mereka yang telah bertungkus-lumus di Perlis, Kelantan, Perak.

Akan tetapi, dalam masa yang sama, saya dimaklumkan ada 8,910 orang Siam yang masih lagi tertulis "Thai" dan boleh ditukar terus kepada "Siam" tanpa perlu proses yang rumit ataupun secara automatiklah, pendek kata. Jadi, saya harap, dan ingin bertanya kepada Kementerian Dalam Negeri dan juga JPN, apa tindakan yang sedang diambil bagi memastikan 8,900 orang ini dapat ditukar kepada "Siam" secepat mungkin?

Adakah pelan tindakan yang sedang dirancang, selain daripada bas-bas MEKAR pergi ke tempat masing-masing, untuk memastikan bahawa benda ini berjalan dengan sempurna? Cara saya ialah apabila saya bercakap sini, sama ada saya ikuti dengan surat ataupun saya suratkan dulu untuk pastikan benda ini berterusan. Jadi, saya nak minta Yang Berhormat Menteri menjawab surat saya itu. Saya sudah hantar lama tentang 8,900 orang ini.

Kedua, tentang KDN juga ialah tentang baru-baru ini Ketua Polis Seberang Prai menangkap sami palsu. Mereka memakai jubah macam sami, cukur kepala, cukur kening, bawa batil, entah dia nak jual apa. Saya pernah di-*approach* oleh mereka, panjang- dengar *lecture* saya dengan mereka.

Jadi, tidak ada agensi yang boleh ambil tindakan dengan jelas. Saya pernah bangkitkan benda ini sudah tahun 2018. Dijawabnya mereka datang dengan pasport yang betul, datang sini mereka nak cukur rambut, cukur kening, cukur bulu betis. Terpulanglah. Akan tetapi, apabila pakai jubah- itu tidak salah. Jangan telanjang saja. Jadi, Jabatan Kebajikan tidak boleh ambil tindakan kerana mereka bukan minta sedekah. Mereka menjual sesuatu, menjaja sesuatu. Polis kata, tidak ada apa boleh diambil tindakan kerana mereka tidak melakukan apa-apa jenayah. Imigresen pun tidak boleh sebab mereka datang dengan pasport yang lengkap.

Jadi, ke manakah saya hendak mengadu? Ini kerana orang ramai sedang kompelin tentang isu ini. Macam jadi gangguan kepada orang ramai. Jadi, saya haraplah apabila pihak Ketua Polis Seberang Prai telah mengambil tindakan, saya telah menulis surat kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri juga mohon supaya tindakan yang sama diambil di negeri-negeri lain dan juga di Wilayah Persekutuan kerana di sini pun ramai juga saya jumpa mereka ini. Kita tahu bahawa mereka ini datang dengan sindiket. Jadi, pihak polis perlu ambil tindakanlah- bukannya orang ramai- kerana membahayakan kepada orang ramai.

Jadi, diharap kementerian dapat mengambil tindakan bersama dengan Kedutaan Thailand di Malaysia kerana mereka yang tahu siapa itu, ada setengah itu rakyat dari Thailand. Jadi, dengan cara itu, lebih bersepadulah tindakan yang diambil.

Satu perkara lagi yang saya akan terus bangkit selagi boleh dibangkitkan iaitu cadangan saya kepada Yang Berhormat Menteri di JPM iaitu pelantikan seorang Menteri Agama lain-lain. Ini kerana kita ada Menteri Agama, dulu ada Menteri dan Timbalan Menteri, saya pernah cadangkan juga. Ini kerana kita dapati bahawa ada 40 peratus lagi rakyat Malaysia yang beragama bermacam-macam tetapi tidak ada seorang Menteri atau Timbalan Menteri yang mengambil hal tentang mereka ini. Jadi, adalah bersesuaian untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melantik seorang lagi Timbalan Menteri tentang ini.

Sekiranya tidak boleh- setakat ini saya pernah menulis kepada Yang Berhormat Menteri dan baru juga tulis kepada Yang Berhormat Menteri. Saya tidak tahu lagi apakah alasan. Tolong jelaskan di sini, mengapakah tidak boleh? Itu saja. Supaya 40 peratus lagi rakyat Malaysia ini boleh tahu bahawa tidak boleh lantik kerana satu, dua, tiga, empat, lima, enam- terpulanglah. Apakah masalahnya? Ini kerana, bagi saya, gaji yang dibayar ialah gaji wang yang disatukan. Tidak adalah gunakan wang daripada tabung khas untuk agama lain dan sebagainya. Ini untuk umum.

Kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya ulangi lagi isu saya yang tidak selesai-selesai. Saya pernah cadangkan agar diadakan kursus pra-perkahwinan untuk orang-orang bukan Islam. Ini kerana kita dapati bahawa ilmu keluarga ini semunya meraba. Belajar lepas kahwin semua. Jadi, elok kalau kita belajar sebelum kahwin. Jangan pandai bernikah sahaja tapi cara untuk menguruskan rumah tangga itu tidak cukup ilmu.

Saya dimaklumkan di bawah kementerian ada dipanggil *SmartStart* untuk kursus secara sukarela oleh pasangan bukan Islam. Akan tetapi, katanya sambutan tidak ramai kerana bukan paksa. Saya ingin mencadangkan supaya diadakan kursus ini secara wajib tapi secara *online*- mudah sahaja- dan peperiksaan diambil secara *online* juga.

Mudahkan semua orang kerana kemudahan sudah ada. Yang penting ialah supaya setiap orang ada ilmu.

Sekurang-kurangnya dapat sedikitlah ilmu macam mana nak menguruskan rumah tangga, menjalankan tanggungjawab masing-masing sebagai isteri, sebagai suami, jaga anak supaya kadar penceraian tidaklah terlalu tinggi. Kadang-kadang mereka ini tidak rekod cerai tetapi duduk berasingan. Anak entah ke mana dan sebagainya. Jadi, itu masalah rumah tangga mereka. Jadi, adakanlah cadangan ini dan sekiranya tidak boleh, tolong jelaskan di sini kerana saya suka penjelasan. Kalau tidak, nanti benda itu cakap-cakap, rugi masa semua orang saja.

Satu lagi yang kita dapati sedang rancak dibangunkan ialah pusat jagaan lepas bersalin. Saya tidak pasti, saya rasa mungkin di bawah kementerian juga tetapi daripada segi pengawalan kualiti, saya tidak pasti pihak mana yang menjaga. Sekarang saya khuatir nanti bila ada insiden, contoh macam tadika yang tidak berdaftar, ada insiden anak-anak cedera dan sebagainya, benda ini kalau dibiarkan, bila berlaku bayi yang dicerderakan oleh penjaga dan sebagainya, barulah kita bertungku-lumus untuk adakan akta dan sebagainya. Jadi, lihatlah perkara ini supaya tidak berlaku, orang kata, jangan sampai terhantuk dahulu baru kita nak tengadah, kan?

■1450

Kepada Kementerian Sumber Manusia, pagi tadi tak sempat hendak tanya, panjang Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak panjangkan isu ini. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab tentang cadangan ataupun persoalan kita adakah kementerian hendak satukan TVET di bawah satu kementerian. Yang Berhormat Timbalan Menteri kata ada pelbagai pemegang taruh yang perlu dirujuk dan perlu ditanya. Saya lihat seolah-olah macam- kalau kita tengok, saya rasa berpuluh-puluh kementerian, *almost* hampir 70 peratus ada elemen TVET di kementerian masing-masing.

Jadi masing-masing ada dan masing-masing berebut untuk mendapat pelajar. Kemudian masing-masing berebut untuk mendapat peruntukan daripada Kementerian Kewangan. Pergi ke kementerian, pegawai Kementerian Kewangan pergi untuk buat bajet *screening* di kementerian ini, mesti ada elemen untuk TVET. Sama juga dengan elemen untuk bantu rakyat miskin, usahawan dan pekebun kecil, semua kementerian pun ada. Semua ada, semua berebut.

Kadang-kadang bila sudah dapat duit itu, keriau hendak cari pelanggan sebab nak kena belanja. Ini masalah perancangan kita. Jadi kalau boleh, hendak tanya Kementerian Sumber Manusia, adakah bersetuju dengan cadangan kita bahawa TVET ini semua di bawah satu kementerian, buatlah nama apa, terpulanglah. Hendak tanya, apakah komitmen kementerian untuk melaksanakannya? Adakah satu- carta perbatuan dengan sasarannya tiga tahun yang akan datang? Tahun ini kita buat ini dan tahun depan kita buat ini supaya benda ini menjadi realisasi.

Kalau tidak nanti, ada pula yang kawan-kawan saya akan mengulangi...

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Mohon mencelah.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Sila-sila. Sila.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Tuan Yang di-Pertua mohon mencelah. Terlebih dahulu "TVET" ini merupakan satu perkataan bahasa Inggeris Tuan Yang di-Pertua iaitu "*Technical and Vocational Educational and Training*" yang itu pun dia orang belum berjaya menukar istilah tersebut. Itu satu perkara.

Isu TVET ini 20 tahun dia orang cakap- isu yang sama iaitu hendak menyatukan satu TVET di bawah kementerian. Tadi pun Yang Berhormat Timbalan Menteri saya ingat tidak memuaskan dia punya *explanation* itu, penjelasan tidak memuaskan. Perdana Menteri telah beberapa kali, pagi ini pun dia menyentuh di Dewan Rakyat, tentang hal ini.

So saya ingat kita- saya mintalah, Tuan Yang di-Pertua, supaya kita minta mereka menjelaskan dan memperhalusi supaya rakyat faham apa hala tuju TVET ini. Itu yang saya tanya pagi ini tapi *blur*, masih *blur*- kabur.

Saya sendiri pun daripada latar belakang pendidikan tinggi dan TVET tetapi masih tak faham apa dia orang hendak cuba buat. So mungkin kita kena didik Dewan ini, kita buat satu pendirian bahawa kita memerlukan penjelasan yang lebih bukan setakat *you know as I said*, tak jelas. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Terima kasih Yang Berhormat. Saya “tumpangken kenyataan Yang Berhormat itu di atas bas yang saya bawa ini...” okey. Harap kementerian jawab nanti.

Satu perkara lagi tentang Kementerian Sumber Manusia ini, pagi tadi juga ada disebut tentang perjanjian yang dibuat dengan pihak swasta untuk memberi pelajar untuk berlatih dan sebagainya. Saya hendak tanya juga kepada kementerian, kalau bolehlah ceritakan lah kepada kami sikit apa yang terkandung dalam perjanjian tersebut.

Apakah komitmen daripada pelajar? Apakah komitmen daripada pihak swasta dan pihak syarikat yang membuat perjanjian itu? Ini kerana kita tidak mahu timbul di mana pelajar-pelajar ini betul lah dia pergi buat praktikal tetapi kita tak mahu nanti dia jadi buruh murah kepada syarikat-syarikat itu. Kadang-kadang ada syarikat yang mengambil peluang mendapat buruh yang murah. Macam juga pelajar-pelajar universiti yang pergi buat praktikal di jabatan-jabatan tertentu.

Bukannya diberi kerja yang sepatutnya. Kadang-kadang jadi tukang fotostat pun ada. Kita tak mahu benda ini berlaku juga di sektor swasta bersama dengan pelajar-pelajar ini. Jadi satu lagi ialah nak tanya, apakah nilai ataupun dalam perjanjian itu adakah ada nilai tertentu yang perlu di- apakah yang perlu disumbangkan oleh pihak swasta? Ada tak itu dinilai supaya kita hendak pastikan bahawa ilmu yang diperoleh oleh pelajar itu setimpal dengan apa yang sepatutnya pelajar itu dapat daripada syarikat itu.

Ini kerana kita hendak apabila mereka keluar nanti mereka menjadi pekerja yang mahir. Akan tetapi mereka membelanjakan masa mungkin setengah tahun, setahun untuk belajar tetapi hasilnya tidak ada. Kita hendak pastikan bahawa apa yang kita buat itu mendapat faedah yang sepatutnya. Saya rasa itulah perkara-perkara yang saya hendak bangkitkan semasa perbahasan ini. Ada lagi yang kita akan bahaskan semasa pembentangan bajet nanti. Dengan itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, terima kasih Yang Berhormat.

Saya jemput Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau.

2.56 ptg.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Diraja yang telah disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada bulan lepas sempena perasmian persidangan bagi penggal ini.

Sebelum perbahasan saya, saya pun hendak ambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada rakan-rakan yang mengangkat sumpah semalam bersama dengan kita di Dewan Negara ini.

Saya pun hendak ambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada rakan-rakan yang telah berhijrah daripada Dewan Negara ke Dewan Rakyat. Saya berharap pendirian mereka di Dewan Negara dulu masih sama dan kekal walaupun sekarang sudah jadi kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam persidangan kali ini saya percaya terdapat banyak isu yang perlu kita ketengahkan dan tekun menjalankan fungsi Ahli Dewan yang tertinggi sebagai penyemak dan pengimbang- *check and balance*, dengan izin, dalam institusi Parlimen negara kita.

Saya berpegang teguh kepada agenda rakyat diutamakan dalam setiap penglibatan saya di dalam Dewan yang mulia ini. Terdahulu, saya ingin ucapkan selamat bertugas, walaupun sudah lebih 100 hari saya mengambil peluang di dalam Dewan ini untuk mengingatkan kerajaan campuran itu menunaikan janji-janji dan manifesto yang dipimpin oleh Dato' Seri Anwar bin Ibrahim.

Walaupun kerajaan baharu, namun komposisi bukan sebegitu barulah, ia merupakan kitaran melalui gabungan beberapa buah parti lama dan baru untuk memerintah negara. Adakah kitaran ini mampu melaksanakan janji-janji manisnya yang dibuat sebelum PRU-15? Kita tunggu dan lihat.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini pada petang yang mulia ini saya hendak membangkitkan tujuh perkara dalam perbahasan saya.

Perkara yang pertama tidak melainkan daripada sara hidup. Rakyat di luar sana memang sangat terkesan, saya ulang, sangat-sangat terkesan dengan masalah harian mereka terutamanya yang melibatkan kenaikan harga barangan asas makanan dan perkhidmatan.

Harganya melambung tinggi, kita difahamkan juga bahawa inflasi barangan makanan meningkat, maka rakyat mengadu dan memohon penyelesaian dengan segeranya. Kerajaan pula jawab inisiatif *Rahmah*. Rakyat minta bagaimana hendak tingkatkan bekalan telur.

■1500

Kerajaan jawab apa? Dia jawab, "*Import telur tanpa tender terbuka.*" Memang, tak tahulah bila kerajaan campuran ini akan sedar kecemasan rakyat. Rakyat minta jatuhkan harga barang tetapi kerajaan jatuhkan musuh politik pula.

Tuan Yang di-Pertua, tekanan kenaikan harga barangan asas merupakan isu yang sangat merisaukan dan membimbangkan, yang menjadikan semua lapisan masyarakat terutamanya kategori B40 dan M40 sangat terkesan. Orang yang memerintah di Perdana Putra, mungkin terlepas pandang atau memilih untuk tidak pandang akan isu yang sangat penting ini. Tekanan tersebut menjadikan rakyat seperti hilang harapan, hilang hala tuju ke atas pemerintahan negara.

Saya minta Menteri, jangan sekadar sibuk nak ambil pengangkutan awam, bergambar di sana, di sini. Minta keluar, tengok keadaan sebenar rakyat yang susah. Selesaikanlah atau sekurang-kurangnya cari jalan yang sewajarnya, yang mampu memberikan harapan kepada rakyat. Sekarang sudah jadi kerajaan, bukan pembangkang lagi. Janganlah bangkitkan isu sahaja tetapi berilah penyelesaian. Jika tak tahu, jangan malu untuk bertanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup terutamanya itu menjelaskan kepada Dewan ini- bagaimanakah, termasuk langkah semasa dan langkah panjang yang melibatkan *cross-ministerial approach*, dengan izin, yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan dalam menangani keadaan semasa ketidaktentuan kos sara hidup dan kenaikan harga barangan asas.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya nak sentuh pada petang yang mulia ini ialah kesihatan. Saya juga ingin menyentuh kepada isu melibatkan sektor kesihatan negara pada petang ini. Terdapat pelbagai rungutan, ketidakpuasan, buli dan ada yang melabelkan seolah-olah pekerja kesihatan itu sebagai anak tiri. Apakah sebenarnya yang sedang berlaku? Difahamkan Menteri Kesihatan ada berjumpa dengan doktor kontrak. Minta Menteri jelaskan tindakan susulan yang telah dilaksanakan.

Seperti yang saya katakan banyak kali, kerajaan perlu mencari penyelesaian dengan segera dalam mendekati isu doktor kontrak, kenaikan gaji pekerja kesihatan, peluang penggajian tinggi termasuk pengkhususan. Bagi saya, kesemua permintaan tersebut adalah paling minimum. *This is a very minimum request*, dengan izin. Apakah yang menyusahkan kerajaan dalam merealisasikan permintaan tersebut? Saya menyeru kerajaan tidak berkompromi ke atas keperluan asas dan kualiti sektor kesihatan di negara kita.

Saya berharap Menteri yang berkaitan jelaskan kepada Dewan yang mulia ini secara jelas antara yang telah dan sedang dilaksanakan dalam rangka penyelesaian ke atas isu-isu yang berkaitan dengan doktor kontrak yang termasuk kenaikan pangkat dan gaji yang sewajarnya. Saya juga berharap Menteri yang terbabit tidak akan kitar semula, dengan izin, *recycle*, jawapan yang tidak memberikan harapan kepada mana-mana pihak. Seperti contohnya jawapan standard yang diberikan oleh Menteri ialah, "*Oh, kita sedang mencari penyelesaian*" or "*We will look into it*". So, yang ini sudahlah. Saya katakan, ini standard punya jawapan mestilah dihentikan.

Tuan Yang di-Pertua, petang ini saya pun nak merujuk kepada kes mengenai UEC, pendidikan itu. Merujuk kepada *Unified Examination Certificate* (UEC), dengan izin, iaitu Sijil Peperiksaan Bersepadu yang merupakan antara janji manis yang ditaburkan oleh Pakatan Harapan sebelum pilihan raya. Dalam manifestonya... [*Merujuk dokumen berkaitan*] Ada bukti. Ini manifestonya. Saya petik muka surat yang 55, dia kata, "*Sijil UEC akan dinilai agar setaraf dengan syarat am kelayakan sedia ada untuk kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA)*." Bermakna perlunya tindakan dalam pengiktirafan tersebut.

Sebaliknya Menteri yang pagi tadi bersama dengan kita, Menteri Pendidikan berkata Kerajaan Campuran tidak melihat usaha untuk mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersepadu melainkan, dan menyimpangkan daripada janji asas Pakatan Harapan. Beliau kata, "*KPM tidak melihat isu UEC sebagai keutamaan*." Sungguh tidak adillah kepada rakyat terutamanya golongan kaum Cina yang telah sokong, telah undi Pakatan Harapan, yang mengharapkan Kerajaan Campuran yang kononnya itu- *reformist* akan mengiktiraf UEC.

Saya nak tanya, jika bukan keutamaan, bilakah Kementerian Pendidikan akan bertindak ke atas perkara tersebut? Bukankah setiap tahun ada beribu-ribu pelajar menduduki peperiksaan UEC, dan ingin melanjutkan pelajaran mereka di institusi pengajian tinggi awam (IPTA)? Bukankah kesemua jawapan Menteri tersebut akan mencatitkan impian pelajar UEC? Mohonlah Menteri Pendidikan nyatakan rangka pelannya dalam perkara berkaitan UEC.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih lagi nak menyentuh bab pendidikan. Saya pernah bangkitkan persoalan ini dalam Pertanyaan Jawab Lisan iaitu, mengapa tiada seorang pun wakil daripada masyarakat India dalam mewakili pendapat, pandangan, keperluan dan permintaan pendidikan, dan sekolah Tamil dalam Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan bagi sesi 2023-2025?

Adakah Menteri faham bahawa ketiadaan wakil masyarakat India ini adalah sangat tidak adil kepada komuniti tersebut yang mempunyai lebih- saya nak menegaskan, mempunyai lebih 500 Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil), 8,000 orang pendidik iaitu Guru, dan lebih 80,000 orang pelajar ini? Ini tidak termasuk mereka yang mengajar dan belajar di sekolah kebangsaan. Apakah yang susah sangat dalam mengenal pasti pakar dalam bidang berkaitan daripada komuniti tersebut? Ataupun seperti biasa, Kerajaan Campuran terlepas pandang masyarakat ini?

Menyentuh kepada pengajian matrikulasi pula. Semua aliran persediaan pra universiti bagi lepasan SPM untuk melanjutkan pelajaran sebelum ke peringkat Ijazah Pertama di universiti atau kolej.

Kita faham dan memang kita tahu, yang ini direka khas untuk pelajar bumiputera dalam mencapai menara gading. Akan tetapi, apa langkah kerajaan melibatkan pelajar-pelajar yang bukan bumiputera yang mempunyai, dengan izin, *colours* iaitu pencapaian yang sangat memuaskan di SPM? Seperti yang sering diungkapkan oleh Perdana Menteri Kesepuluh ini, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, dia kata, "*Anak Melayu, anak Cina, anak India, anak Kadazan, anak Iban, semua anak saya*." Ini menyimpulkan bahawa setiap anak Malaysia adalah sama di sisinya.

Oleh itu saya kata, kementerian perlu menilai cara yang saksama dalam memberikan penempatan kepada pelajar bukan bumiputera dalam program matrikulasi. Mereka ini anak kita. Jangan ada perbezaan di peringkat pendidikan. Saya pasti Menteri Pendidikan masa ini setuju dengan pandangan ini.

Sebagai cadanganlah, saya pun ada cadangan kepada Kementerian Pendidikan. Kita ada Kolej Tingkatan 6. Kolej ini menawarkan STPM iaitu Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia. dahulunya Tingkatan 6 terletak di bawah atau di dalam Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK). Kini beroperasi sebagai kolej di bawah naungan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan mengguna pakai tenaga kerja yang sama. Saya nak cadangkan, mansuhkan pengajian Tingkatan 6. Jadikan semua institusi tersebut sebagai 'kolej matrikulasi harian' seiring dengan program matrikulasi yang sama, yang ada sekarang.

■1510

Kita kurangkan jurang perbezaan memupuk kesamaan. Apa yang letak di sini merupakan komitmen tersebut. Kalau kita tengok masyarakat bumiputera tertinggal dalam pendidikan tidak apa, kerajaan akan bantu tumpu perhatian. Sama juga kepada pelajar Cina atau India kalau ada tertinggal kita pun bagi *push element* atau kalau kata ada memerlukan sokongan, kita sokong. Kalau ada yang memerlukan bantuan, kita bantu. Apa yang penting dia perlu meliputi semua aspek dengan kesaksamaan dan kita tidak perlu bercakap tentang 60 tahun yang telah lalu.

Kita di sini pada tahun 2023, kita perlu memastikan anak-anak kita bersatu padu dan menerima pengenalan bahawa Malaysia milik semua. Tiada sebarang elemen dalam seseorang itu menyekat pemahaman tersebut serta perlembagaan menjamin mana-mana pihak untuk memegang mana-mana jawatan tinggi di negara asal. Kata kuncinya seseorang tersebut merupakan Warganegara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pada petang yang mulia ini saya pun hendak sentuh isu perwakilan minoriti. Dalam menjunjung kasih Titah Diraja ini saya ingin mengambil kesempatan peluang ini menyentuh keperluan perwakilan minoriti yang terjamin di negara ini di negara kita. Wakil minoriti seperti daripada kalangan masyarakat India, Orang Asal, suku kaum Sabah dan Sarawak perlulah diberikan perhatian dalam perwakilan mereka. Kalau hendak harapkan mereka mewakili sesebuah kawasan Parlimen mungkin sedikit sebanyak susah. Contohnya masyarakat Cina populasi mereka lebih kurang tujuh peratus.

Namun, mengikut fahaman saya, tiada satu pun Kawasan Parlimen, majoriti lebih daripada 50 peratus masyarakat keturunan India. Maka saya berharap kerajaan mengambil pendekatan yang berbeza yang menepati perwakilan wajib masyarakat minoriti di dalam Dewan Parlimen.

Saya berharap Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menjaga hal ehwal perundangan, kaji perkara ini dan memastikan cara yang sesuai untuk dibentangkan dalam perkara ini. *I truly understand it will take some extra time, but we need to start now*, dengan izin. Tengok cara *Group Representation Constituency* (GRC) iaitu kawasan undi perwakilan berkumpulan yang terdapat di Singapura, dan *proportional representation* sistem perwakilan yang berkala. Cara-cara sebegitu meluhurkan demokrasi yang sihat dan memberikan peluang kepada setiap lapisan masyarakat secara tidak langsung menghantar wakilnya di Dewan Parlimen. Harap Yang Berhormat Menteri ambil nota berhubung dengan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang terakhir iaitu perkara yang ketujuh iaitu mengenai PMQ. Kita mengetahui kepada Dewan Negara seperti mana dalam Dewan Rakyat kita juga perlukan sesi PMQ iaitu Perdana Menteri hadir diri sendiri menjawab soalan-soalan Ahli-ahli *Senate* dalam sesi soal-jawab Perdana Menteri, atau *the Prime Minister's Questions* (PMQs) ia perlu dilihat sebagai usaha memartabatkan peranan dan fungsi Dewan Negara sebagai Dewan tertinggi dalam Majlis Parlimen dan bukan sekadar *rubber stamp*, dengan izin, jika terdapat pelbagai soalan semasa yang perlu mendapat pandangan dan jawapan yang segera daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Kalau Perdana Menteri boleh ke Dewan Rakyat, saya pasti Dewan Negara juga boleh mengesyorkan sesi seumpamanya. Saya pasti Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian akan bersetuju dengan cadangan ini, betul atau tidak...?

Tuan Yang di-Pertua: Betul.

Beberapa Ahli: ...Betul.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Dengan inilah sebagai akhir kata- kita di sini sebagai Ahli Dewan Negara berfungsi dalam membekalkan pandangan, cadangan dan kritik yang sewajarnya. Saya berharap setiap perkara yang dibangkitkan akan dinilai secara konstruktif oleh pihak pemerintah. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Titah Diraja. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai.

Beralih kita kepada Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang.

3.15 ptg.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam perpaduan dan salam Malaysia MADANI.

Tuan Yang di-Pertua, pertama- terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada petang ini.

Saya juga bersyukur kerana pada tahun ini kita dapat melaksanakan Istiadat Pembukaan Parlimen seperti sediakala sebelum datangnya COVID-19 ke negara kita. Saya tidak dapat menggambarkan kegembiraan di hati apabila saya dapat bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat semasa Istiadat Pembukaan pada 13 Februari yang lepas. Baharu sahaja saya dilantik, dan terus menghadiri dengan acara- majlis negara.

Oleh sebab ini merupakan ucapan perbahasan saya yang pertama, izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk menzahirkan penghargaan kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Agong.

Ampun Tuanku. Patik menjunjung kasih ke atas keberangkatan Baginda bagi merasmikan Majlis Parlimen pada tahun ini dan patik menjunjung kasih atas perkenan Tuanku kerana memperkenankan pelantikan patik sebagai Senator Dewan Negara. Patik bersyukur akan pelantikan ini, dan akan memikul tanggungjawab ini dengan sepenuh hati dan mencurahkan segala jasa bakti kepada Dewan Negara dan juga kepada institusi Parlimen amnya. Ampun Tuanku.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya di kesempatan ini untuk menyampaikan penghargaan saya kepada Yang Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Ahli Parlimen Bera yang juga Mantan Perdana Menteri yang terdahulu, yang banyak menabur bakti dan jasa beliau kepada negara kita.

Selain daripada itu juga penghargaan saya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim selaku Perdana Menteri Malaysia kita yang kesepuluh.

Saya juga menzahirkan ucapan tahniah saya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi yang telah dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada kali ini. Saya juga berharap atas pelantikan beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri ia dapat membantu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim selaku Perdana Menteri untuk memacu negara ke tahap yang lebih baik. Sedikit pantun Tuan Yang di-Pertua.

*Buah cempedak di luar pagar,
Ambil galah tolong jolokkan;
Saya Ahli Senator baharu hendak belajar,
Kalau salah tolong tunjukkan... [Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Selalu akan tunjuk.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: *Insya-Allah.* Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan rasa simpati saya kepada mangsa-mangsa banjir seluruh negara. Semoga rakyat bertabah menghadapi dugaan dan ujian dan semoga kerajaan dapat menyalurkan bantuan-bantuan bagi meringankan beban mereka.

Selain itu, saya juga ingin mengucapkan tahniah dan selamat datang kepada Ahli-ahli Dewan Negara yang baharu dilantik. Saya juga baharu dilantik pada Mesyuarat yang lepas maka bersama-samalah kita dengan Yang Berhormat Senator lain untuk berbahas dan bertukar pandangan dan seterusnya mengangkat tinggi darjat Dewan Negara sebagai Dewan yang tertinggi di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur kemelut politik negara kita berakhir dengan pembentukan Kerajaan Perpaduan yang merupakan cetusan idea dari Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Semenjak beberapa tahun ini saya melihat negara kita sering diuji- pelbagai ujian dari datangnya COVID-19, pergolakan kerajaan sehingga membawa kepada tumbangannya kerajaan dan kini pasca PRU-15. Sekiranya tiada institusi Diraja negara kita ini, pasti negara kita akan diheret ke dalam kemelut yang lebih dahsyat. Ini memang jelas menunjukkan dan membuktikan kepada seluruh masyarakat Malaysia bahawa institusi Diraja masih lagi relevan dan perlu dikekalkan sehingga bila-bila.

*Tuanku ibarat kapal dengan nakhoda,
Penentu arah menuju destinasi;
Raja dan rakyat berpisah tiada,
Kasih Tuanku dijunjung titahnya ditaati.*

■1520

Kebawah Duli Tuanku dengan kebijaksanaan telah memperkenalkan kerajaan perpaduan demi kemakmuran dan kestabilan politik. Kemudian, setelah semua iklim politik stabil, Kabinet perpaduan telah berjaya ditubuhkan. Saya lihat semua perkara ini sebagai satu dimensi yang baharu dalam sistem demokrasi negara kita.

Ini adalah kerana di kebanyakan negara Eropah terutamanya dalam sejarah pilihan raya mereka, ada yang menunjukkan bahawa tidak akan ada parti yang boleh mendapat majoriti pada hari keputusan PRU diumumkan. Saya bersyukur tiada huru-hara di jalanan dan saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua agensi awam kerana membendung elemen-elemen yang boleh mengganggu gugat keselamatan negara.

Saya menyeru kita di sini dan rakyat secara umumnya supaya konsep MADANI ini harus disokong dan didukung oleh semua rakyat Malaysia bagi menghadapi suasana ekonomi yang tidak tentu pada tahun ini...

Tuan Yang di-Pertua: "MADANI" itu ada erti khas tidak, Yang Berhormat?

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Ya, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: "MADANI" itu adakah pengertian khas?

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Saya tidak kupas lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Oh, hendak kupas. Bolehlah kupas.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Pilihanraya Umum Ke-15 baru-baru ini memberi isyarat kepada parti politik bahawa rakyat mahu sesuatu titik perubahan dalam landskap politik tanah air. Rakyat sudah mula mengamalkan politik matang dan mereka mahu pemimpin yang dipilih, dapat menjalankan dengan penuh dedikasi, telus serta bertanggungjawab. Saranan saya kepada kerajaan baharu ini bahawa kerajaan harus peka kepada kehendak dan permintaan rakyat.

Terdapat lima perkara yang harus diambil perhatian oleh kerajaan iaitu kos sara hidup yang begitu tinggi. Rata-rata kita tengok rakyat keseluruhan merungut dengan kos yang begitu tinggi. Begitu juga peluang pekerjaan, pendidikan, hubungan kaum dan kestabilan politik kita pada hari ini.

Ini merupakan tunjang utama kepada kemajuan sesebuah negara. Mengamalkan ketelusan tinggi harus menjadi tunjang pada Malaysia kita hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab ini merupakan ucapan sulung saya, yang pertama di Dewan ini, saya tidak berhasrat untuk bercakap panjang. Hanya akan menyentuh beberapa isu sahaja. Ini kerana sahabat-sahabat Senator yang lain telah menyentuh pelbagai perkara dan pelbagai isu.

Pertamanya, saya ingin menyentuh mengenai konsep Malaysia MADANI yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Konsep ini tidak lari daripada konsep asal yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri sebelum itu iaitu penyatuan Keluarga Malaysia.

Mana tidaknya, apabila MADANI ini berteraskan enam rukun iaitu kemampuan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan. MADANI ini secara ringkas merupakan agenda dasar yang bukan hanya memberi tumpuan kepada menyelesaikan masalah dan memenuhi keperluan semasa tetapi juga mencorakkan masa hadapan dan membentuk perubahan mengikut aliran semasa.

Dengan konsep ini, ia akan mengemudi negara yang selalu dilanda pelbagai cabaran dan sentiasa berubah dengan gelombang arus perdana yang tidak menentu. MADANI juga menepati kepada bahasa, konsep dan budaya masyarakat tempatan yang merupakan teras kepada kerangka agenda perubahan.

Namun, sekarang ini kita sudah memasuki 100 hari lebih pentadbiran kerajaan perpaduan. Rakyat masih mahu melihat langkah-langkah yang konkrit dan komprehensif yang diambil atau akan diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah yang membelenggu rakyat, sebagai contoh, kenaikan kos sara hidup rakyat.

Soalan pertama saya, melalui konsep MADANI ini, apakah garis panduan yang telah ditetapkan oleh kerajaan untuk rakyat pada masa hadapan serta sejauh manakah konsep ini diserapkan kepada penjawat-penjawat awam untuk diselarikan dalam budaya kerja mereka?

Saya juga ingin tahu adakah akan ada kos terlibat untuk melaksanakan konsep MADANI ini. Ini adalah kerana, setiap perubahan dalam kerajaan kadangkala melibatkan peruntukan yang banyak bagi memastikan ia berjalan dengan lancar. Mampukah usaha murni ini mengangkat martabat Malaysia di mata dunia, dan di mata pelabur asing untuk melabur di negara kita?

Selain itu, apabila kita menyebut mengenai MADANI, maka asas kepada agenda ini iaitu perpaduan dan keamanan. Selepas selesai PRU baru-baru ini, kebimbangan terhadap keharmonian kaum tetap timbul. Media sosial menjadi platform untuk sebahagian rakyat meluahkan ketidakpuasan hati mereka.

Saya sendiri risau apabila saya mendengar Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Digital menyatakan bahawa terdapat beratus-ratus video dalam aplikasi *TikTok* yang memaparkan rakyat Malaysia tidak berpuas hati dengan PRU baru-baru ini. Ada yang memaki hamun, ada juga sehingga sanggup menyentuh isu perkauman.

Saya ingin bertanya kepada kementerian yang bertanggungjawab mengenai situasi tersebut, apa situasi sebenar yang berlaku ketika itu, dan apakah sama ada kerajaan mendapat kerjasama daripada syarikat *TikTok* untuk menapis segala elemen negatif yang terdapat dalam aplikasi tersebut? Saya juga ingin tahu, sejauh mana kerjasama daripada syarikat-syarikat tersebut terhadap mematuhi dan memenuhi segala peraturan dan undang-undang negara.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan mengenai isu memartabatkan hak kaum wanita dan ekonomi wanita. Ini adalah kerana perkara ini dinyatakan dengan sendiri oleh Kebawah Duli Tuanku dalam Titah Baginda semasa Istiadat Pembukaan Parlimen baru-baru ini.

Selain itu, kerajaan juga sentiasa menjalankan polisi dan dasar untuk memperkasakan wanita. Sebagai contoh, pada tahun lepas pelbagai entiti telah diwujudkan bagi mengangkat martabat wanita dalam bidang ekonomi supaya wanita menjadi sebahagian dalam kalangan pembuat keputusan dan dasar.

Saya ingin bertanya status terkini Yayasan Kepimpinan Wanita bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor ekonomi. Apa jumlah peruntukan yang masih disalurkan untuk dimanfaatkan untuk usahawan wanita, dan apakah pelan jangka masa panjang di bawah yayasan ini untuk membantu meningkatkan ekonomi wanita?

Selain itu, tidak lupa mengenai penubuhan Majlis Wanita Negara yang diumumkan pada tahun lepas. Sama ada kesemua matlamat, agenda dan wawasan yang akan dibawa majlis ini bagi memperkasakan wanita di negara ini masih diteruskan? Apakah inisiatif-inisiatif baharu yang dirancang akan diwujudkan di bawah majlis ini?

Selain daripada perkara di atas, saya ingin bertanya mengenai hasrat untuk menjadikan Koperasi Wanita Malaysia Berhad (WCB) sebagai sebuah bank wanita menjelang 2025. Sekiranya ini direalisasikan, maka ia akan menjadi sebuah bank wanita pertama yang ditubuhkan di Malaysia. Soalan saya, apakah perancangan terkini oleh kerajaan? Apakah halangan-halangan untuk menjadikan hasrat penubuhan bank wanita ini satu realiti dan bagaimanakah agenda ini dapat memberi lebih manfaat kepada wanita?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya juga ingin menyentuh mengenai aspek kesihatan mental. Baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ada menyatakan mengenai kesihatan mental dalam kalangan remaja. Masalah mental ini bukan sahaja membabitkan golongan dewasa tetapi juga kepada kanak-kanak dan juga remaja.

Saya sedih apabila mendapat tahu bahawa ada antara mereka sudah mula cenderung kepada ingin membunuh diri. Perkara ini perlu dilihat lebih teliti oleh kerajaan dan juga kementerian yang terbabit. Maka dengan ini, saya ingin bertanya mengenai program-program dan juga talian yang disediakan oleh pihak kementerian wanita untuk menangani masalah ini.

Sejauh manakah program-program kementerian membantu remaja-remaja ini untuk mengenali potensi yang ada dalam diri mereka dan membantu dalam pembangunan sahsiah diri mereka? Selain itu, apakah halangan-halangan yang dikenal pasti selain daripada kos yang terlibat dalam membantu remaja-remaja yang bermasalah ini?

■1530

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai aspek pendidikan yang merupakan tunjang penting dalam pembangunan negara, saya lihat pendidikan negara harus selari dengan perubahan menepati kepada kepesatan kemodenan pendidikan. Kaedah pembelajaran harus berubah kepada yang lebih moden dan canggih iaitu kepada sistem digital selari dengan peredaran zaman.

Saya difahamkan kementerian dalam kerangka untuk menyediakan 50,000 *laptop* untuk diedarkan kepada sekolah untuk sesi pembelajaran. Ini selari dengan hasrat kementerian untuk mengurangkan beban beg yang berat yang dihadapi oleh murid-murid sekolah.

Maka dengan itu, saya pohon pihak kementerian untuk menyatakan dalam Dewan yang mulia ini, matlamat dan polisi yang dijalankan untuk menjayakan program ini. Nyatakan juga sekolah-sekolah yang terlibat dalam menjayakan program dan sejauh mana setiap murid sekolah akan memperoleh *gadget* untuk sesi pembelajaran mereka. Suka saya cadangkan kepada kerajaan agar menambah lagi peruntukan kepada kementerian untuk memastikan setiap murid dapat peranti setiap seorang dan dapat mengikuti pembelajaran secara digital.

Meskipun Malaysia diduga dengan pelbagai cabaran besar, saya tetap bersyukur kerana negara kita masih tidak huru-hara. Tiada panggilan untuk berhimpun secara haram. Rakyat sudah berfikir matang. Apa gunanya kita bersengketa berpanjangan sedangkan kita masih dihimpit dengan kos sara hidup yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dinyatakan dalam Titah Diraja, semangat muhibah dan saling menghormati antara kaum adalah asas kepada kestabilan negara. Maka dengan itu, marilah kita sama-sama lupakan sengketa dan perpecahan politik dan bersatu hati demi membina negara yang madani.

Saya ingin menambah satu lagi. Saya juga ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian Dalam Negeri berkenaan dengan program pemulihan penagih dadah yang amat ketara. Kita tahu penagih-penagih di pusat tahanan amat tinggi dan ada kalanya penagih keluar masuk melebihi 10 kali. Saya rasa ada yang sampai 10 tahun pun keluar masuk tidak habis-habis. Ini bermakna usaha kerajaan menangani masalah ini tidak begitu berjaya.

Saya ingin memohon pihak Kementerian Dalam Negeri perlu adakan satu kajian yang lebih efektif untuk menyelamatkan masalah penagihan dadah dan mengurangkan bebanan kewangan kerajaan berjuta-juta untuk membiayai program yang kita tidak nampak ada kesudahannya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini, saya menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kembali. Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew.

3.33 ptg.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja.

Saya akan membangkitkan beberapa perkara yang disentuh oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim atas pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri Ke-10, dan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Fadillah Yusof atas pelantikan beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri yang pertama dari Wilayah-wilayah Borneo. Lebih-lebih lagi pelantikan ini telah pun disahkan melalui undi percaya di Dewan Rakyat. Ini patut menjadi asas pelantikan Perdana Menteri dan kerajaan pada masa depan iaitu melalui *vote of confidence*, dengan izin, di Dewan yang mulia.

Pelaksanaan undang-undang anti lompat parti, Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 2022 merupakan satu lagi langkah ke arah yang betul yang menjunjung tinggi prinsip kerajaan daripada rakyat dan telah menstabilkan kerajaan. Dengan izin, *is government from the people of the people and by the people*.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menumpukan ke atas tiga aspek utama yang disentuh dalam Titah Diraja yang telah disampaikan pada 13 Februari 2023, iaitu semangat muhibah dan saling menghormati di antara kaum; kedua, ekonomi terutamanya cara membantu golongan B40; dan hal-hal dalam MA63.

Perenggan 9 Titah Diraja menyatakan bahawa semangat muhibah dan saling menghormati antara kaum adalah asas kepada kestabilan negara.

Perenggan 13 pula menyatakan bahawa, "*Kerajaan beta juga akan menumpukan kepada agenda pembaharuan bagi memperkukuh daya saing ekonomi Malaysia menjadi destinasi pelaburan pilihan*".

Dua isu yang pertama iaitu semangat muhibah dan saling menghormati di antara rakyat adalah berkait rapat dengan ekonomi. Sekiranya rakyat tidak hidup dalam suasana harmoni, kestabilan tidak akan wujud, maka ekonomi tidak akan maju. Negara kita merangka akan menjadi sebuah masyarakat yang progresif dengan polisi yang inklusif, sesuai dengan sebuah masyarakat pelbagai kaum dan agama. Keazaman ini mesti dicerminkan oleh pemimpin-pemimpin dan polisi-polisi kerajaan.

Wawasan 2020 telah datang dan pergi. Kita telah gagal dalam memanfaatkan kelebihan kita dan menggunakan masa yang ada untuk melaksanakan polisi-polisi yang betul. Akibatnya, kita telah gagal mencapai Wawasan 2020. Kita telah kehilangan satu-generasi. Adakah kita sudi kehilangan satu-generasi lagi?

Kita telah nampak polarisasi yang semakin bertambah dalam isu kaum dan agama. Ini merupakan kelemahan yang paling serius, bukan sahaja terhadap pembangunan ekonomi, tetapi juga terhadap keharmonian rakyat. Ia telah menarik tumpuan untuk kekuatan tenaga daripada apa yang penting bagi rakyat iaitu penambahbaikan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat.

Sekiranya kita betul-betul hendak mengurangkan bilangan dalam golongan B40, sebagaimana yang semua ahli politik berkata, kita mesti memberi tumpuan kepada penambahbaikan daya saing dan kecekapan dalam sektor ekonomi supaya kita dapat bersaing di peringkat antarabangsa. Untuk mencapai matlamat ini, kita memerlukan orang yang betul dalam bidang yang betul tanpa kira latar belakang mereka. Dengan izin, we *must get the right people to do the right job*.

Apabila kita bersaing, kita mesti dapat mengekalkan sambil menarik bakat dan syarikat yang terbaik. Apabila Malaysia diberi peluang untuk bersaing secara bebas, kita boleh mencapai kecemerlangan di peringkat antarabangsa. Terdapat contoh-contoh baharu ini dalam bidang sukan seperti badminton di dalam *All England* sehingga *Hollywood* seperti pelakon wanita terbaik. Sebarang sekatan artifisial yang menjadi beban ini akan menambah kepada kos perniagaan dan menghasilkan ketidakharmonian terutamanya apabila sekatan tertentu disalahgunakan oleh keuntungan peribadi.

Malaysia merupakan sebuah negara perdagangan dengan sempadan terbuka. Kita tidak ada pilihan kecuali bersaing. Negara jiran kita seperti Indonesia menarik pelabur secara agresif dengan menghapuskan sekatan terutamanya untuk membangunkan Kalimantan Timur iaitu tapak Ibu Negara baharu Nusantara. Indonesia baru melancarkan satu lagi kempen agresif untuk menarik pelaburan dan telah mengumumkan bahawa mereka sudah menerima 100- surat niat di mana separuh daripadanya adalah daripada pelabur-pelabur yang diterajui oleh orang Malaysia.

■1540

Kita ada pelabur pergi Indonesia untuk melabur, bukan melabur sendiri di negara kita. Indonesia sekarang *they have open up their economy to attract foreign investor*. Kita mesti ikut Indonesia. Kita nampak bahawa tindakan Indonesia ini bakal mengingatkan ekonomi di salah satu- wilayah yang paling miskin di Indonesia.

Adakah Kerajaan Persekutuan sudi mengikut contoh Indonesia dan akhirnya menepati janji yang dibuat semasa rundingan pembentukan Malaysia iaitu membawa pembangunan kepada Wilayah-wilayah Borneo di Malaysia? Jika kita tidak dapat menjauhi diri daripada isu-isu di kalangan pemimpin-pemimpin khususnya, dan di kalangan masyarakat amnya, masa hadapan kita amatlah suram. Walaupun kita tidak dapat menukarkan komposisi masyarakat, kita mampu memilih jenis masyarakat yang kita mahu. Kita mahu rakyat menikmati taraf hidup, sistem kesihatan dan pendidikan yang baik di mana universiti dan pelajar kita merupakan yang terbaik di dunia.

Inilah satu-satunya cara untuk mengurangkan golongan B40. Ia tidak akan tercapai malah bertambah teruk sekiranya kita masih mementingkan kaum dan agama dalam keputusan utama. Ini salah satu kelemahan terbesar dalam sistem demokratik berdasarkan prinsip satu orang, satu undi. Mereka yang berkuasa akan cuba mengekalkan kuasa mereka. Ini merupakan kecacatan yang serius di mana persaingan untuk sokongan yang menolak agenda ke arah, dengan izin, *lowest common denominator* terutamanya dalam masyarakat berbilang kaum dan agama. Bukan suatu perkara yang mudah sekiranya kita hendak mengurangkan impak isu-isu ini dalam kehidupan orang awam. Negara-negara demokrasi yang lebih maju pun terjatuh ke dalam perangkap ekstrimasi ini di bawah samaran nasionalisme.

Walau bagaimanapun, kita tetap mesti cuba dan di sinilah kepimpinan memainkan peranan yang, dengan izin, *decisive* dan paling kritikal. Siapakah yang memilih pemimpin kita? Dalam sistem kerajaan kita, pemimpin dipilih melalui proses pilihan raya.

Sistem ini yang terdapat kecacatan. Tuan Yang di-Pertua, tindakan memanipulasi sempadan pilihan raya, dengan izin, *gerrymandering* memburukkan lagi situasi ini. Ini jelas ternampak di negara kita.

Ukuran kewajaran ini amat terpesong dengan jurang di antara bandar dan luar bandar. Kebanyakan bakat berada di kawasan bandar disebabkan akses yang lebih baik kepada pendidikan dan juga persaingan yang lebih hebat. Malah sistem kita mengurangkan pemimpin yang dipilih daripada kumpulan ini di mana mereka lebih berpendidikan dan terlatih. Perlembagaan tahun 1963 yang asal mengandungi perlindungan dalam lingkungan ukuran pewajaran 15 peratus perbezaan di antara kawasan pilihan raya yang terkecil dan terbesar. Ukuran pewajaran ini telah ditambah kepada 50 peratus dan akhirnya dimansuhkan sama sekali.

Perenggan C, Seksyen 2, Jadual 13, Perlembagaan Persekutuan menyatakan bilangan pemilih di dalam setiap bahagian pilihan raya dalam sesuatu negeri, patutlah lebih kurang sama banyak kecuali bahawa dengan mengambil kira *the key words*, dengan izin, kesulitan yang lebih besar untuk sampai kepada pemilih di dalam daerah desa dan kesukaran lain yang dihadapi oleh bahagian-bahagian pilihan raya di luar bandar. Ukuran pewajaran bagi kawasan patutlah diberikan kepada bahagian-bahagian pilihan raya. Di dalam Perlembagaan, ada diletakkan dua *condition* untuk buat perkiraan.

Persempadanan semula bakal dilaksanakan dalam tempoh tiga atau empat tahun lagi. Pada setiap persempadanan semula, ketidakseimbangan ini bertambah dengan jurang yang lebih besar di antara kawasan pilihan raya. Ini berlaku walaupun jurang pembangunan di antara kawasan bandar dan luar bandar telah kurang. Setiap sudut di Semenanjung Malaysia dapat diakses melalui jalan.

Sekarang capaian internet 4G telah sampai ke semua sudut di Semenanjung Malaysia. Bekalan air, elektrik, sekolah dan klinik berada dalam jarak yang dekat melalui jalan. Apa justifikasi bagi kawasan seperti Putrajaya P125 untuk mempunyai sebanyak 42,881 orang pengundi sahaja. Kawasan ini 2.5 kali-ganda lebih kecil dari Bandar Sibubandar saya, P212. Malah saya yakin bahawa Bandar Sibubandar berada dalam situasi 2.5 kali-ganda kurang dibandingkan berbanding dengan Putrajaya dengan apa-apa piawaian pun.

Lagi satu contoh, ialah Kawasan Damansara P106 mempunyai bilangan pengundi yang paling ramai iaitu hampir 240,000. Malah mereka berada dalam jarak memandu selama beberapa minit sahaja di antara ke Putrajaya. Apakah penjelasan bagi jurang yang besar ini? Bagaimana kita menjustifikasikan perkara ini dalam kata-kata Perlembagaan. Apa kerajaan bercadang untuk memulihkan keadaan perlindungan yang mengehakkan perbezaan kepada 15 peratus di antara kawasan pilihan raya yang terkecil dengan yang terbesar seperti yang termaktub dalam Perlembagaan asal.

Tuan Yang di-Pertua, atas topik yang sama, bilangan Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Undangan Negeri patut dihadkan. Bilangan Ahli tidak patut bertambah setiap 10 tahun. Ini merupakan satu beban terhadap pembayar cukai kerana bilangan Wakil Rakyat tidak mencerminkan kualiti pemimpin kita. Lebih ramai tenaga kerja, bakat dan peruntukan diperlukan di bahagian lain dalam kerajaan kerana mereka memainkan peranan yang setaraf, malah peranan yang lebih penting seperti sistem kesihatan dan pendidikan atau kehakiman.

Tuan Yang di-Pertua, saya memetik keterangan 37 dalam Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Agenda pembangunan tidak akan membawa kebaikan, andai masyarakat kita fakir ilmu dan kemahiran serta nilai yang baik. Oleh itu sektor pendidikan tinggi yang terdiri daripada 20 buah universiti awam, 36 buah politeknik, 105 buah kolej komuniti, dan 415 buah institusi pendidikan tinggi swasta, menggalas tanggungjawab yang besar untuk memacu agenda bagi melahirkan modal insan berbakat.

Menjadi keutamaan sektor pendidikan tinggi untuk sentiasa menerokai inovasi dan pendekatan segar, strategik dan pragmatik. Sistem pendidikan tinggi kita memang mempunyai banyak ruang untuk menambahbaikkan.

Saya ingin bertanya kepada Kementerian Pendidikan tinggi, berapakah daripada 20 buah institusi pengajian tinggi awam IPTA yang terletak di Wilayah-wilayah Borneo? Berapa daripada 36 buah politeknik, dan 105 buah kolej komuniti ini terletak di Wilayah-wilayah Borneo?

■1550

Isu MA63. Pembangunan ekonomi di Sarawak dan Sabah yang jauh ketinggalan di belakang Semenanjung Malaysia boleh dianggap sebagai tidak menepati komitmen MA63. Ini telah menyebabkan kedua-dua wilayah mempunyai peratusan dan kes kemiskinan tegar yang paling tinggi.

Antara sekatan terhadap banyak industri termasuk birokrasi, perlesenan, permit dan kelulusan yang berpusat di Putrajaya. Jarak telah menyebabkan kelewatan dan kos tambahan. Kuasa-kuasa ini patutlah diturunkan kepada kerajaan-kerajaan negeri.

Cobbold Commission, dengan izin, telah mengesyorkan seperti berikut. Saya memetik daripada perenggan 155 dan 156. Di syorkan oleh *Sir Anthony Abell* dan *Sir David Watherston*, dengan izin. *“Whatever the division of formal and legal powers between Federation and State, the practical administration of Federal subject must largely be carried out on the spot. We recommend that the Joint Committee should consider desirability of regionalizing the more important of the Federal post and services in the Borneo territories. We believe that there may be a strong case for certain Federal departments having a regional head in Borneo with sufficient authority to deal with local problem.”*

Paragraph 156. “Many witnesses have insisted that the Borneo territories should joint as two state of the new Federation but in some way, which would give more recognition to their identities and to the comparative size. We agree that it is important that identity and prestige of Sarawak and North Borneo should be maintained but we consider that this would be achieved by maintaining a high degree of local administration and by allocating to them a quota of seats in the Federal Parliament which takes into account their size as well as their population.”

Soalan saya ialah, apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk menurunkan kuasa kepada pegawai-pegawai mereka di negeri ini?

Lebuhraya Pan Borneo sudah lama digunakan sebagai, dengan izin, ‘poster boy’ yang utama bagi pembangunan di Sarawak dan Sabah sejak tahun 2016.

Ini merupakan projek infrastruktur yang paling besar dalam sejarah Wilayah Borneo. Anggaran ialah RM19 bilion untuk di kawasan Sarawak, dan RM16 bilion di Sabah. Di Semenanjung Malaysia, kalau kita membanding, berpuluh-puluh bilion Ringgit telah ditaruh ke dalam projek-projek pembinaan lebuh raya bertingkat, jejambat- *flyover*, dengan izin, pelabuhan, lapangan terbang, dan projek tebatan banjir.

Projek yang terbaru ialah *The East-Coast Rail Link* (ECRL) dengan izin, yang bernilai RM70 bilion. Ini semua ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan. Pada masa yang sama di Borneo pula jalan-jalan kami masih berada dalam keadaan yang amat menyedihkan. Baru-baru ini saya telah pergi dari Miri ke Bintulu dengan menaiki bas sebab tidak ada *airline, no air connectivity*. Mesti jalan guna bas awam.

Keadaan jalan yang sedang di bawah pembinaan adalah amat tidak kondusif untuk perjalanan terutamanya dari Miri ke Niah. Malah komuniti tempatan terpaksa bergantung kepada jalan ini sebagai jalan utama mereka. Saya nampak ramai yang mahu menaiki bas hari itu tetapi terpaksa ditolak disebabkan kekurangan tempat duduk. Lorong berjalan di dalam bas pun penuh oleh orang, penumpang.

Kenapa kita di Wilayah Borneo tidak boleh menawarkan perkhidmatan kereta api di antara bandar-bandar utama di Sarawak dan Sabah. Ini merupakan satu keperluan asas juga. Adakah Kerajaan Persekutuan komited untuk membina satu buah laluan kereta api untuk menyambungkan Pantai Barat Sarawak dengan Pantai Timur Sabah dan akhirnya ke Nusantara di Kalimantan.

Saya ingin menyentuh dua lagi perkara. Perkara pertama ialah banjir. Tuan Yang di-Pertua, Sarawak merupakan tanah bersungai. Sungai Rajang iaitu sungai yang paling panjang di Malaysia terletak di Sarawak dan melalui tanah yang besar di tengah-tengah Sarawak dan Sibu merupakan pusat berpopulasi yang paling besar.

Sejak pembentukan Malaysia, Kerajaan Persekutuan telah gagal menyiapkan projek tebatan banjir. Projek komprehensif yang pertama bermula pada tahun 2008. Walau bagaimanapun sehingga hari ini ia belum disiapkan lagi. Bilakah projek ini boleh disiapkan?

Baru-baru ini kita dengar dan baca tender-tender yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkumi kawasan-kawasan di Semenanjung Malaysia. Apakah yang terjadi kepada projek-projek di Sarawak dan Sabah? Projek di sepanjang Sungai Sarawak dan Sungai Igan telah diluluskan sejak tahun 2008. Mengapakah projek ini belum disiapkan? Perkara kedua tentang isu pendidikan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi Yang Berhormat Senator sebab jam 4 sudah hendak sampai.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Oh, lagi dua minit sudah habis. Ini isu, perkara yang terakhir.

Telah dilaporkan di akbar tempatan bahawa 222 orang guru dari Semenanjung Malaysia telah gagal melaporkan diri di Sarawak pada September 2022, baru-baru ini. Berapa- jumlah guru telah gagal melaporkan diri di Sarawak dalam tempoh 10 tahun yang lepas? Saya mahu tanya Kementerian Pendidikan, kenapakah guru tidak melaporkan diri bagi di Sarawak?

Jumlah ini besar, 200 lebih. Berapa orang yang telah melaporkan diri tetapi telah memohon untuk ditukar ke tempat kerja balik ke Semenanjung atau telah meninggalkan perkhidmatan awam dalam tempoh 10 tahun yang lepas.

Pendekatan yang jelas ialah mengupah lebih ramai orang tempatan sebagai guru. Berapa- maktab perguruan yang ada di Malaysia, dan berapakah yang terletak di Sarawak? Berapakah peratusan guru di Sarawak yang terdiri daripada anak Sarawak? Masa sudah tiba untuk Sarawak mendapat autonomi terhadap pendidikan seperti mana yang pada masa Pembentukan Malaysia sehingga tahun 70-an.

Kita telah lihat bagaimana ini telah mengecewakan orang Sarawak. Ini salah satu sebab Kerajaan Negeri Sarawak, beberapa tahun ini telah mendirikan sekolah-sekolah sendiri. Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew.

Beralih kepada Yang Berhormat Senator Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan.

3.58 ptg.

Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Ahli-ahli Yang Berhormat, yang tersirat saya katakan, "Yang Berkhidmat." Salam perkenalan terutama kepada Senator-Senator senior dan juga rakan-rakan baharu yang mengangkat sumpah semalam.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, tema ucapan sulung saya yang berkaitan dengan agenda pembinaan negara yang belum selesai. Sebagai mukadimah, saya memperhatikan bahawa satu daripada isu yang ditimbulkan dalam Titah Diraja oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ialah isu berkaitan dengan soal kestabilan negara yang sudah pun di sentuh oleh beberapa orang Yang Berhormat Senator sebelum ini, baik dalam bidang politik, bidang sosial, ekonomi, pendidikan dan yang lain-lain.

Kita melihat bahawa dalam soal bidang politik sebagai contoh, sangat menjadi dambaan dan harapan saya. Saya yakin juga rakan-rakan Senator, agar konsep Kerajaan Perpaduan itu bukan merupakan sekadar satu jenama, tetapi mestilah direalisasikan, dijadikan kenyataan agar dengan apa-apa cara pun kerajaan yang telah diberi mandat oleh Ke Bawah Duli Yang di-Pertuan Agong melakukan upaya supaya perpaduan itu benar-benar wujud dalam konteks mendamaikan parti-parti ataupun golongan yang berada di dalam parti pemerintah dan juga yang berada dalam parti hingga saat ini disebut sebagai parti pembangkang.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

■1600

Saya barangkali menimbulkan satu cadangan kecil tetapi *alhamdulillah* dalam beberapa hari yang lepas saya diingatkan oleh seorang wartawan bahawa pernah dua tahun lalu saya menyarankan untuk mengimbangi dan juga mengurangkan ketegangan politik. Barangkali elok kita memperkenalkan istilah “parti pengimbang” daripada “parti pembangkang”. Ini kerana secara psikologi, pembangkang memang ada kecenderungan untuk membangkang apa-apa sahaja, termasuk perkara-perkara yang positif.

Alhamdulillah, Ke Bawah Duli Sultan Johor sendiri dalam Dewan Undangan Negeri Johor beberapa hari yang lalu menimbulkan isu yang sama dan menitahkan agar istilah “parti pengimbang” digunakan kerana peranan sebetulnya pihak satu lagi adalah untuk, dengan izin, *check and balance* ertinya memeriksa dan mengimbangi. Maka barangkali ada falsafah di balik Titah cadangan Sultan Johor itu.

Dalam hal ini juga, saya melihat dalam soal sosial sebagai contoh, sudah lebih 65 tahun kita merdeka, soal perpaduan masih menjadi satu- barah besar. Dari waktu ke waktu, pelbagai program dan terakhir kita memiliki sebuah buku besar, buku *Dasar Perpaduan Negara*. Akan tetapi, adakah ini akan dapat dilaksanakan, dan dijadikan kenyataan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan pihak-pihak yang berkaitan dalam soal mengupayakan perpaduan kebangsaan. Ertinya, agenda pembinaan negara kita belum selesai dalam konteks perpaduan.

Demikian juga dalam soal ekonomi dari waktu ke waktu kita masih terus bergelut dengan soal ketidakseimbangan. Kesaksamaan yang diimpikan itu masih belum menjadi kenyataan atau realiti walaupun ada istilah “kemakmuran bersama” dan sebagainya.

Oleh sebab itu, saya memperhitungkan bahawa dalam soal ekonomi ini saya sangat bersetuju dan menyokong penuh saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa soal kemiskinan ialah soal yang merentas kaum. Tidak ada satu kaum yang ditakdirkan Allah menjadi miskin dan kaum lain menjadi kaya. Kemiskinan ada pada semua kaum. Maka itu secara adil hendaklah dilakukan program pembanterasannya kemiskinan tegar ini yang benar-benar merentas seluruh penduduk Malaysia.

Dalam soal ini juga, saya melihat bahawa kemiskinan tegar sepatutnya direncanakan bermula dari keluarga dan dari rumah. Saya mengambil pelajaran positif daripada rakan-rakan kaum Cina saya di kampung. Hampir setiap keluarga Cina rakan saya di kampung di Pontian dahulu mempunyai biar sekecil mana pun perniagaan dan perusahaan sendiri sehingga anak-anaknya tidak ada waktu untuk dibuang atau untuk terlibat dalam perbuatan-perbuatan di luar yang berfaedah. Balik dari sekolah teman saya kerana ayahnya membuka kedai basikal, membantu ayahnya membaiki basikal, menampal tayar dan sebagainya. Tidak ada waktu untuk kawan-kawan saya itu terjebak dalam kegiatan-kegiatan melepak, merempit dan sebagainya.

Maka alangkah baiknya kalau kerajaan, khususnya barangkali melalui Kementerian Ekonomi merancang bahawa ada unjuran- kalau ada dalam satu buah kampung itu barangkali ada keluarga mithali, keluarga contoh yang dapat dibina sebagai keluarga usahawan, keluarga perniagaan. Ini sekali gus mengurangkan masalah kemiskinan dan mengatasi masalah kebejatan sosial kerana anak-anak muda ada ruang dan tempat untuk mereka menyalurkan waktu dan tenaga mereka.

Bagi kaum Melayu khususnya MARA, mengapa tidak MARA melakukan program membina keluarga usahawan dalam kalangan bumiputera sebagai contoh. Demikian juga untuk kalangan orang India. Harus ada badan kerajaan yang membuat program dan unjuran supaya orang India seperti juga orang Melayu dan bumiputera yang lain meniru atau mengikut contoh baik rakan-rakan Cina kita yang menjadi keluarga usahawan dan keluarga perniagaan.

Khusus bagi orang Islam Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut soal keperluan untuk meminda modus operandi, kaedah bagaimana pemanfaatan sistem zakat. Sering kita membaca media pusat-pusat pungutan zakat dengan bangganya mengisytiharkan jumlah pungutan zakat yang cukup besar. Akan tetapi, dalam pada itu kita menyaksikan bagaimana golongan sukar, golongan susah dalam kalangan orang Islam sendiri tidak mendapat biaya untuk pengajian anak-anaknya, tidak mendapat bantuan dalam melaksanakan perniagaan kecil, membuka gerai dan sebagainya. Jadi pada hemat saya perlu ada suatu perancangan pihak berkuasa agama supaya modus operandi dalam pembayaran zakat itu dinilai dan direncanakan semula.

Hampir semua Ahli Yang Berhormat bercakap tentang soal Malaysia Madani. Saya sebelum datang ke Dewan ini pagi tadi sempat berforum dalam tempoh yang singkat tentang Malaysia Madani. Pada hemat saya istilah Madani itu walaupun berasal daripada bahasa Arab tetapi yang penting ialah soal konsep yang merentas bagi seluruh tamadun. Seawal 500 tahun sebelum Masihi, tamadun Yunani Kuno atau Greek lama telah pun muncul kerana ada sifat madani. Ertinya sudah timbul masyarakat yang berdasarkan ilmu pengetahuan, budaya mengambil tahu soal ilmu. Maka ketika itu, telah muncul disiplin ilmu baik falsafah, kosmologi bahkan retorik, undang-undang, etika, sastera, sains, bahasa dan sebagainya.

Itulah satu contoh bagaimana masyarakat madani muncul dalam kalangan yang bukan Islam. Apabila Islam muncul tentulah daripada wahyu Allah SWT, madani itu muncul daripada konteks berteraskan agama. Seluruh kaum yang menjadi warganegara Malaysia berteraskan prinsip pertama Rukun Negara kepercayaan kepada Tuhan. Maka kita masing-masing mempunyai tradisi yang besar.

Saya ada sedikit pengalaman, beruntung lima, enam tahun tinggal di negara China. Mereka ada tradisi besar daripada falsafah-falsafah Cina, begitu juga rakan kita daripada kaum India. Maka, inilah pada hemat saya asas madani yang perlu kita gembleng supaya teras yang dikemukakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu dapat bersifat merentas.

Berkaitan dengan itu, saya melihat jangan sampai gagasan Malaysia Madani tinggal juga sebagai jenama. Satu waktu pada zaman Perdana Menteri tertentu ada Islam Hadhari. Pada waktu tertentu ada *wasatiyyah* dan pelbagai jenama. Kita tidak mahu berlaku apabila berlaku Perdana Menteri yang baharu kelak muncul jenama-jenama lain dan madani sudah sirna ataupun ditinggalkan. Oleh sebab itu, saya membuat seruan dan harapan kepada kerajaan supaya mesti sudah ada program yang cepat agar gagasan Malaysia Madani ini bersifat merentas.

Saya agak kecewa kerana kementerian-kementerian belum ada lagi yang mengadakan orientasi Malaysia Madani. Saya masih ingat dalam usaha kita memperkenalkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan pada tahun 1988. Falsafah diisytiharkan, diikuti dan disusuli dengan program yang teratur dan terancang. Kursus-kursus, orientasi di pelbagai peringkat, kementerian, jabatan, PPD, sekolah dan sebagainya. Maka akhirnya, program itu berjaya tetapi kemudian surut, ada sebab-sebab tertentu *insya-Allah* akan saya sentuh.

Jadi saya menyeru agar kerajaan memastikan jangan konsep Malaysia Madani tinggal sebagai jenama dan tidak ada program yang konkrit.

Seterusnya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Berkaitan dengan soal kestabilan negara tentulah keperluan bagi setiap warganegara, apatah lagi dalam kalangan pimpinan agar menghayati asas-asas kenegaraan atau biasa yang saya katakan sebagai pancang-pancang kenegaraan.

Apa yang paling penting tentulah menghayati falsafah dan makna yang tersirat dan juga tersurat di balik Perlembagaan yang saya kira harusnya sama-sama kita raikan seruan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua semalam agar kita menambah kegiatan membaca.

■1610

Jadi, saya sendiri akan menyeru diri saya agar Perlembagaan itu kita ulang lagi agar tidak berlaku kekeliruan. Ini adalah kerana sampai saat ini sudah 60 tahun lebih merdeka, masih lagi timbul soal-soal pertikaian tentang Perlembagaan Persekutuan. Walhal Perlembagaan itu sudah didasarkan pada yang dikatakan kontrak sosial, dengan izin, *social contract* yang disetujui oleh pimpinan wakil kaum-kaum.

Oleh sebab itu, perlu kita hayati. Saya berterima kasih serta menghormati Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam sidang media pertamanya menyebut empat teras- dalam Perlembagaan yang jangan kita robek, jangan kita ganggu gugat kerana akan mengganggu kestabilan negara; soal kedudukan Raja-Raja, soal Islam sebagai agama Persekutuan yang tidak menafikan hak orang bukan Islam mengamalkan agamanya. Itu ada dalam Perlembagaan.

Saya selalu memberikan rasional yang sangat mudah, sangat *simple*. Kalau ada orang mempertikaikan mengapa dalam majlis-majlis ada bacaan doa, bagi saya, doa itu turut memohon keselamatan bukan sahaja orang Islam tetapi termasuk orang bukan Islam yang berada dalam majlis itu.

Jadi, tidak perlu ada pertikaian tentang soal-soal begitu. Soal Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan; yang ini penting. Saya kira, saya kupas sedikit. Kedudukan istimewa Melayu dan bumiputera, ayat itu biasanya berhenti setakat itu. Walhal, Perkara 153 dengan jelas menyebut, "...dan hak-hak sah kaum-kaum lain." Jadi, kalau perkara ini dijelaskan dengan baik, saya kira aman dan tidak akan berlaku pertikaian dan salah faham seolah-olah Perlembagaan hanya memberikan keistimewaan kepada Melayu dan bumiputera, sedangkan, hak-hak sah kaum-kaum lain itu dijamin dalam Perlembagaan.

Soalnya ialah operasi dan modus operandi dan cara kerajaan bekerja. Adakah dasar-dasar yang adil itu benar-benar dilaksanakan? Maka itu, saya kembali kepada persoalan tadi; kemiskinan merentas semua kaum. Tidak patut timbul anggapan kemiskinan itu milik satu kaum tertentu dan kita mengabaikan kaum-kaum yang lain.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan, penghayatan kepada dasar-dasar negara yang juga sudah diisytiharkan dan disetujui bersama. Soal Dasar Bahasa Kebangsaan. Saya sekali lagi mengulang sedikit pengalaman saya ditugaskan oleh kerajaan di negara Republik Rakyat China selama lebih kurang lima, enam tahun.

Saya mengembara menjelajah sebahagian besar provinsi di Republik Rakyat China yang juga merentas 56 kumpulan etnik. Saya dapati dengan keteguhan dasar kebangsaan, bahasa Mandarin dijadikan bahasa negara.

Di universiti saya di *Beijing Foreign Studies University*, 120 jenis bahasa asing diperkenalkan. Akan tetapi, bahasa Mandarin sebagai bahasa negara itu, tetap diutamakan hatta apabila datang pemimpin luar dibuat terjemahan ke dalam bahasa tamu. Barangkali kita belum sampai pada peringkat itu, tetapi ertinya kita mesti belajar sesuatu kejayaan negara lain, melaksanakan dan mengamalkan dasar kebangsaan merentas 56 etnik. Jadi, kalau ada orang mengatakan mudah negara China kerana *monogenous*, tidak betul. Ada 56 etnik. Selain orang Han yang majoriti, banyak kaum lain; kaum Tartar, kaum Kazakh, kaum Hui, kaum Zhuang, dan sebagainya. Banyak sekali kumpulan etnik...

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Lain-lain.

Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan: Ya. Begitu juga sistem pendidikan. Dasar Pendidikan Kebangsaan negara China cukup jelas, merentas seluruh 34 buah provinsi, 56 etnik. Dengan demikian, negara itu mencapai kejayaan sekarang, boleh dikatakan sudah menjadi kuasa ekonomi pertama di dunia. Ini adalah kerana kekuatan dasar-dasar kebangsaan.

Saya tidak hanya merujuk negara China. Saya juga ada pengalaman sedikit di Korea Selatan, di negara Jepun dan dua kali saya dilantik sebagai Profesor Tamu- *Visiting Professor* di *Goethe-Universität* di Frankfurt, Jerman.

Sekali lagi menyahut seruan Tuan Yang di-Pertua, hendaklah kita menyelak buku dan membaca, cubalah sama-sama kita mengkaji sejarah negara Jerman yang pada abad ke-17 ketinggalan berbanding dengan negara-negara Eropah lain. Dengan sumber kekayaan hasil bumi, kekuatan sumber manusianya, kehebatan modal insannya, pemikir-pemikirnya. Maka, seorang ahli falsafah Jerman yang bernama Leibniz membuat kajian. Satu daripada punca kelemahan dan ketertinggalan Jerman adalah kerana menggunakan bahasa asing dalam menyampaikan ilmu kepada rakyatnya.

Kerajaan Jerman menerima laporan itu lalu melakukan satu proses yang dikatakan perancangan bahasa, dengan izin, *language planning* sehingga Jerman kemudian muncul sebagai kuasa dunia dalam bidang industri berat dan ubat-ubatan hingga kini. Itu sejarah yang tidak boleh dinafikan. Banyak negara lain juga yang telah kita kaji menunjukkan bahawa pegangan kepada dasar-dasar kebangsaan akan membantu kecemerlangan negara itu. Jadi, marilah kita belajar daripada sejarah, kehebatan bangsa dan negara-negara lain.

Daripada segi orang Islam sendiri, saya selalu mengatakan malang sedikit kalau ada pimpinan kita yang Islam tidak mengambil isyarat, *ibrah* ayat al-Quran al-Karim. Tuhan sendiri mengatakan dalam Surah Ar-Rum ayat 22, yang bermaksud, antara tanda kebesaran Tuhan itu menjadikan langit dan bumi dan pelbagai bahasa untuk manusia. Itu isyarat yang cukup jelas. Sesuatu yang fitrah, setiap bangsa mempunyai satu bahasa. Bangsa itu wajib memajukan, mengimarahkan bahasanya seperti mana orang Barat, orang bukan Islam sendiri memajukan bahasa mereka walaupun mereka tidak membaca ayat suci al-Quran al-Karim. Mereka berfikir secara rasional.

Ulama-ulama datang ke alam Melayu tidak berdakwah dalam bahasa Arab, melainkan dalam bahasa Melayu. Ini adalah kerana ulama-ulama itu berpegang pada pelajaran daripada ayat 4 Surah Ibrahim, "*Tidak Ku utus para Rasul melainkan dalam bahasa yang difahami oleh kaumnya.*" Maka itu, umat Melayu pada zaman Kesultanan Melayu sangat maju, merentas seluruh kehidupan, termasuk perdagangan antarabangsa. Melaka didatangi oleh 80 jenis etnik seperti yang dicatat dalam sejarah. Ada pelajaran yang patut kita ambil daripada kekuatan bangsa-bangsa lain.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Yang Berhormat, dalam soal pendidikan, secara khusus saya hendak menyebut marilah atau Kementerian Pendidikan harus mula merancang pengurangan dan akhirnya penghapusan dikotomi. Benar, kita harus memberikan hak menurut bakat dan minat murid. Akan tetapi, jangan sampai perkara itu menyebabkan berlaku aliran-aliran memisahkan sains daripada sastera, sastera daripada sains. Sehingga akhirnya yang berlaku, iaitu yang dikatakan kecemerlangan tanpa roh. *The excellence without soul*. Orang yang hebat dalam sains, sains komputer, teknologi, gersang daripada segi nilai kemanusiaan, kehalusan budinya kerana sastera dialpakan.

Saya tidak berhalangan sama ada aliran sains, aliran itu ini tetapi dalam aliran sains pun jangan dilupakan sains kemanusiaan. Barat sendiri masih mengamalkan yang dikatakan seni liberal. *Liberal arts* dalam kursus-kursus dalam sistem pendidikan. Mengapa kita di negara ini sebagai contoh, terlalu menitikberatkan soal aliran sehingga mengekang kewujudan manusia atau insan yang bersepadu, yang lari daripada konsep fitrah sebagai insan.

Kedua yang hendak saya sentuh- tadi hendak saya timbulkan tetapi tidak sempat, tadi tutup sesi, iaitu tentang yang dikatakan penggabungan. Bagaimana memasukkan TVET dalam konteks kerangka pendidikan keseluruhannya. Kalau dalam keadaan sekarang, TVET itu sebagai pilihan, saya sendiri membuat sedikit kajian.

Menurut pengarah-pengarah kolej vokasional, keluaran dari kolej vokasional sangat laris dalam pasaran dan mudah mendapat tempat di pengajian tinggi; diploma, ijazah dan terus sampai ke peringkat doktor falsafah (PhD). Mengapa tidak didorong anak-anak muda kita lebih ke arah TVET, dengan TVET yang holistik.

TVET, ya kita tahu *Technical and Vocational Education and Training*. Maknanya *education*, pangkalnya *education*. Bukan sekadar *technical and vocational*.

Jadi, saya ada juga membaca laporan Kementerian Pendidikan semakin besar peratusan, lepasan sekolah yang tidak mahu menuntut pengajian tinggi, barangkali kerana nilai sijil akademik juga sudah tidak ada nilai yang tinggi. Jadi, secara praktiknya mengapa tidak daripada awal didorong anak-anak kita masuk dalam satu aliran pendidikan yang memadukan, menggabungkan kemahiran TVET dengan soal kemanusiaan. Saya kira ini memerlukan perancangan rapi oleh Kementerian Pendidikan. Mudah-mudahan dapat ditangani oleh panel dalam Majlis Perunding Pendidikan Kebangsaan.

■1620

Tentang pendidikan tinggi, saya ingin menimbulkan satu isu yang cukup mencengkam perasaan dan sanubari ahli akademik. Sekarang ini, rata-rata universiti diwajibkan mengejar ranking atau penarafan yang dilakukan oleh badan antarabangsa yang sebenarnya melakukan perniagaan. Contoh yang jelas, seseorang yang hendak menulis karyanya untuk terbit dalam jurnal yang berimpak tinggi dan berindeks tinggi perlu membayar ribuan ringgit, bukan percuma. Dahulu, kita menulis, kita dibayar honorarium, royalti. Sekarang terbalik.

Apabila yang dikejar, ialah penarafan (ranking) maka kita dapati tumpuan ahli akademik kepada soal-soal insani, soal kemanusiaan, soal kesukarelawanan, kerja sosial sudah terabai kerana mengejar "ranking". Tanpa "ranking" itu, universiti tidak mendapat dana yang besar daripada kementerian. Tanpa mendapat julukan sebagai sarjana hebat dalam penulisan jurnal-jurnal antarabangsa, susah untuk mendapat kenaikan pangkat seperti profesor penuh.

Ini juga satu lagi penyakit iaitu pemisahan aliran sains dan teknologi dengan sains kemanusiaan dan sains sosial. Rintihan daripada rakan-rakan- saya sendiri pun puluhan tahun duduk dalam akademik- untuk naik pangkat sangat sukar bagi golongan akademik sains sosial dan sains kemanusiaan. Sebagai contoh- ini realiti. Mudah sahaja saya sebut. Untuk menghasilkan jurnal bidang sains teknikal, lima halaman sudah cukup, penulisan 10 orang. Contoh. Sains sosial, tidak mungkin lima halaman kerana kita memerlukan kupasan yang mendalam. Mungkin 20 ke 30 halaman, penulisnya mungkin satu orang, dua orang, tiga orang.

Akan tetapi, untuk tembus ke jurnal antarabangsa sangat sulit, selain soal bahasa juga. Maka, ini yang saya rumuskan sebagai satu bentuk, dengan izin, neokolonialisme, satu penjajahan bentuk baru. Kita menyerahkan jiwa raga kita sebagai komoditi membayar wang kepada syarikat-syarikat antarabangsa yang memberikan penarafan.

Saya menyarankan agar Kementerian Pendidikan Tinggi menubuhkan satu kumpulan sendiri, pasukan yang membuat penilaian jurnal-jurnal dan terbitan berindeks tinggi dalam rangka alam Melayu ataupun serantau kita dan bukan bergantung kepada dunia Barat. Ini tidak mustahil dapat dilakukan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat sekalian, soal seterusnya berkaitan dengan soal kebudayaan. Tahun 1971, negara kita telah memiliki Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) yang tiga terasnya tidak payah saya ulang. Kebudayaan asal rantau ini, kebudayaan lain yang wajar dan sesuai, Islam sebagai unsur penting. Kemudian tahun 2021, wujud Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN).

Pada hemat saya, banyak peristiwa yang menunjukkan di negara kita, kita rajin membuat sesuatu yang baharu tapi soal melaksanakan inti sari dasar-dasar itu masih tidak terlaksana. Saya pernah membuat sedikit kerja rumah. Dalam satu minggu, saya membuat hitungan berapa banyak siaran dalam media- media dalam kerajaan ya, ini bukan media swasta- media kerajaan yang mengamalkan dan menyiarkan bahan siaran berdasarkan tiga prinsip dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Di bawah 40 peratus, 30 peratus. Ini suatu yang menyedihkan. Kita ada DAKEN pula sekarang. Adakah DAKEN juga akan mengalami nasib yang sama dengan DKK? Maka itu Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Seni Budaya patut memperhitungkan soal ini.

Tentang ini, saya hendak mencadangkan kepada kerajaan sepatutnya kita menghormati kebudayaan sebagai suatu keutuhan jati diri, bukan diletakkan di sudut belakang pelancongan. Saya tidak ada masalah, pelancongan penting. Akan tetapi, pada hemat saya, pelancongan lebih wajar barangkali bersinergi dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa barangkali atau juga Kementerian Perdagangan. Kebudayaan tak patut disorokkan di belakang pelancongan. Maka, luahan rakan-rakan saya di Jabatan Warisan Negara, JKKN dan sebagainya- peruntukan sangat kecil. Ini kerana tumpuan perhatian MOTAC, dalam istilah bahasa Inggerisnya, ialah pelancongan.

Jadi, alangkah baiknya kalau kerajaan kita dapat menimbangkan semula penamaan kementerian. Kita banyak warisan yang Melayu, yang Cina, yang India, yang orang asal, etnik-etnik rakan kita Sabah dan Sarawak. Ini tidak cukup diimarahkan kerana kegiatan itu terselindung di balik semata-mata pelancongan. Itu pun untunglah nama itu muncul balik. Mula-mula tak ada langsung kementerian yang berkaitan dengan soal budaya.

Masih berkaitan tentang kebudayaan. Saya bercakap khusus tentang soal warisan, sebagai contoh. Keluh kesah pakar geologi kita seperti Profesor Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo, pakar geologi ternama, bukan sahaja pakar negara kita, malah seantero dunia, yang berkeluh kesah kerana perhatian terhadap segala warisan *geopark* itu tak ada perhatian yang berat. Ini kerana katanya itu di bawah kerajaan negeri.

Jadi, penyelarasan patut dibuat antara kementerian yang berkaitan dengan warisan dengan kerajaan negeri agar pemuliharaan dan pengenalan taman-taman geo itu sebagai tarikan pelancong yang memang pasti akan menarik pelancong-pelancong dari luar negara terutama dari Barat yang sangat suka pada soal-soal warisan yang demikian.

Jadi, peruntukan Jabatan Warisan Negara pun sangat kecil. Kalau boleh saya sebutkan pengalaman peribadi. Saya memohon untuk membuat satu kajian yang sangat besar impak atau dampaknya- perbandingan kesantunan bahasa etnik-etnik utama di Malaysia. Mulanya saya memohon, dapatlah RM50,000. Kemudian saya dihubungi, "Boleh tak RM36,000?" Untuk satu projek perpaduan kebangsaan. Ini kerana katanya, wang tidak ada. JKKN pun tak ada wang. Jadi, soal warisan sangat penting. Dulu pada zaman Tuan Yang di-Pertua, KEKWA dulu, perkara itu sangat diberi perhatian. Jadi, kembalilah kepada pelaksanaan yang baik itu.

Etnosains satu lagi. Saya baru-baru ini didatangi oleh seorang pakar perubatan tradisi Cina yang sudah menjadi warga Australia. Dalam tempoh dua, tiga tahun beliau tinggal di Malaysia- saya boleh sebut namanya iaitu Encik Andrew Wang- telah mengenal pasti lebih 1,400 jenis herba di Malaysia. Pagi tadi beliau telah mengirim satu *WhatsApp* bagaimana doktor hospital mengesahkan seorang penghidap kanser tegar telah pulih kerana mengamalkan herba-herba yang diproses dan diolah oleh Encik Andrew. Itu bukti yang saya boleh tunjukkan dalam *WhatsApp* yang saya terima tentang pengakuan doktor hospital.

Jadi, saya mengharapkan Kementerian Kesihatan hendaklah bersinergi agar memadukan warisan perubatan rakan-rakan kita Cina yang cukup masyhur- di Hospital Tung Shin sendiri ada dua buah jabatan yang sama hebat- dengan warisan etno perubatan Melayu, kalau kita hendak mengangkat perubatan tradisi kita.

Tentang manuskrip Melayu lama, ada 40,000 angka yang diisytiharkan. Berbanggalah orang Malaysia, oh, kita ada 40,000 buah manuskrip di *Leiden University* Manchester, di SOAS, *London University* dan sebagainya. Apakah erti kebanggaan itu kalau tidak dikerjakan? Kita hanya berbangga-bangga.

Maka, seruan saya terhadap kerajaan terutama berkaitan warisan ini, hendaklah diperoleh salinan digital. Saya tak mengharapkan manuskrip yang asli dibawa kembali. Tak mungkin boleh. Itu ada perjanjian antarabangsa di bawah UNESCO. Tak boleh dan sangat sukar. Proses rawatan manuskrip memerlukan kepakaran hebat dan belanja yang tinggi. Kita dapatkan salinan digital dengan murah ataupun dengan percuma.

Yang penting, hendaklah diadakan skim latihan sarjana-sarjana muda yang mampu mengerjakan manuskrip Melayu lama. Bidang perubatan- Kitab Tibb. Bidang persenjataan. UNESCO mengiktiraf Kitab Tibb Melayu sebagai warisan dunia.

Kitab berkaitan dengan hubungan diplomasi, perdagangan antarabangsa. Pokoknya, ada lebih kurang 10 bidang yang telah saya teliti menunjukkan kehebatan tamadun Melayu lama. Akan tetapi, kalau tidak dikaji, tidak diangkat kepada masyarakat, maka tenggelamlah warisan negara kita.

Tahun 2009, *Frankfurt University* menganjurkan persidangan antarabangsa tentang perdagangan antarabangsa di alam Melayu berdasarkan manuskrip Melayu lama. Kita tak tahu apa yang berlaku. Orang Barat tahu kehebatan tamadun kita dalam perdagangan antarabangsa. Jadi, itu antara warisan.

Seterusnya, saya hendak terus kepada soal yang agak di hujung iaitu peranan media. Sejauh mana media ini membantu kerajaan, membantu negara dalam pelaksanaan dasar-dasar negara? Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Dasar Bahasa Kebangsaan, Dasar Pendidikan Kebangsaan dan dasar-dasar yang lain. Ataupun media kita menjadi suatu bentuk yang bebas atau *free enterprise* yang tidak tertakluk kepada peranan untuk menyumbang kepada pembinaan negara kita atau *nation building*, dengan izin?

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan, saya mohon agar kerajaan meneruskan dasar-dasar yang baik.

■1630

Kita harus membuang sikap beralih kerajaan, buat yang baharu, tinggalkan yang lama walaupun yang lama itu baik. Contoh, tadi Yang Berhormat- saya memang minta maaf. Lupa nama tadi dua orang sebelum saya berucap, ada menyebut mantan Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri telah melakukan sesuatu yang mulia menggunakan bahasa negara kita di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk kali pertama.

Kita berharap Perdana Menteri yang kesepuluh meneruskan tradisi itu kerana itu tradisi yang baik. Negara China, sekali lagi saya rujuk, menggunakan Mandarin dalam keadaan apa pun. Itu kebanggaan kepada mereka. Indonesia, akan berbahasa Indonesia. Jerman, bahasa Jerman. Puluhan negara hebat di dunia demikian dasarnya.

Demikian dasar-dasar baik yang lain, hendaklah kita berjiwa besar, berlapang dada menerima apa-apa kebaikan yang telah dilakukan oleh kerajaan-kerajaan terdahulu diteruskan sebagai satu kesinambungan bahawa kita ialah insan yang menghormati budi dan akal budi orang lain, selain kita juga mempunyai akal budi yang tentunya baik. Itu harapan kepada kerajaan.

Sebelum itu saya mengakhirinya dengan pantun. Tadi pantun itu untuk Tuan Yang di-Pertua... [*Ketawa*] Akan tetapi tentu juga untuk Timbalan Yang di-Pertua.

*Emas perak hiasan wanita,
Ditata kemas di hujung tanjung;
Negara kita tanggungjawab kita,
Di sini bumi dipijak, di sini langit dijunjung... [Dewan tepuk]*

Saya mohon menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja. Sekian. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, dan salam sejahtera... [*Dewan tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan atas perbahasan yang telah diberikan.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz untuk memberikan perbahasan. Saya beri ruang masa selama 30 minit sebab kita hanya ada dua orang sahaja pembahas selepas ini iaitu Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad. Jadi kita nak habis, tamatkan pada jam 5.30 petang. Kalau kita awal nanti kita kena membuat usul ya. Jadi kalau boleh, dapat masa itu kita penuh. Kalau agak ringkas, dipanjangkan sehingga setengah jam... [*Dewan ketawa*] Boleh ya?

Dato' Juhanis binti Abd Aziz: *Insya-Allah*. Saya cuba.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih.

4.33 ptg.

Dato' Juhanis binti Abd Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Sebelum saya meneruskan ucapan Perbahasan Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Senator, dan selamat datang ke sidang Dewan, pada yang baharu dilantik.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur kerana diberikan peluang untuk terus turut serta dalam sesi perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Perpaduan yang telah berjaya dibentuk melalui kebijaksanaan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, sekali gus menamatkan kemelut ketidaktentuan politik dan Parlimen tergantung yang tidak pernah berlaku dalam sejarah sebelum ini.

Keharmonian menerusi gagasan perpaduan. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan perlu sedar, sesungguhnya amanah dan tanggungjawab yang diberi ini adalah amat besar. Lebih besar lagi harapan dan kepercayaan rakyat untuk melihat negara terus ditadbir dengan stabil dan cemerlang daripada segi ekonomi, sosial dan politik. Diharapkan, kerajaan yang dibentuk ini akan menjadi sebuah kerajaan yang kuat dan stabil bagi mengelakkan situasi ketidakstabilan politik seperti yang berlaku sebelum ini.

Saya menyeru agar kita bersama-sama berusaha sehabis baik untuk membela nasib rakyat. Kita harus mengambil iktibar dan sedar daripada kemelut politik, pandemik dan cabaran ekonomi ini untuk merangka dasar dan polisi negara yang lebih strategik, holistik dan relevan supaya dapat memantapkan, dan mengupayakan sumber dan potensi negara.

Kos sara hidup yang menekan. Tuan Yang di-Pertua, pakar-pakar ekonomi meletakkan jangkaan bahawa tahun 2023 akan menjadi lebih mencabar. Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) turut meramalkan ekonomi dunia dan Malaysia akan tumbuh lebih perlahan. Dua per tiga daripada ketua-ketua ahli ekonomi awam dan swasta yang dikaji daripada Forum Ekonomi Dunia (WEF) menjangka kemelesetan global pada tahun 2023.

Malah, konflik Rusia-Ukraine yang berlaku juga menyebabkan peningkatan harga makanan dan tenaga di seluruh dunia termasuk Malaysia. Kenaikan kadar inflasi, pertumbuhan ekonomi yang perlahan, hutang yang terlalu tinggi dan keadaan politik yang tidak stabil memberikan tekanan yang amat hebat kepada rakyat. Kenaikan harga barang dan kos sara hidup, sama ada di bandar dan di luar bandar dijangka akan terus menjadi cabaran sepanjang tahun 2023.

Berdasarkan sebuah tinjauan yang dibuat oleh Pusat Penyelidikan Undian UCSI, 10 daripada 19 orang rakyat Malaysia bimbang tentang kos sara hidup dengan lebih 60 peratus merasakan usaha kerajaan tidak cukup bagi menangani isu tersebut. Dapatan daripada tinjauan yang sama, turut mendapati 35 peratus responden kini lebih kerap bimbang dan 34 peratus menyatakan kesihatan mental mereka merosot. 30 peratus berkata, makanan mereka tidak seimbang dan 27 peratus berkata, ia menjejaskan kesejahteraan mereka manakala 18 peratus berkata, mereka terpaksa memilih pengangkutan lain untuk berjimat.

Tuan Yang di-Pertua, meskipun tinjauan ini tidak mencerminkan keseluruhan rakyat Malaysia, saya yakin kebanyakan merasakan perkara yang sama. Dalam keadaan sekarang, rakyat menghadapi kesukaran untuk menambah simpanan mereka. Malah, ada yang terpaksa menggunakan wang simpanan untuk perbelanjaan harian. Bagi yang tiada simpanan, mereka terpaksa makan pagi, kais pagi, makan petang, kais petang, demi kelangsungan hidup.

Dengan kemelesetan ekonomi global ini, saya faham amat sukar untuk kerajaan mengawal kos sara hidup. Namun, besar harapan saya agar Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup serta Kementerian Ekonomi dapat memperincikan dasar-dasar mencari langkah penyelesaian pantas dalam menangani isu kos sara hidup di Malaysia.

■1640

Cabaran golongan wanita. Tuan Yang di-Pertua, cabaran-cabaran ekonomi ini juga sedikit sebanyak turut memberi kesan terhadap golongan wanita. Kesan ini bukan sahaja daripada segi ekonomi tetapi juga memberi tempas ke atas usaha memperluaskan jurang gender daripada segi perwakilan peluang hak akses pekerjaan, pendapatan dan keselamatan. Kementerian Pembangunan, Wanita, Keluarga dan Masyarakat perlu terus menggembelng tenaga dan usaha untuk memperkasakan wanita agar kita mampu berdiri sama tinggi dengan kaum lelaki.

Saya ingin mencadangkan agar kementerian bukan sahaja membina sebuah platform untuk wanita berkongsi idea, input dan pandangan untuk memperkasakan wanita tetapi juga menggalakkan penyertaan wanita daripada pelbagai latar belakang untuk turut sama dalam aktiviti perkongsian ini. Saya yakin melalui suara-suara wanita ini kita dapat mengenal pasti isu utama yang menjadi dilema para wanita di luar sana dan seterusnya mencari jalan untuk mendapatkan sebuah penyelesaian yang tuntas dan berkesan.

Kementerian juga boleh mempertimbangkan untuk mewujudkan sebuah Kertas Putih mengenai pembangunan wanita yang memberi seruan jelas kepada semua pihak supaya memainkan peranan bagi mencapai kesaksamaan gender. Saya yakin Kertas Putih ini akan menjadi satu- pelan tindakan utama yang menyeluruh dan mampu menjamin pembangunan, kemajuan wanita dan Malaysia.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan di sini untuk memberi pandangan kepada Kementerian Kesihatan. Perkara ini saya perlu sampaikan di sini kerana ini merupakan keluhan, keluh-kesah rakyat kita di kampung-kampung dan juga di bandar-bandar.

Pertamanya, saya memohon kepada Kementerian Kesihatan. Perkara ini sudah lama berlaku tetapi tidak ada usaha untuk mengatasinya, ia tetap terus berlaku. Pertamanya, kekurangan doktor pakar di hospital-hospital di daerah-daerah. Ini boleh kata saban tahun, beberapa tahun, beberapa kali pemerintahan masih juga tidak selesai.

Kedua, pesakit yang terlalu ramai di hospital kerajaan terpaksa menunggu giliran yang terlalu lama.

Ketiga, ubat-ubatan yang tidak mencukupi menyebabkan pesakit-pesakit terpaksa membeli di farmasi-farmasi. Ini menyebabkan rakyat dalam keadaan tekanan kos sara hidup, mereka terbeban dengan masalah-masalah ini. Termasuk menaik taraf hospital yang kerap kali uzur, yang perlu diperbaiki demi kepentingan rakyat, kesihatan rakyat kita.

Keduanya, saya ingin menegur berkenaan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, tentang pembangunan usahawan. Sekarang kerajaan dalam usaha untuk memperbanyakkan usahawan-usahawan pertanian tetapi malangnya geran-geran yang diberi tidak sampai kepada usahawan-usahawan yang memerlukan. Saya ingin tahu bagaimana Kementerian Pertanian mengagihkan geran-geran, membantu pertanian-pertanian di peringkat luar bandar bagi mereka menangani isu-isu kenaikan harga baja dan kenaikan harga barang-barang pertanian.

Ketiganya, saya ingin menyentuh berkenaan dengan harga tambang. Tambang bas ekspres contohnya. Tambang kapal terbang contohnya. Naik berkali-kali ganda dan tidak ada kawalan. Saya minta kementerian pada saat rakyat yang tertekan ia perlu dikaji supaya ia tidak membebankan kepada rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya berharap inti pati ucapan saya akan mendapat perhatian daripada kerajaan khususnya kementerian-kementerian yang saya sebutkan tadi.

Seterusnya dapat diterjemahkan kepada sebuah tindakan demi kelangsungan dan pembelaan kepada rakyat kita. Dengan ini saya menjunjung kasih dan menyokong Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis Abd Aziz atas perbahasan tadi.

Seterusnya, saya menjemput pembahas yang ke-11 iaitu Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad, dan selepas itu ada permintaan daripada Yang Berhormat Datuk Noraini binti Idris untuk menjadi pembahas yang terakhir kerana kita pun ada masa lagi.

Baik lah. seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apani, dipersilakan.

4.47 ptg.

Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad: *Auzubillah minas Shayiton nirrajeem. Bismillahi Rahmani Rahim. Alhamdulillah rabbi 'alamin. Wassalatu wassalamu ala asrafil ambiya iwal mursalin. Wa 'ala alihi wasahbihi ajma'in...* [Membaca sepotong ayat Al-Quran]

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian. Pertama sekali, saya nak mengucapkan tahniah kepada sahabat-sahabat baharu yang dilantik sebagai Senator seramai 16 orang pada 20 Mac. Dengan lafaz *ahlan wa sahan* kepada kumpulan ataupun Kelab Senator. *Insya-Allah*, kita akan berada dalam kelab yang sangat aman dan bebas untuk mengutarakan pandangan kita secara akademik tanpa diganggu gugat, *insya-Allah*. Ini tidak berlaku di Dewan sebelah sana.

Kedua, saya nak mengucapkan Hari Juruukur Sedunia yang diiktiraf oleh FIG pada tanggal 21 Mac pada tiap-tiap tahun. *Alhamdulillah*, saya baru balik daripada Majlis Sambutan Hari Juruukur Sedunia yang dilangsungkan di Bangunan Lembaga Juruukur Tanah Taman Melawati.

Ketiga, saya nak mengucapkan tahniah pada Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia yang telah memainkan peranan yang amat penting, di mana buat pertama kalinya kerajaan mengiktiraf sumbangan Jabatan Ukur dan Pemetaan Negara dengan menggunakan khidmat mereka pada masa peristiwa tanah runtuh pada Disember 2022 di Batang Kali, di *Father's Organic Farm*, di mana kesemua mangsa tertimbus dapat diselamatkan atas usaha Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia yang menggunakan teknologi-teknologi canggih dan terkini.

Penggunaan satelit, penggunaan teknologi dron dan penggunaan *Ground Penetrating Radar* (GPR). Dengan menggunakan ketiga-tiga teknologi tersebut tidak ada satu orang pun mangsa tertimbus yang tidak dapat diketemui. Tahniah Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia... [Tepuk]

■1650

Keempat, saya mengambil kesempatan awalnya untuk mengucapkan selamat menyambut Ramadhan pada semua sahabat beragama Islam Ramadhan 1444 Hijrah.

Bagi menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong- yang dititahkan pada 13 Februari, saya akan beri syarahan sampai ke waktu yang dibenarkan *insya-Allah*.

Harapan ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong supaya benar-benar berlaku perpaduan di dalam negara kita. Antara asas dan faktor supaya perpaduan itu berlaku iaitu keadilan dan kesaksamaan yang patut dilakukan dan dilaksanakan oleh mana-mana pihak yang diberikan amanah pemerintahan, amanah berkerajaan, tanggungjawab beban tersebut terletak kepada kerajaan yang ada.

Antaranya, kita mesti menyeimbangkan pembangunan di antara negeri-negeri ataupun wilayah-wilayah di dalam negara kita *alhamdulillah* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Kesepuluh telah mengambil langkah yang baik, di mana cuba memulihkan Perjanjian MA63 di mana peruntukan yang lebih besar dan kuasa yang lebih besar diberikan kepada wilayah Sabah dan Sarawak. Ini kerana Sabah dan Sarawak bukan lagi dinamakan negeri tetapi dinamakan Wilayah Sabah, Sarawak dan Wilayah Semenanjung Malaysia. Satu langkah yang bijak di situ *insya-Allah, alhamdulillah*. Kita ucap terima kasih.

Akan tetapi sebagai mewakili Senator dari negeri Kelantan, sudah tentu saya menarik perhatian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Kesepuluh dan pihak kerajaan supaya meneliti, dan melihat kembali supaya apa yang telah dilakukan untuk Sabah dan Sarawak kerana menuruti Perjanjian MA63, maka saya minta kerajaan menyoroti kembali perjanjian yang dilakukan pada tahun 1975, antara kesemua Menteri Besar, kesemua Ketua Menteri dengan PETRONAS, disaksikan oleh Kerajaan Persekutuan.

Kerajaan yang ada dan siri-siri kerajaan hendaklah mengetahui betapa sukarnya untuk Yang Teramat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah anak Melayu pintar- pada ketika itu belum berusia 40 tahun, yang telah mengepalai satu pasukan bagaimana hendak memanfaatkan secara optimum hasil negara- petroleum, bahan galian yang baharu diketemui pada ketika itu... [*Membaca sepotong ayat*] Diulang lebih 20 kali dalam surah Ar-Rahman, Allah berfirman iaitu, nikmat Aku yang mana lagi kah yang kamu cuba nafikan, yang kamu cuba bohongi, yang kamu tidak berterima kasih.

Jadi atas asas negara kita diberi oleh Allah SWT sama ada petroleum dan gas dalam siri-siri penemuan cari gali pada awal 60-an, akhir 60-an sehingga akan menjadi realiti pada awal 70-an, dan negeri yang dikenal pasti ditemui petroleum pada ketika itu, ditemui gas ketika itu iaitu negeri Kelantan dan Terengganu.

Kalau kita ingat balik, kalau kita rujuk balik Tuan Yang di-Pertua, *Hansard* Parlimen pada 1975 di mana pada waktu itu, semua negara kita, semua negeri dalam Malaysia diperintah oleh Barisan Nasional. PAS berada dalam Barisan Nasional. Menteri Besar pada ketika itu Dato' Dr. Haji Mohd Nasir. Sarawak juga di bawah Barisan Nasional yang dipimpin oleh Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman bin Ya'kub. Sabah dan semua negeri berada dalam satu pasukan, satu saf, satu barisan- Barisan Nasional, memudahkan untuk mereka menandatangani satu perjanjian yang dinamakan Akta Kemajuan Petroleum 1974. Penggubal kepada akta ini antaranya Almarhum Tun Mohamed Salleh Abas, Nik Saghir- peguam Melayu terkenal, dan juga Dato' Najib Tun Razak pegawai muda Petronas, turut terlibat.

Mereka tahu bahawa betapa sukar untuk memujuk Menteri-Menteri Besar, Ketua-Ketua Menteri seluruh tanah air pada ketika itu supaya bersetuju untuk menandatangani supaya mana-mana hasil petroleum yang ditemui di permukaan pantai tiap-tiap negeri akan menjadi lima peratus hasil jualannya itu hak-hak milik negeri tersebut, dan dibayar secara tunai pada 31 Mac, dan pada 30 September, secara tunai tiap-tiap tahun.

Oleh sebab itu, pihak kerajaan janganlah menjadikan alasan Kanun Tanah Negara untuk menyekat dan menghalang untuk diberikan pemberian royalti secara tunai kerana memang termaktub bahawa hak milik kerajaan negeri, hak milik penguasaan tiga-batu nautika- lebih kurang hampir enam kilometer itu sudah tertakluk dan sudah tercatat di dalam Kanun Tanah Negara yang diluluskan oleh Parlimen pada 1960 dan pemikir-pemikir Melayu ini, pemikir-pemikir tanah air yang hebat ini menggubal Akta Kemajuan Petroleum 1974.

Adakah kita di Parlimen ini hendak mengecilkan kekuatan pemikiran Tun Mohamed Salleh Abas, Yang Teramat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah dan berbagai, bagai, bagai lagi mereka dan pelbagai nama yang terlibat, termasuk Raja Tun Mohar Raja Badiozaman. Kita hendak mengecil, hendak mengatakan bahawa mereka tidak baca Kanun Tanah Negara Yang digubal pada 1960 sehingga mereka lupa untuk merujuk kepada Kanun Tanah Negara? Sedangkan semua orang tahu perundangan tertinggi dalam negara kita Perlembagaan Persekutuan itu yang paling tinggi, kemudian Kanun Tanah Negara, kemudian dituruti dengan segala akta-akta yang lain.

Jadi semasa mereka menggubal akta ini mereka sudah mengambil kira tentang butiran penguasaan negeri setakat tiga batu nautika. Sudah mengambil kira. Kalau mereka tidak mengambil kira maka automatik Akta Kemajuan Petroleum 1974 terbatal kerana ia sudah mencanggahi Kanun Tanah Negara. Ini kerana Kanun Tanah Negara mengikut urutan undang-undang lebih tinggi daripada mana-mana akta.

Oleh sebab itu kita jangan memperkecilkan kecerdikan pada pemikir-pemikir pada ketika itu. kerana sudah tentu di mana mereka menggubal ini mereka sudah merujuk dan sudah mengambil kira butiran hak milik penguasaan negeri setakat tiga batu nautika di dalil yang terdapat Kanun Tanah Negara tersebut.

Oleh sebab itu saya mengharapkan kerajaan yang ada *insya-Allah* di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Kesepuluh, dengan izin, *one right correct all the previous wrongs*, dengan izin. Satu kebenaran akan memansuhkan semua kesilapan yang lepas. Kita jangan ungkit “barang yang lepas jangan dikenang” yang kita hendak barang ke hadapan. Oleh sebab itu *coffer*, dengan izin, *state coffer*, *coffer PETRONAS* or *coffer* Kerajaan Persekutuan tidak akan tiris dengan hanya sedikit pemberian subsidi secara tahunan pada Kelantan...

Datuk Razali bin Idris: Minta izin Tuan Yang di-Pertua, boleh minta sedikit penjelasan.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Sila, sila.

Datuk Razali bin Idris: Boleh Tuan Yang di-Pertua? Terima kasih.

Saya hendak minta pengesahan daripada wakil Kelantan- nampak macam marah sangat- ada satu ketika dahulu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang pernah berjanji, kalau sekiranya menjadi Perdana Menteri, akan menganugerahkan Kelantan 20 peratus royalti minyak? Terima kasih.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Pada 7 Jun 2018, kerajaan yang berjaya mengalahkan Barisan Nasional, kerajaan pertama yang berjaya mengalahkan Barisan Nasional pada ketika itu telah mengambil langkah memansuhkan Program Wang Ihsan dan Bayaran Tunai Petroleum. Bayaran tunai petroleum akan disalurkan secara terus kepada Kerajaan Negeri Kelantan dan Terengganu tanpa mengambil kira status negeri tersebut yang dikuasai oleh Pembangkang.

Sudah ada keputusan pada 7 Jun 2018. Semasa itu Perdana Menteri Malaysia yang ketujuh. Sudah ada keputusan dan memang janji 20 peratus. Oleh sebab itu Wilayah Sabah dan Wilayah Sarawak mendapat manfaat 20 peratus tersebut. Akan tetapi kita Kelantan dan Terengganu tidak mengapa. Kita tidak hendak bincang 20 peratus, dengan lima peratus pun *alhamdulillah*, sudah kita mensyukuri.

■1700

Ini adalah kerana itu harapan kerajaan yang ada, supaya mematuhi hasrat perjanjian yang ditandatangani pada tahun 1974-1975. Sudah memadai. Yang 20 peratus janji politik, itu kalau diberi, *alhamdulillah*. *Ahlan wasahlan*.

Cuma, saya hendak beritahu kepada Tuan Yang di-Pertua. Semasa pembentangan, semasa penukaran perkataan “royalti” kepada “ihsan”, ia berlaku dalam sesi Parlimen 1999 kepada 2004. Tidak pernah berlaku dalam sejarah; lima orang Ahli Parlimen bangun semasa dibentangkan oleh Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin pada ketika itu. Tidak pernah berlaku semasa pembentangan bajet oleh Menteri Kewangan, lima orang yang bangun ketika itu dan salah seorang adalah yang sedang bercakap sekarang ini.

Sekarang ini yang sedang bercakap ini lah salah seorang yang bangun menentang pembentangan bajet Menteri Kewangan pada ketika itu kerana kita tidak bersetuju, kerana “kenapakah sekarang?” Pada waktu itu. Bukan “sekarang” sekarang. “Sekarang” pada waktu itu. Kenapa sekarang hendak ditukarkan perkataan “royalti” kepada “ihsan”? Sedangkan dari tahun 1974 kepada 2000 masih mengekalkan perkataan “royalti”.

Akan tetapi, oleh sebab pada ketika itu Kerajaan Negeri Terengganu bertukar tangan daripada Barisan Nasional kepada PAS, maka perkataan “royalti” ditukar kepada “ihsan”.

Oleh sebab itu, saya memohon kepada kerajaan. Sedangkan sudah ada satu perjanjian. Sudah ada satu keputusan kerajaan supaya ia diteruskan. Maka, saya percaya *Insya-Allah* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Kesepuluh mendengar ini. Sebagai seorang sahabat saya, yang menjadi galang ganti dari 1967 sehingga 2018 supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang ada ini membetulkan keadaan kerana *insya-Allah* rezeki negara kita akan bertambah sekiranya kita mematuhi perjanjian yang telah dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan, oleh PETRONAS, dan semua Ketua Menteri dan Menteri Besar pada ketika itu. *Insya-Allah*.

Oleh sebab itu, saya tengok umpamanya Kerajaan Negeri Kelantan telah mengambil beberapa langkah untuk secara aman dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan sentiasa berpesan, dia tidak hendak berlakunya demonstrasi. Kita hentikan demonstrasi. Kita hentikan. Beberapa kali Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan yang ada memaklumkan, supaya dia tidak hendak lihat demonstrasi berlaku atas tuntutan royalti kerana yang hendak berdamai, yang hendak berbincang dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Kerajaan Persekutuan ialah beliau sendiri. Maka *alhamdulillah*, rakyat Kelantan yang semua tahu jaguh, hero demonstran tetapi kita patuh kepada arahan pimpinan kita, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan. Kita tidak *proceed*. Kita tidak teruskan dengan demonstrasi tersebut.

Kita mengambil langkah yang sangat lunak dan merdu di mana kerajaan negeri mengambil langkah dan usaha dalam menuntut bayaran tunai petroleum termasuk enam siri rundingan dengan Perdana Menteri bermula tahun 2013 hingga 2021 dan satu pertemuan turut diadakan bersama pengerusi dan pengurusan tertinggi PETRONAS pada 10 Julai 2020.

Justeru, berdasarkan kepada beberapa siri pertemuan dan juga langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan negeri, maka saya bagi pihak kerajaan negeri rakyat Kelantan memohon dan merayu supaya kerajaan membayar wang tunai royalti ini secara langsung kepada perbendaharaan negeri kerana mengikut perjanjian, ia hendaklah dibayar kepada perbendaharaan negeri secara tunai dua kali setahun dan tidak menggunakan pelbagai alasan, jutaan alasan untuk membayar melalui saluran-saluran yang tidak rasmi kerajaan negeri.

Jadi, *insya-Allah* kita mengharapkan ia berlaku pada kali ini. Dengan itu, kita boleh mengharapkan supaya dengan berlakunya pembayaran ini, *insya-Allah* negeri Kelantan dan negeri Terengganu, khususnya negeri Kelantan, kita akan lihat lebih banyak kemajuan kita dapat lakukan dan laksanakan.

Sekarang ini banyak tuduhan yang ditunjukkan kepada negeri Kelantan dengan alasan tidak pandai mentadbir dan mengurus negeri. Saya hendak memaklumkan di sini, walaupun pada saban tahun, tiap-tiap tahun kerajaan negeri membentangkan bajet bermula dari tahun 2018 sehingga 2022, lima tahun berturut-turut, kita semasa membentangkan bajet negeri, kita memang mempamerkan bajet defisit.

Akan tetapi, apabila realiti perbelanjaan sebenar berlaku, kita telah berupaya membuktikan bahawa daripada bermula tahun 2018, kita telah berbelanja secara berhemah dan tiap-tiap tahun bajet negeri Kelantan sentiasa surplus bermula RM38 juta sehingga kepada RM64 juta. Maknanya, bermula daripada RM38 juta pada tahun 2018, meningkat kepada RM42 juta dan akhirnya sampai pada tahap RM64 juta pada tahun 2022.

Kita juga meneruskan pembangunan-pembangunan yang sepatutnya. Antaranya, pada tahun ini kerajaan negeri memperuntukkan RM70 juta untuk bekalan air. Satu angka yang besar kalau dinisbahkan dengan belanjawan negeri. Ini adalah kerana kita kena sedar bahawa sebelum tahun 1990, sudah ada satu rancangan bekalan air negara sebelum tahun 1990.

Semua negeri telah diperuntukkan dalam rancangan dasar bekalan air negara ketika itu. Semua negeri kecuali Perlis akan mendapat berbilion-bilion Ringgit. Tidak ada satu pun negeri, kecuali Perlis akan mendapat lebih daripada RM1 bilion, termasuk negeri Kelantan.

Ini adalah kerana isu sistem pembekalan air negara pada ketika itu, memang seluruh negara berada dalam keadaan yang agak kritikal. Maka, ditubuhkan satu Jawatankuasa untuk memikirkan rancangan kerangka negara tentang bekalan air. Maka, semua negeri telah diberikan peruntukan. Akan tetapi, malang negeri Kelantan. Oleh sebab keputusan pilihan raya pada tahun 1990, Kelantan ditadbir oleh Pembangkang. Maka, Kelantan telah dinafikan haknya. Negeri-negeri lain semua dapat berbilion. Oleh sebab isu air Kelantan, maka kita terpaksa menanggung dengan bajet negeri yang sangat terhad.

Oleh sebab itu, Kelantan tertinggal berbanding negeri-negeri lain. Ini adalah kerana tidak ada negeri dalam negara kita yang mampu menanggung kos bekalan air tanpa bantuan daripada Persekutuan. Tidak ada. Sama ada Selangor- Selangor mendapat lebih daripada RM10 bilion, selain daripada program penswastaan SPLASH Sungai Selangor. Selain daripada rancangan SPLASH Sungai Selangor, tidak ada negeri dalam Malaysia yang mampu secara berdikari. Oleh sebab itu, kita tengok walaupun negeri Pulau Pinang- Pulau Pinang sendiri pun ditanggung. Negeri Selangor sendiri, termasuk Kuala Lumpur ditanggung oleh bajet Persekutuan.

Jadi, negeri Kelantan tidak teruskan mengikut dasar yang telah ditetapkan sebelum tahun 1990. Oleh sebab itu, negeri Kelantan walaupun dalam keadaan tersebut telah berdikit-dikit, telah cuba memperbaiki dari semasa ke semasa. Memanglah kita tidak boleh menyelesaikan isu air secara 100 peratus. Akan tetapi, banyak sudah kawasan tertentu umpamanya kawasan saya di Parlimen Jeli. *Alhamdulillah*, isu air tidak kedengaran lagi. Sebahagian besar kawasan Gua Musang sudah tidak kedengaran lagi. Akan tetapi, isu-isu kritikal ada di bandar-bandar besar umpamanya di Kota Bharu, umpamanya di Bachok. Sebahagian pula di Ketereh dan juga sebahagian di Machang.

Walaupun satu peruntukan, satu pinjaman telah diberikan kepada Kerajaan Kelantan pada awal tahun 2001, tetapi dengan pinjaman RM600 juta itu hanya mencukupi untuk tempoh tertentu. Dari tahun 2001 sampai ke tahun 2005, cukup untuk tempoh tertentu. Akan tetapi, malangnya cara pengagihan kewangan ini ia tidak mengikut perjanjian asal. Sepatutnya RM600 juta ini diagihkan dalam lima tahun. Tiap-tiap tahun RM120 juta. Akan tetapi, cara pemberian hanya diberi ikut suka hati Kerajaan Persekutuan pada ketika itu.

Tambahan pula, pelantikan kontraktor tidak dilakukan oleh AKSB, pengendali air Kelantan. Tidak dilakukan oleh AKSB. Pelantikan kontraktor dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan tetapi pembayaran nanti disahkan oleh AKSB. Cuma yang malangnya, cara pembayaran, cara pemberian ini tidak mengikut perjanjian. Kalau ikut perjanjian, banyak diselesaikan kerana kita kena faham dalam sistem air ini, dalam sistem pembinaan air umpamanya pada perancangan asal tiap-tiap tahun RM120 juta. Jadi, sudah tentu reka bentuk yang dibuat oleh AKSB mestilah reka bentuk yang *cater* dengan RM120 juta tersebut.

■1710

Akan tetapi, bilamana kerajaan membuat pindaan dengan hanya pada tahun tertentu hanya melangsaikan atau hanya boleh memberi sekadar RM60 juta, sudah tentu reka bentuk tersebut mesti diubah. Ini kerana kalau diberi RM120 juta, mungkin penyelesaian isu air ini banyak diselesaikan tetapi bila dilakukan perubahan tersebut daripada RM120 juta ke RM60 juta, maka reka bentuknya makin mengecil dan sudah tentu mengganggu untuk dibuat reka bentuk yang baharu.

Oleh sebab itu, RM600 juta sepatutnya menyelesaikan 30 peratus isu negeri Kelantan tetapi oleh sebab cara pemberian itu tidak seperti perjanjian, maka ia hanya menyelesaikan 15 peratus.

Maka sebab itulah, baru-baru ini di bawah Kerajaan Perikatan Nasional telah dipersetujui untuk menyelesaikan isu air Kelantan, sebuah kolam takungan yang mengambil keluasan 440 hektar di Machang telah diluluskan peruntukannya untuk dibina sebuah kolam takungan. Di mana kolam takungan ini, mengikut pada kajian, sudah memadai untuk menyelesaikan isu pengagihan air kepada seluruh negeri Kelantan. Sudah mencukupi untuk menyelesaikan isu pengairan di seluruh negeri Kelantan.

Cuma, isu yang paling besar dalam projek bekalan air ini bukan tangkinya, bukan punca air. Itu tidak menjadi isu yang paling besar. Akan tetapi, isu yang paling besar yang melibatkan kos paling besar merupakan kos batang paipnya, salurannya. Ini kerana Kelantan sendiri melibatkan hampir 10,000 kilometer batang paip. Batang paip di Kelantan ini umumnya merupakan zaman Perang Dunia Kedua, dan paipnya paip besi. Bila paip besi, ia mudah berkarat. Sekarang ini tidak pakai paip besi sudah sekarang. Sudah pakai bahan yang lain. Maknanya, isu karat tidak timbul.

Oleh sebab itu, yang paling penting, kita minta bajet yang besar ini- kerana semua negeri sudah mendapat bilion-bilion. Kita dapat bajet bilion ini bukan kerana apa. Kita hendak bajet bilion-bilion ini adalah kerana untuk isu paip untuk mengatasi isu *non-revenue water* (NRW). Ini kerana negeri Kelantan sekarang ini, *non-revenue water*-nya lebih kepada 50 peratus, yakni 52 peratus. Ini berlaku kerana bilamana paip itu paip besi, ia mudah berkarat dan bilamana kita mengenakan tekanan yang lebih tinggi, ia ada tempat-tempat sambungan yang boleh mengganggu sambungan boleh menjadi pecah.

Oleh sebab itulah saya mengharapkan, selain daripada kerajaan meneruskan projek empangan takungan air di Machang yang meliputi kawasan seluas 440 hektar, juga meneruskan untuk pembangunan saluran penyambungan air daripada empangan tersebut kepada tempat-tempat yang kritikal. Sudah tidak banyaklah tempat kritikal. Hanya di Tumpat, sebahagian Pasir Mas, sebahagian Kota Bharu, sebahagian Bachok dan sebahagian Machang. Kawasan-kawasan lain macam Kuala Krai, *alhamdulillah*, baik. Kawasan Gua Musang, Jeli dan Tanah Merah baik.

Ini kerana di negeri Kelantan, selain daripada punca-punca air begitu, kita juga ada punca air bukit yang juga kita bekerjasama dengan Jabatan Kesihatan. Kita juga ada mendapat sedikit bantuan daripada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah sekarang ini, dahulu Kementerian Luar Bandar, untuk kawasan-kawasan luar bandar. Oleh sebab itu, kawasan-kawasan luar bandar, isu air ini sudah tidak banyak kedengaran. Macam saya di Jeli sekarang ini, tenanglah, tidak bunyi sudah isu masalah air ini kerana kita ada sumber air yang bagus dan juga rumah-rumah sudah dapat kita masuki air.

Tambahan pula, kerajaan negeri menubuhkan Jabatan Pembangunan Air sendiri, Jabatan Air Negeri (JAN). Di mana Jabatan Air Negeri juga mendapat peruntukan lain selain daripada yang saya sebutkan peruntukan pembangunan langsung tadi. Jadi, Jabatan Air Negeri juga diberi peruntukan dan memang ada kakitangan tersendiri untuk menguruskan khususnya air-air di luar bandar.

Oleh sebab itulah saya mengharapkan kerajaan supaya secara holistik kita memikirkan penyelesaian air ini kerana air ini bukan hanya masalah di Kelantan, di Perlis saya difahamkan *non-revenue water* lagi tinggi sehingga 64 persen. Jadi, kerajaan mesti memikirkan satu mekanisme di mana *non-revenue water* ini kita mesti sasarkan sehinggakan pada tahap 20 persen atau 25 persen supaya kebocoran ini dapat diatasi. Kebocoran dapat diatasi dan penjimatan dapat dilakukan.

Ini kerana kita difahamkan, Singapura sekitar 15 peratus. Kalau Singapura boleh lakukan, kenapakah kita tidak boleh lakukan? Jadi, *insya-Allah*, kita tidak adil untuk mengatakan kita tidak mampu. Ini kerana kalau kita lihat orang lain boleh buat, kenapakah kita tidak boleh buat? *Singapore*, 15 peratus.

Dan saya menyedari bahawa perniagaan air ini, kalau melibatkan hanya penggunaan domestik, memang sukar. Oleh sebab itu, *alhamdulillah*, kita mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang telah bersetuju supaya aset-aset air di seluruh negara dipindahkan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB).

PAAB telah mengendalikan semua dan segala pinjaman telah diserapkan ke dalam PAAB. Jadi, dengan tindakan tersebut, *insya-Allah*, kerajaan negeri dan juga penguasa-penguasa air negeri masing-masing dapat lebih berdikari dan dapat lebih fokus kerana- secara umumnya, bantuan kerajaan dapat disalurkan melalui PAAB ini. Ini kerana PAAB inilah yang mengambil balik semua hutang dan mereka menguasai aset-aset air kepunyaan milik negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, di antara beberapa cadangan saya kepada kerajaan yang ada ini ialah kita melihat sering kali jawapan-jawapan yang diberikan dalam Parlimen ini lebih kepada tindakan, cadangan dan apa yang kerajaan fikirkan. Jadi, oleh sebab saya seorang juruukur daripada bahagian teknikal, kerajaan mesti lebih fokus kepada penggunaan angka-angka.

Umpamanya, contoh dalam satu soalan pagi ini, bagaimana hendak menyelesaikan kemiskinan tegar Orang Asli, contoh. Penyelesaian kemiskinan tegar Orang Asli. Jadi, kerajaan dalam sebarang jua jawapanlah daripada dahulu lagi, dia kurang gemar, dia segan hendak menggunakan angka. Jadi, sebab itu bila mana kita tidak menggunakan angka, maka kita tidak tahu setakat mana penyelesaian, KPI telah dicapai. Alangkah baiknya- bukan alangkah baiknya. Itulah caranya bilamana kalau kerajaan menggunakan angka-angka.

Contohnya, untuk menghapus- kita kata jangan menghapus. Penggunaan menghapus itu mungkin sulit. Untuk pengurangan kemiskinan tegar di kalangan Orang Asli. Ini kerana saya sendiri di kawasan saya ada lebih kurang dalam 550 orang pengundi Orang Asli. Jadi, ada Orang Aslilah seramai 550. Jadi, cara dia mesti kerajaan memberi angka. Dalam tempoh lima tahun, misal kata, bermula tahun ini, tahun 2023, kita akan cuba menurunkan kemiskinan tegar Orang Asli 10 peratus setiap tahun.

Kalau kerajaan mengatakan 10 peratus setiap tahun, maka kita senang untuk memantau, untuk melihat dan menegur di mana kegagalan kerajaan. "Kenapa pada tahun ini hanya berjaya lima peratus, tidak 10 peratus?" Dan kerajaan boleh jadi tidak perlu optimistik tetapi jangan pesimistik. Biarlah jangkauan itu jangkauan yang boleh diatasi oleh kerajaan. Kalau cara jawapan yang kerajaan beri sekarang ini, maka kita, dengan izin, *in the dark*. "Ini langkah-langkah kerajaan", "Ini tindakan-tindakan kerajaan".

Jadi, sebab itu saya lebih cenderung kalau kerajaan menggunakan angka di mana kita tahu, umpamanya, kadar kemiskinan tegar mesti dinaikkan tiap-tiap tahun. Takkan 20 tahun dahulu masih menggunakan angka miskin tegar 20 tahun dahulu? Sedangkan, kenaikan barang melonjak-lonjak mengikut kadar inflasi. Tambahan pula sekarang ini, daripada pengamatan di bawah, kita dapati bahawa memang kos barangan naik mendadak.

Oleh sebab itu, timbul satu pihak yang terpaksa memohon dikeluarkan wang KWSP mereka. Walaupun kita tahu masing-masing mempunyai simpanan yang tidak seberapa tetapi mereka tidak ada pilihan kerana kos kenaikan luar biasa. Seperti mana yang disebut oleh sahabat saya tadi, kos kapal terbang sekarang pelik. Bukan ada orang, tetapi pelik. Kalau kita selalu menggunakan kapal terbang- kalau dahulu sekitar RM170, sekarang sudah RM350. Jadi, kos segala-galanya telah meningkat.

Oleh sebab itu, saya sekarang umpamanya, saya minta- macam dalam pagi ini, selain daripada Orang Asli, misal kata kes *cyber crime* ataupun isu *scam*, sekarang ini-katalah berapa ratus ribu? Kata 200,000. Dalam tahun lima tahun lagi, kita hendak mengurangkan kepada- 500,000, kita hendak kurangkan kepada 250,000.

■1720

Setahun kita hendak dikurangkan 50,000. Maka senang kita buat kerja. Jadi kita boleh tahu mekanisme kerajaan berkesan ataupun tidak. Kalau tidak ada angka, maka kita tidak tahu keberkesanan mekanisme kerajaan. Oleh sebab itu kerajaan boleh leka kerana angka-angka tidak diberikan.

Misalannya dalam pembinaan jalan, Timbalan Yang di-Pertua daripada bahan kontraktor tahu bahagian jalan. Okey, jalan *Central Spine Road* dari Simpang Pelangai ke Kota Baharu, berapa fasa? Ada sekian fasa. Berapa fasa sudah siap, berapa peratus, dan bila disiapkan? Kan senang rakyat tahu, jangkaan siap bila. Tahun 2026. Umpamanya *the East-Coast Rail Link* (ECRL). Bila jangkaan siap..., 2027? Jadi kerajaan pantau, senang dipantau. Oleh sebab itu apa jua kerajaan lakukan supaya dilihat berjaya, maka kerajaan mesti banyak menggunakan angka.

Selain daripada itu, kita tengok Tuan Yang di-Pertua, umpamanya dalam kes isu rasuah. Isu rasuah, kerajaan nampak serius. Kita pun doakan kerajaan serius kerana *transparency index* perlu diturunkan dan kriteria-kriteria yang disenaraikan oleh *transparency index* itu kita patuhi dan kita tengok kesan dia. Okey, tahun 2023 kita hendak turunkan *transparency index* Malaysia daripada kedudukan nombor berapa ke nombor berapa? Tahun 2024 nombor berapa ke nombor berapa?

Jadi *insya-Allah*, dengan adanya ukuran-ukuran angka tersebut, kita akan gembira. Makna kita tahu bahawa sasaran yang dilakukan dan yang dihasratkan oleh kerajaan akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak memohon di sini walaupun usia saya sebagai Ahli Dewan Negara tidak panjang lagi, saya bersimpati dengan sahabat-sahabat saya Ahli Dewan Negara kerana walaupun kita tahu kerajaan hendak menjimatkan belanja. Rakan kita di Dewan Rakyat mendapat peruntukan yang lebih kecil, sebelum ini mereka memperoleh RM3.8 juta setahun dan sekarang ini diturunkan kepada RM1.3 juta.

Akan tetapi kita perlu, kerajaan perlu juga melihat kedudukan Ahli Dewan Negara kerana kita Ahli Dewan Negara ini Dewan tertinggi, kalau kita pakat-pakat merajuk, susah juga. Akta itu tidak lulus... [*Ketawa*] Itu gurauanlah.

Akan tetapi, kita kena tengok bahawa Dewan Negara ini jangan dipandang kecil, jangan dipandang enteng kerana kita mewakili seluruh negara. Saya punya peruntukan dahulu, Sabah dan Sarawak pun saya bagi kerana semua orang datang. Oleh sebab kita ini seolah-olah dilihat- sempadan kita satu Malaysia. Jadi biarlah bermakna, jadi bila mana diminta oleh teman-teman Dewan Negara khususnya Ahli-ahli Dewan Negara yang baharu ini, setengah juta setahun itu, *insya-Allah*. Permulaan yang baik, setengah juta. Jadi Tuan Yang di-Pertua pun kena buat kerja kuat, supaya semua dapat.

Saya tidak apalah, sudah tidak lama, hendak pencen. Jadi saya fikir, kalau setengah juta setahun memadai. Daripada RM300 ribu sepenggal, RM100 ribu hendak buat apa sekarang ini? Apakah kita boleh buat RM100 ribu setahun? RM300 ribu sepenggal. Jadi saya fikir saya harap kerajaan terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Kesepuluh lebih realistik. Mudah-mudahan permintaan sahabat-sahabat kita ditunaikan walaupun dalam keadaan bajet negara yang agak terhad.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengharapkan supaya pengagihan ini diteruskan kepada semua pihak. Saya berasa malu pada 1999, pertama kali saya menang Ahli Parlimen, saya agak bernasib baik, saya dipanggil bersama-sama oleh *Speaker* Parlimen pada ketika itu Tun Zahir, dia minat pada saya, saya dapat peluang lebih sedikit. Jalan bersama beliau dan kita lawat beberapa buah negara. Antaranya Yaman- Yaman banding dengan Malaysia ini, jauhlah beza. Saya pun pergi ke Lebanon. Selain daripada itu mengikut parti saya sendiri, dengan Parti PAS, saya pun pergi juga ke Bangladesh dan juga ke Pakistan kerana pada ketika parti Islam pun ada menang, di Pakistan, dan juga di Bangladesh, dan pernah jadi menteri. Di Bangladesh, parti Islam pernah pegang dua kementerian, di Pakistan pun ada.

Jadi apabila kita tanya, dan saya juga ada buat lawatan peribadi untuk Persatuan Komanwel ke India, Kenya dan lawatan peribadi ke Indonesia dan sebagainya. Apabila kita tanya peruntukan Ahli Parlimen, semua negara yang saya pergi termasuk Maldives dan Sri Lanka, mereka kata peruntukan ini tidak diganggu oleh kerajaan kerana ini hak rakyat yang memilih Ahli Parlimen tersebut.

Jadi saya pun hairan, kerana negara ku yang dicintai ini, negara yang berada dalam hampir-hampir menjadi *Asian Tigers* tidak menuruti kehendak rakyat, tidak menghormati keputusan rakyat. Itu peruntukan mengikut kehendak rakyat, sama ada Ahli Parlimen Pembangkang hendak minta projek, itu hak kerajaan yang ada. Hendak bagi tidak hendak bagi, itu kehendak dia.

Akan tetapi untuk menafikan peruntukan setiap Ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat, saya hendak guna perkataan apa ya, saya pun tidak seronok. Tak kan saya hendak gunakan perkataan “tidak bertamadun?” Jadi tidak betul- sebab saya sudah pergi banyak negara dan negara tersebut hairan. Ahli-ahli Parlimen tersebut biasanya bagi tahu Malaysia tidak macam itu. Dia tanya berpuluh-puluh kali, apakah betul yang kamu cakap ini? Betul. Macam cerita *Pendekar Bujang Lapuk* pula saya hendak bagi tahu. Jawapan bertalu-talu dan saya bagi jawapan, mereka kata tidak munasabah sebab itu mengikut keputusan rakyat.

Jadi saya minta kerajaan yang ada...

Tuan Manolan bin Mohamad: Yang Berhormat, boleh tanya soalan sedikit?

Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad: Sila-sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengikut sahabat Yang Berhormat berkenaan dengan bajet untuk Ahli-ahli Parlimen. Akan tetapi soalan saya, Yang Berhormat kalau kita tengok PMIX, adakah membuat MOU dengan Ketua Pembangkang, adakah pihak sana juga akan membuat perkara yang sama? Itu soalan saya. Mungkin ada peluang, Perdana Menteri, mana kita tahu. Itu soalan saya. Terima kasih.

Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad: Hebat ini, sahabat ku, Bob. *Welcome back to the club*. Sudah gaharu cendana pula, sudah tahu bertanya pula. *Understood*. Memang sepatutnya saya rasa perlu ada perjanjian kerana kita tengok keamanan berlaku, makna satu suasana yang sangat aman semasa Dato’ Sri Ismail Sabri menjadi Perdana Menteri. Bila mana berlaku perjanjian tersebut dan kerajaan tidak diganggu gugat. Maknanya kita tengok aman, dalam Parlimen ada sedikit-sedikit kecoh pun, tidak serius. Jadi saya fikir suasana yang sama patut diteruskan. Sama ada hendak buat perjanjian kah, tidak ada masalah.

Bahkan saya hendak bagi tahu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan apabila kami berjumpa, dia kata, “Saya tidak hendak menjadi Menteri Besar yang pertama yang tidak patuh kepada undang-undang.” Sebelum lagi keputusan dibuat di peringkat Persekutuan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan sudah praktis bajet peruntukan tersebut terus diberi kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang menang walaupun mereka berlainan parti pada ketika itu, sehinggalah kepada tarikh pilihan raya.

Tarikh pilihan raya barulah terhenti modus operandi, pemberian langsung kepada mana-mana Wakil Rakyat/Yang Berhormat yang menang tanpa mengira parti. Jadi alangkah baik, kalau suasana itu diteruskan, dan saya rasa lebih harmoni. Macam di Dewan Negara ini *insya-Allah, alhamdulillah* sangat harmoni. Saya pun sangat bersyukur dapat mengalami peristiwa dua alam- alam Dewan Rakyat dan alam Dewan Negara. Memang hendak cari ketenangan dan saya minta suasana ini diteruskan sampai bila-bila.

Kita minta Dewan Negara ini cepat kita- pertembungan intelek antara kalangan kita. *Alhamdulillah* kita baharu dapat Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka, yang saya mohon supaya memartabatkan bahasa kita kerana ‘Bahasa Jiwa Bangsa’ dan bahasalah penyatu antarabangsa.

■1730

Kita lihat antaranya, sedikit Tuan Yang di-Pertua. Kita lihat misalnya kata di China dengan berbagai-bagai dialek, *Hakka, Hokkien, Fuzhou* dan sebagainya. Kerajaan memutuskan untuk menggunakan Mandarin. Dia paksa rakyat menggunakan Mandarin.

Maka ada satu bahasa penyatuan iaitu bahasa Mandarin telah dijadikan bahasa penyatuan bagi semua kelompok, bangsa China- yang ada tanpa mengira *Han*, dan sebagainya, termasuk daripada Asgar, Kashgar, Tibet, dan sebagainya.

Alhamdulillah, China sekarang ini berada pada kuasa ekonomi kedua dan mungkin dalam masa 10 tahun lagi akan mengatasi Amerika kerana Amerika ini, dia gemar cetak duit, kerana dia negara besar.

Saya mintalah *insya-Allah*, apa yang dihasratkan oleh sahabat ku saudara Bob akan diteruskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Ke-10. Kita minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Ke-10 jangan dengarlah suara-suara, bisikan-bisikan yang tidak ke arah penyatuan ini. Kita hendak kerajaan yang ada ini, kerana Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pun minta sangat supaya kerajaan yang ada ini, dia yang menyelamatkan kerajaan ini, kita pun faham.

Jadi, oleh sebab Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menyelamatkan kerajaan maka kerajaan pun mesti melakukan tindakan-tindakan yang menyebabkan ia boleh diselamatkan.

Kalau kerajaan yang ada bersikap- maknanya bersikap berat sebelah dan sebagainya, saya bimbang akan ada ganggu gugat, ganggu gugat dan kita pun lihat Yang di-Pertuan Agong tidak mahu berlaku. Takut-takut sebelum tempoh dia berakhir pada Januari 2024 berlaku lagi pertukaran kerajaan.

Ini kemungkinan, kita tidak boleh tahu. Macam-macam boleh berlaku. Jadi, kacau bilau pula di situ. Jadi, sebab itulah hasrat kita ini kita hendak lihat apa yang dipraktikkan, apa yang dipersetujui. Apa yang dibuat oleh rakyat itu kita hormat kerana pemberian RM1.3 juta, kah, pemberian bagi kita kah, tidak menyebabkan jatuh sebuah kerajaan, yang jatuh kerajaan iaitu dasar-dasar besar dia.

Kalau rakyat tengok sebuah dasar besar kerajaan berjaya, misal kata penyatuan rakyat, rakyat dapat *diimprovekan* dalam tempoh dan rancangan-rancangan ekonomi nampak memberi kesan kepada rakyat. Kerajaan sudah boleh kekal walaupun siapa mereka.

Akan tetapi kalau lebih kepada hendak menekan, dia punya *reflects*, dengan izin, tidak menguntungkan kerajaan. Bahkan balas dendam itu lebih-lebih teruk daripada sebelum semua itu. Jadi sebab itulah saya sangat-sangat mengharapkan kerajaan memberi perhatian, kita sekarang ini bersaing. Kalau dahulu-dahulu kita ingat, 1996, 1997 itu, Malaysia ini antara lima *Asian Tigers*, lima *Asian Tigers*- Korea Selatan, Hong Kong, Taiwan, Singapura dan Malaysia. Lima *Asian Tigers* tetapi apabila sampai pada *period* dia. Orang lain semua lepas lompat pagar ini.

Pelompat pagar lain semua lepas. Korea lepas, Taiwan lepas, Hong Kong lepas, Singapura lepas. Malaysia tidak lepas. Maka Malaysia terkebelakang, tidak boleh masuk dalam kelompok *Asian Tigers* pada ketika itu.

Maka Malaysia masuk dalam *division* yang berikutnya. *Division* Malaysia yang berikutnya bersama-sama Thailand, Vietnam, Indonesia, Malaysia. Akan tetapi kita tengok keadaan semasa seolah-olah ekonomi Indonesia, ekonomi Vietnam, ekonomi Thailand, kalau tengok kepada saiz GDP dan sebagainya, mereka sudah ada di depan kita.

Jadi, kalau kerajaan tidak memikirkan secara serius maka kita bimbang Malaysia sekali lagi berada di belakang ketiga-tiga negara baharu yang saya telah sebut, sama ada Indonesia, sama ada Thailand nya, sama ada Vietnamnya. Itu Filipina masih di bawah kita.

Umpamanya kita tengok. Saya baru balik dari Pulau Sebatik. Kita dengan Indonesia, kita mendengar ucapan Jokowi. Dia kata "Saya berasa bangga kerana sudah dapat dilihat perbezaan sempadan Malaysia dan Indonesia." Ini cakapan dia di depan seluruh Kabinet Indonesia.

Di pintu sempadan Malaysia dan Indonesia, kemajuan di pintu sempadan jauh Indonesia mengatasi Malaysia. Saya pun percaya dan tidak percaya tetapi apabila kita pergi ke Pulau Sebatik memang betul.

Saya tidak sebut lagi dekat Sarawak, mungkin sahabat-sahabat Sarawak boleh, kawasan Tebedu semua saya tidak tahu. Saya tidak pergi. Akan tetapi kalau tengok pada Pulau Sebatik, kerajaan mesti melakukan sesuatu supaya jangan nampak sangat ketinggalan pembangunan sempadan antara Malaysia dan Indonesia.

Begitu juga di Thailand, di Thailand kalau kita tengok pintu-pintu sempadan misal kata Tak Bai, misal kata Golok. Kalau kita tengok di jalan-jalan raya tanpa tol Thailand, jauh mengatasi kita tanpa tol, *alhamdulillah*. Maknanya kita kena jagalah.

Umpamanya di Thailand sepanjang lembangan Sungai Golok. Thailand sudah bina benteng-benteng sungai konkrit tetapi kita masih lagi dalam proses pembinaan berdasarkan fasa-fasa menyebabkan banjir lebih tertumpu kepada kita kerana mereka telah membina benteng. Oleh sebab itulah di kawasan-kawasan sempadan ini kerajaan sepatutnya menunjukkan kelebihan ekonomi, kelebihan pembangunan di sebelah kita kerana kita lebih awal mendahului negara-negara ini dari sudut pembangunannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kerana dapat mendengar dan saya *alhamdulillah* dapat membicarakan. Banyak lagi Tuan Yang di-Pertua... *[Ketawa]* Banyak lagi saya hendak bercakap, boleh lagi kah?

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak boleh.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: *[Ketawa]* Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih banyak-banyak. *Alhamdulillah, insya-Allah*, saya harapkan supaya kita dapat perpaduan yang diharapkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kita cernakan di Dewan Negara kita ini, *insya-Allah*.

Selepas ini sila jemputlah ke Mesyuarat Agung Majlis Senator Malaysia, *wallahualam. Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad atas perbahasan yang telah diberikan.

Tadi saya ada beritahu yang akan disambung oleh Yang Berhormat Senator Datuk Noraini binti Idris tetapi kerana masa kita tempohnya sudah tamat maka Yang Berhormat Senator Datuk Noraini binti Idris boleh berbahas pada esok, giliran yang pertama.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi, hari Rabu, 22 Mac 2023. Terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.37 petang]